

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menyumbangkan kepada masyarakat Islam sebuah karya tafsir yang berjudul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Beliau dilahirkan di Negeri Perak dan menerima pendidikan di beberapa buah sekolah agama rakyat sebelum melanjutkan pelajaran ke India dan Mekah¹. Setelah pulang ke tanah air beliau telah mencurahkan segala ilmunya kepada masyarakat dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Kemantapan ilmu yang dimilikinya menjadikan beliau sebagai seorang kadi, pendidik, pendakwah, dan pengarang yang berkebolehan².

Kehadiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam dunia penulisan tafsir menjadikan beliau antara penyumbang terhadap pengajian tafsir sebagaimana Syaykh Mustafa bin Abd Rahman bin Mahmud³, Syaykh Muhammad Idris bin Abd Rauf al-

¹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*, j. 1, c. 1, Pulau Pinang: Lembaga Amanah Mengembangkan Pengetahuan Ugama Islam, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

² *Ibid.*, Zamri Hashim *et al.* (t.t), *Ulama Perak Dalam Kenangan Dan Tokoh Maal Hijrah*, Ipoh : Jabatan Mufti Negeri Perak, h. 15.

³ Beliau dilahirkan pada tahun 1917M di Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Gunung Semanggol kemudian meneruskan pengajian ke Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak selama enam tahun. Seterusnya beliau menyambung pelajaran di Maahad Ehya' al-Syarif. Setelah tamat pengajian di sini, beliau berkhidmat sebagai tenaga pengajar. Syaykh Mustafa Abd Rahman seorang yang aktif menulis, beliau telah menghasilkan karya-karya yang bermutu dalam pelbagai bidang. Antara karya beliau ialah *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, *Hadith Empat Puluh: Terjemahan dan Syarahan*, *Terjemahan Mukhtasar Abi Jamrah* dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 1968M ketika berumur 51 tahun. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri (2008), *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Bakir*, c. 1, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 45, Lihat Che Hasmawati Che Awang (2004), "Ustaz Mustafa Abdul Rahman: Sejarah Hidup dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith di Malaysia" (Tesis Sarjana, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 44.

Marbawī⁴, Syaykh Abu Bakar al-Shaari⁵, Syaykh Muhammad Sa'īd Umar⁶, dan lain-lain *tokoh mufassir* di Malaysia⁷.

Karya yang dihasilkan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ini boleh dianggap antara sumbangan yang berharga kepada khazanah tafsir di Malaysia. Namun, karya ini tidak dikenali oleh masyarakat pada hari ini. Oleh itu, pengkaji merasakan sangat perlu untuk memperkenalkan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Justeru, tajuk kajian yang

⁴ Ulama Perak yang tersohor ini dilahirkan di Mekah pada 28 Zulkaedah 1313H bersamaan dengan tahun 1893M. Nama penuh beliau ialah Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawī. Gelaran al-Marbawī dinisbahkan kepada kampung bapanya iaitu Kampung Lubuk Merbau yang terletak di dalam daerah Kuala Kangsar, Perak. Ketika berada di Mekah beliau telah menghafaz al-Qur'an sebanyak 10 juzuk semasa berumur 10 tahun. Pada tahun 1913M beliau pulang ke kampung halamannya dan meneruskan persekolahan di peringkat rendah di Sekolah Melayu Lubuk Merbau. Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajaran ke Pondok Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Pondok Tuan Husain al-Mas'udi Kedah, Pondok Syaykh Ahmad Fatani, Bukit Mertajam dan Pondok Tok Kenali, Kelantan. Di peringkat tinggi beliau menyambung pelajaran ke Universiti al-Azhar pada tahun 1924M dan berjaya mendapat ijazah 'Āliyyah. Beliau sangat aktif menghasilkan karya-karya ilmiah, antara karyanya yang tersebar luas ialah; *Kamus al-Marbawī*, *Baḥr al-Mādhī*, *Tafsīr al-Qur'ān Juzuk Alif Lām Mīm*, *Tafsīr al-Qur'ān Surah Yāsīn* dan lain-lain. Jasa besar beliau telah diberi penghargaan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memberi anugerah ijazah Kehormat Doktor Persuratan pada tahun 1980. Beliau juga telah diberi anugerah Tokoh Maal Hijrah yang pertama daripada Kerajaan Malaysia pada tahun 1987. Beliau meninggal dunia pada tahun 1988M ketika berumur 95 tahun dan dikebumikan di Kampung Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak. Lihat Zamri Hashim *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 11, 12, Tajuddin Saman *et al.* (2005), *Tokoh-Tokoh Agama Dan Kemerdekaan Di Alam Melayu*, c. 1, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 62-66.

⁵ Nama sebenar beliau adalah Abu Bakar bin Shaari. Beliau dilahirkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada tahun 1904. Beliau menerima pendidikan di Sekolah Menengah Agama al-Masyor, Pulau Pinang dan berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar dengan memperolehi Ijazah Undang-Undang. Sumbangan beliau terhadap pengajian tafsir dengan menghasilkan karya tafsir yang berjudul *Intisari Tafsir Juzuk 'Ammā*. Beliau meninggal dunia ketika usianya 65 tahun pada hari Isnin, 6 April 1970 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Tok Paduka, Perlis. Lihat Mustafa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 94, 95, 100.

⁶ Syaykh Muhammad Sa'īd bin Umar dilahirkan pada tahun 1854 di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah. Beliau telah menghasilkan karya tafsir yang berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* lengkap 30 juzuk. Karya unggul ini berjaya disiapkan dalam tempoh dua tahun sembilan bulan. Karya ini menjadi teks pengajian tafsir di pondok dan juga masjid-masjid. Syaykh Muhammad Sa'īd bin Umar meninggal dunia pada 9 Mac 1932 dan dikebumikan di Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah. *Ibid.*, h. 52, 53, 55, 56.

⁷ Menurut kajian Prof. Madya Dr. Mustafa Abdullah terdapat 26 orang tokoh *mufassir* di Malaysia yang telah menghasilkan karya masing-masing. Karya tersebut dihasilkan dalam pelbagai corak dan aliran. Di antara mereka ada yang menghasilkan karya tafsir lengkap 30 juzuk dan ada di kalangan mereka yang mentafsir surah-surah tertentu sahaja. *Ibid.*, h. v, vi.

dipilih ialah: “ Sumbangan Abd Aziz bin Abd Salam Dalam Pengajian Tafsir: Tumpuan Terhadap *al-Bayan Pada Ta’wil Ayat-Ayat al-Qur’an*”.

2.0 Latar Belakang Kajian

Perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak adalah selari dengan perkembangan pengajian Islam yang lain. Pada peringkat awal ia dibentuk daripada pengajian al-Qur’an yang dijalankan di rumah, surau dan masjid⁸. Pengajian tafsir mula berkembang melalui sistem pengajian pondok yang wujud di Negeri Perak. Walaupun sistem pengajian tradisional ini lebih menumpukan terhadap karya-karya tafsir klasik sebagai buku teks, namun ia mendapat tempat di hati masyarakat⁹.

Orientasi pengajian tafsir sistem pondok berubah menerusi sistem madrasah yang diperkenalkan oleh golongan reformis atau gerakan *islah*¹⁰. Karya tafsir versi Arab aliran reformis telah diangkat menjadi sukatan pelajaran di madrasah tersebut seperti *Tafsīr al-Marāghī*¹¹.

Selepas Negara Malaysia mencapai kemerdekaan subjek tafsir diserap dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam bagi peringkat sekolah rendah dan menengah

⁸ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 3, Badriyah Haji Saleh (1984), *Kampung Haji Saleh Dan Madrasah Saadiyah-Salahiah 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xxi, xxii, Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5-7.

⁹ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 3, Ismail Awang (1987), *Pengajian Dan Tafsir al-Qur’an*, c. 1, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd., h. 178.

¹⁰ Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934 – 1959*, c. 1, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 11, 12, 17, 68.

¹¹ *Ibid.*, h. 272, Khairul Nizam Zainal Badri (2008), *op.cit.*, h. 26.

pada tahun 1959¹². Ini menjadikan pengajian tafsir berkembang pula ke dalam sistem persekolahan moden. Seterusnya pengajian tafsir di Negeri Perak berkembang ke institusi pengajian tinggi apabila subjek tafsir seperti *al-Tafsīr al-Taḥlīlī* telah ditawarkan oleh Pusat Pengajian Tinggi Islam di Kolej Islam Darul Ridzuan untuk memperolehi Diploma Usuluddin¹³.

Manakala sumbangan terhadap penulisan tafsir pula, ulama di Negeri Perak telah menghasilkan karya-karya tafsir seperti *Tafsir Qur'an Marbawī Juzuk Alif Lām Mīm* dan *Sūrah Yāsīn*¹⁴. Karya tafsir tersebut telah disumbangkan oleh Syaykh Muhammad Idris bin Abd Rauf al-Marbawī. Selepas itu diikuti pula oleh Syaykh Mustafa bin Abd Rahman yang berjaya menyiapkan karya tafsirnya yang berjudul *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm* berperingkat-peringkat sehingga ke juzuk 27¹⁵. Pada tahun 1968 muncul pula karya tafsir yang berjudul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Karya tersebut telah ditulis oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Namun, karya ini tidak dikenali oleh sebahagian besar masyarakat Islam dewasa ini meskipun di Negeri Perak.

Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, ianya telah mendorong pengkaji untuk mengetahui sejarah perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak dengan lebih mendalam. Fokus utama kajian ini akan diberikan terhadap sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam bidang tersebut dengan dilatari sejarah hidup beliau

¹² Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 3.

¹³ Jabatan Usuluddin Pusat Pengajian Islam (2007), *Maklumat Kursus Pengajian Diploma Usuluddin*, Ipoh: Kolej Islam Darul Ridzuan, h. 87, 90.

¹⁴ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 87, 88.

¹⁵ *Ibid.*, h. 175.

sebagai seorang *mufassir* pada bab yang kedua dalam kajian ini. Pengkaji akan menganalisis bentuk-bentuk sumbangan beliau menerusi karya yang berjudul *al-Bayan Pada Ayat-Ayat al-Qur'an* dari sudut metodologi penulisan, pentafsiran, dan pemikiran pada bab kedua, bab ketiga, dan keempat.

Justeru itu, dengan faktor-faktor dorongan tersebut pengkaji akan membuat kajian ini untuk dikemukakan kepada pihak Universiti, ahli-ahli akademik dan masyarakat Islam yang cenderung meneliti dan mengkaji sejarah pengajian tafsir, tokoh-tokoh *mufassir* dan karya-karya ulung ulama di Malaysia.

3.0 Masalah Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini berkaitan dengan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan sumbangannya terhadap pengajian tafsir. Tumpuan utama akan diberikan oleh pengkaji ialah terhadap karyanya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Selain itu, pengkaji akan menyoroti perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak.

Justeru itu, tajuk kajian yang akan dijalankan ini mempunyai beberapa persoalan yang boleh dikemukakan dalam permasalahan kajian. Persoalan tersebut boleh disimpulkan sebagai berikut:

- i. Sejauhmanakah perkembangan pengajian tafsir al-Qur'an di Negeri Perak?. Persoalan ini akan menyentuh mengenai sejarah, sistem, aliran, tokoh-tokoh *mufassir* dan karya-karya tafsir yang merencanakan pengajian tafsir al-Qur'an di Negeri Perak.

- ii. Bagaimana latar belakang dan riwayat hidup Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam?. Persoalan ini berkait rapat dengan sejarah hidup dan aktiviti ilmu beliau sehingga dapat memberi suatu sumbangan yang bernilai kepada pengajian tafsir di Negeri Perak.
- iii. Apakah metodologi penulisan dan pentafsiran karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*? Persoalan ini merupakan salah satu daripada elemen penting sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam pengajian tafsir di Negeri Perak.
- iv. Bagaimana pula sumbangan pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam melalui karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*?

4.0 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i- Mengetahui perkembangan pengajian tafsir al-Qur'an di Negeri Perak dari sudut sejarah, sistem, aliran, tokoh-tokoh *mufassir* dan karya yang telah disumbang oleh mereka kepada masyarakat.
- ii- Memperkenalkan biografi Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam kepada masyarakat sebagai seorang *mufassir* yang telah memberi sumbangan terhadap pengajian tafsir di Negeri Perak.

- iii- Mengetahui sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam terhadap metodologi penulisan dan pentafsiran karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*.
- iv- Mengetahui bentuk-bentuk sumbangan pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang terdapat dalam karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*.

5.0 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini amat penting dan wajar diketengahkan, kerana ia melibatkan seorang *mufassir* yang telah memberi sumbangan terhadap pengajian tafsir di Malaysia. Kepentingan dan kewajaran kajian ini boleh dilihat daripada dua dimensi:

- i- Memperkenalkan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai salah seorang tokoh ulama yang telah memberi sumbangan yang bernilai terhadap pengajian tafsir di Malaysia. Hasil kajian yang dijalankan ini juga akan dapat mengetahui perkembangan pengajian dan karya-karya tafsir yang telah dihasilkan oleh ulama dari Negeri Perak.
- ii- Kajian berkaitan latar belakang seorang tokoh *mufassir* seperti Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan karyanya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* sudah pasti akan menjadi bahan ilmiah yang sangat bernilai. Justeru itu, ia merupakan satu sumbangan terhadap perpustakaan pengajian Islam dan sejarah sebagai salah satu khazanah ilmu yang bernilai.

Lantaran itu, kedua dimensi tersebut telah memperlihatkan betapa pentingnya kajian yang bakal dijalankan ini dan ianya menepati suatu kajian ilmiah.

6.0 Skop Kajian

Skop perbincangan dalam kajian ini adalah sekitar persoalan mengenai seorang tokoh *mufassir* iaitu Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan sumbangannya terhadap perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak. Tumpuan khusus akan diberikan kepada karyanya yang berjudul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*.

Oleh itu, kajian ini akan dibatasi dengan tiga skop utama. Skop pertama pengkaji akan mengetengahkan secara ringkas perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak dari sudut sejarah, sistem pengajian dan aliran pada akhir abad ke-19 sehingga abad ke-20. Selain itu, pengkaji akan memperkenalkan beberapa orang tokoh *mufassir* dan karya mereka yang telah mewarnai perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak.

Skop kedua pengkaji akan memperkenalkan biografi Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam bermula dari tarikh kelahiran hingga tarikh kematian. Pendedahan latar belakang terhadap seorang tokoh sangat penting, untuk melihat kewibawaan dan ketokohnya.

Manakala skop ketiga pula penumpuan akan diberi oleh pengkaji terhadap sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam bidang tafsir menerusi karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Pengkaji akan meneliti mengenai dua perkara penting, iaitu:

- i- Pengkaji akan meneliti aspek sumbangan metodologi penulisan yang berjaya ditonjolkan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Manakala sumbangan aspek metodologi pentafsiran pula, pengkaji akan memperhalusi metodologi-metodologi yang diketengahkan oleh beliau.

- ii- Pengkaji akan menganalisis sumbangan pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menerusi karya tersebut. Oleh itu, pengkaji akan memberi tumpuan terhadap isu-isu penting seperti isu akidah, isu fiqh, dan lain-lain.

7.0 Definisi Tajuk

Tajuk kajian ini ialah: “Sumbangan Abd Aziz bin Abd Salam Dalam Pengajian Tafsir: Tumpuan Terhadap Tafsir *al-Bayan Pada Ta’wil Ayat-Ayat al-Qur’an*”. Oleh itu, untuk memahami konsep-konsep utama dalam tajuk ini pengkaji akan memberi penjelasan terhadap beberapa istilah yang terdapat di dalamnya. Secara literal perkataan “sumbangan” membawa maksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan, pertolongan atau sokongan¹⁶.

Sumbangan dengan makna sesuatu pemberian sebagai sokongan adalah merujuk kepada daya usaha Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang telah memberi suatu komitmen terhadap perkembangan pengajian tafsir. Perkataan “pengajian”

¹⁶ Teuku Iskandar *et al.* (2002), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, c. 7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1318.

membawa erti mengaji dan mengkaji isi al-Qur'an atau tafsiran al-Qur'an¹⁷. Manakala perkataan “tafsir” pula, ianya berasal dari bahasa Arab yang disebut sebagai *maṣḍar* dari *fe'el māḍī* empat huruf *fassara*¹⁸. Secara literal, ia membawa maksud nyata dan jelas¹⁹. Dari sudut istilah pula, ianya membawa erti sebagai satu ilmu yang membincangkan cara-cara menyebut lafaz-lafaz al-Qur'an, penunjuk bahasa, susunan ayat dan makna-maknanya²⁰.

Perkataan pengajian dan tafsir apabila dicantumkan ianya membawa maksud kepada penyebaran ilmu tafsir yang bermakna istilah. Manakala judul karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* adalah merujuk kepada hasil karya oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang merupakan bahan kajian.

Melalui huraian-huraian tersebut, kajian ini adalah mengenai Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan sumbangannya terhadap pengajian tafsir al-Qur'an. Manakala tumpuan utama kajian adalah terhadap bentuk-bentuk sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* sama ada dari sudut metodologi penulisan, pentafsiran, dan pemikiran-pemikiran beliau.

¹⁷ Ismail Awang (1987), *Pengajian Dan Tafsir al-Qur'an*, c. 1, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd., h. 97.

¹⁸ Aḥmad Mukhtār 'Umar *et al.* (t.t), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsi*, Tunisia: al-Munazzamah al-'Arabīyyah li al-Tarbīyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 934.

¹⁹ Al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Aṣfihānī (2002), *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*, Beirut: Dār Ehyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 395.

²⁰ Abū Ḥayyān Muḥammad bin Yūsuf al-Andalusī (1992), *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr*, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 26.

8.0 Kajian Lepas (*Literature Review*)

Kajian terhadap biografi *mufassir* dan karya-karya tafsir di Malaysia sudah diberi perhatian oleh ahli akademik pengajian Islam. Kajian yang dijalankan oleh para sarjana ini pada hemat pengkaji terdapat dua corak. Corak pertama dalam bentuk kajian umum terhadap pengajian dan penghasilan karya-karya tafsir. Corak ini telah diterokai oleh Ismail bin Yusof melalui tesis Ph.D yang berjudul “*Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir Di Malaysia*”. Menerusi kajian tersebut, beliau telah menjelaskan mengenai karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh *mufassir* di Malaysia²¹.

Manakala corak kedua pula mengenai kajian khusus terhadap biografi *mufassir* dan karyanya dari pelbagai aspek. Antara karya-karya yang telah dibuat kajian adalah *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* karangan Syaykh Muhammad Said bin Umar. Karya tafsir ini telah dikaji oleh Hamza binti Muhammad di peringkat Sarjana Usuluddin. Skop kajian disertasi ini menyentuh aspek biodata pengarang, metodologi penulisan dan pentafsirannya²². Selain itu, karya ini juga dikaji oleh Muhammad

²¹ Antara data-data tersebut ialah *Tafsir Nur al-Ehsan*, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, *Khulasah al-Qur'an*, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, *Tafsir al-Rawi*, *Tafsir al-Qur'an Juz 'Amm* oleh Syaykh Muhammad Fauzi Awang, *Tafsir Juz 'Amm* oleh Abu Lukman, *Tafsir Juz 'Amm* oleh Tuan Haji Nik Muhammad Adib, *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi*, *Tafsir Quran Marbawi*, *al-Tibyān fī Tafsīr al-Qur'ān*, dan Tafsir Secara Bertajuk oleh Unit al-Quran Pusat Islam Malaysia. Manakala karya tafsir terjemahan pula seperti *Tafsīr al-Jalālayn* dengan judul yang baru *Anwār al-Hudā wa Amthāl al-Nadā*, *Inti Sari al-Quran*, *Tafsīr Fī Dīlāl al-Qur'ān*, *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Lihat Ismail Yusof (1995), “Perkembangan Pengajian Dan Penulisan Tafsir Di Malaysia” (Tesis Ph.D, Fakulti Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 139-179.

²² Lihat Hamza binti Muhammad (2006) “Metodologi Muhammad Sai'd 'Umar Dalam Tafsir al-Qur'an: Suatu Kajian Terhadap Tafsir Nur Ehsan” (Disertasi Sarjana, Fakulti Usuludin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Ismi bin Mat Taib dengan memfokuskan kajian terhadap riwayat yang berbau *Isrā'īliyyāt* dalam karya tersebut²³.

Tafsīr Khulāṣah al-Qur'ān karangan Syaykh Maulana Abdullah Noh pula telah dikaji oleh Nur Salwa binti Ibrahim di peringkat Sarjana Usuluddin. Kajian ini menyentuh aspek biodata pengarang, pengenalan terhadap karya dan metodologi pentafsirannya²⁴. Manakala *Intisari Tafsir Juzuk 'Ammā* karangan Syaykh Abu Bakar Ashaari telah dikaji oleh Nornajwa binti Ghazali melalui di peringkat Sarjana Usuluddin. Skop kajian ini merangkumi biodata pengarang, metodologi penulisan dan pentafsiran karya, dan sumbangan pemikiran Syaykh Abu Bakar Ashaari²⁵.

Kajian secara ilmiah di peringkat Ph.D pula ialah *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* oleh Syaykh Haji Abdullah Abbas Nasution. Karya ini telah dikaji oleh Mazlan bin Ibrahim dengan judul “*Tafsir al-Qur'an Di Nusantara: Kajian Terhadap Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim Karya Haji Abdullah Abbas Nasution*”. Penyelidik telah membuat tinjauan sejarah perkembangan Islam dan penulisan tafsir di Nusantara. Kajian tersebut lebih memfokus beberapa aspek penting mengenai biografi pengarang *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, aspek metodologi penulisan dan

²³ Lihat Muhammad Ismi bin Mat Taib (2003), “*Isrā'īliyyāt Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Nur al-Ehsan, Karya Haji Muhammad Sa'id 'Umar*” (Disertasi Sarjana, Fakulti Usuludin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁴ Lihat Nur Salwa binti Ibrahim (2007) “*Sumbangan Maulana Abdullah Noh Dalam Pengajian Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Khulāṣah al-Qur'an*” (Disertasi Sarjana, Fakulti Usuludin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁵ Lihat Nornajwa binti Ghazali (2007) “*Sumbangan Syaykh Abu Bakar Ashaari Dalam Bidang Tafsir: Kajian Terhadap Intisari Tafsir Juzuk 'Ammā*” (Disertasi Sarjana, Fakulti Usuludin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya).

pentafsiran, aspek sumber-sumber rujukan, aspek Ulum al-Qur'an dan aspek hukum-hukum yang terdapat dalam karya ini²⁶.

Menyoroti penjelasan di atas, pengkaji mendapati tidak terdapat kajian secara khusus di peringkat Sarjana dan Ph.D mengenai Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan karyanya yang berjudul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Cuma terdapat data ringkas tentang karya tersebut yang dimuat oleh Mazlan bin Ibrahim dalam tesisnya. Data tersebut hanya menjelaskan secara umum berkaitan dengan jilid, halaman muka surat, tahun dicetak, jumlah cetakan dan pengelola kepada cetakan tersebut²⁷.

Selain itu, terdapat satu lagi kertas kerja yang ditulis oleh Dr. Mazlan bin Ibrahim bersama Dr. Muhd Najib Abdul Kadir²⁸. Kertas kerja tersebut telah dibentangkan dalam Seminar al-Qur'an dan al-Hadith Nusantara di Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya. Judul tulisan tersebut ialah: "*Tafsir al-Bayan Pada Takwil Ayat-Ayat al-Qur'an: Pengenalan Tokoh Dan Metodologi*". Menerusi tulisan tersebut, penulis telah memuatkan data-data ringkas mengenai biodata pengarang, pengenalan karya, dan metodologi penulisan dan pentafsiran²⁹.

²⁶ Lihat Mazlan bin Ibrahim (2006), "Tafsir al-Qur'an Di Nusantara: Kajian Terhadap Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim Karya Haji Abdullah Abbas Nasution" (Tesis Ph.D, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁷ *Ibid.*, h. 29, 30.

²⁸ Dr. Mazlan bin Ibrahim dan Dr. Muhd Najib bin Abd Kadir adalah pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁹ Mazlan bin Ibrahim *et al.* (2008), "Tafsir al-Bayan Pada Takwil Ayat-Ayat al-Qur'an: Pengenalan Tokoh Dan Metodologi" (Prosiding Seminar Warisan al-Qur'an & al-Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam pada 27 & 28 Ogos 2008), h. 130.

Selain daripada kertas kerja di atas, pengkaji menemui fakta mengenai Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan karyanya di dalam buku *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kajian ini telah dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Mustafa bin Abdullah yang ditaja oleh Universiti Malaya di bawah Geran Khas Universiti Penyelidikan. Kajian tersebut juga menyentuh secara ringkas biodata pengarang, pengenalan kitab, dan metodologi pentafsiran³⁰.

Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan amat wajar kajian secara terperinci dijalankan mengenai Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Ruang-ruang kosong yang ditinggal oleh ahli akademik di atas, pengkaji akan perhalusi secara detil lagi dalam kajian ini. Sudah pasti menerusi kajian yang lebih mendalam ketokohan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai seorang *mufassir* akan lebih menyerlah. Manakala karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* akan dapat diketahui betapa tinggi nilainya. Selain itu, aspek sumbangan pentafsiran dan pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang telah mewarnai pengajian tafsir di Malaysia dapat ditonjolkan menerusi kajian ilmiah ini.

9.0 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian perpustakaan "*library research*". Justeru itu, pengkaji telah memilih dua metode bagi menyelesaikan permasalahan kajian tersebut dengan sempurna. Metodologi yang dimaksudkan itu ialah metode pengumpulan data dan metode analisis data. Oleh itu, pengkaji akan perincikan seperti berikut:

³⁰ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 115 – 120.

1. Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ini pengkaji pecahkan kepada tiga bahagian:

i- Metode Wawancara

Metode ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapat data-data penting lagi tepat berkaitan dengan sejarah kelahiran, kerjaya dan sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Pengkaji akan mewawancara mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seperti anak-anaknya, pelajarannya dan lain-lain. Melalui kaedah ini, pengkaji akan memperolehi data-data yang diperlukan bagi memenuhi objektif kajian sehingga menjadi fakta yang lebih tepat. Fakta-fakta tersebut pengkaji tulis di dalam bab yang kedua.

ii- Metode Historis

Untuk mendapat data-data penting berkaitan dengan sejarah pengajian tafsir di Perak, pengkaji akan menggunakan metode ini. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan metode ini untuk mendapat maklumat tambahan mengenai biodata tokoh dan karyanya. Oleh itu, melalui metode ini pengkaji berupaya mendapat fakta-fakta tepat yang diperlukan dalam penulisan ini dengan merujuk buku-buku sejarah dan lain-lain. Fakta-fakta tersebut boleh dirujuk di dalam bab yang pertama dan kedua.

iii- Metode Dokumentasi

Pengumpulan data dengan menggunakan metode ini akan diperolehi melalui rujukan-rujukan bahan bertulis yang terdapat di perpustakaan dan sebagainya³¹. Oleh itu, pengkaji akan merujuk kepada dokumen-dokumen penting yang bertulis termasuk buku-buku, tesis, artikel, jurnal, kertas kerja dan sebagainya yang mempunyai kaitan dengan kajian.

Data-data yang dikumpulkan ini adalah dari dua sumber yang berbeza, iaitu sumber utama seperti tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* dan lain-lain. Manakala sumber yang kedua pula, pengkaji akan memperolehi data-data dari penulisan para sarjana yang mutakhir termasuk kajian sarjana Melayu dan sebagainya. Data-data ini boleh dirujuk di dalam bab pertama, kedua, ketiga, keempat, dan kelima.

2. Metode Analisis Data

Sesuai dengan kajian yang akan dijalankan, data-data yang diperolehi pengkaji akan menganalisis dengan menggunakan metode kualitatif.

³¹ Antara perpustakaan yang pengkaji akan kunjungi bagi tujuan penyelidikan antaranya Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba di Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Perak di Ipoh dan Tapah, Perpustakaan Masjid Negeri Perak, Perpustakaan Tun Abd Razak, Ipoh, dan lain-lain. Pengkaji juga akan mendapat maklumat daripada Jabatan Agama Islam Perak di Ipoh dan di Tapah, Perak.

10.0 Sistematika Penulisan

Terdapat lima bab dalam kajian yang akan dilaksanakan, termasuk bab pendahuluan. Dalam bab pendahuluan, pengkaji akan perincikan latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian lepas, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Menerusi bab pertama pengkaji akan menjelaskan secara umum mengenai sejarah pengajian tafsir di Negeri Perak. Pengkaji akan mengupas isu-isu penting yang melibatkan sistem pengajian tafsir di Negeri Perak merangkumi sistem tradisional dan moden bermula daripada halaman 21 hingga halaman 35. Pengkaji juga akan menyentuh aliran pengajian tafsir di Negeri Perak sama ada mengenai aliran tradisional atau aliran reformis iaitu daripada halaman 36 hingga halaman 43. Selain itu, pengkaji akan memperkenalkan secara ringkas beberapa karya tafsir ulama dari Negeri Perak yang terdapat pada halaman 44 hingga halaman 50.

Mengenai bab kedua, pengkaji akan memfokuskan kajian terhadap sejarah hidup tokoh dari kelahiran hingga kematiannya. Selain itu, pengkaji akan menjelaskan secara ringkas pengaruh tokoh dalam masyarakat. Dalam bab yang kedua ini juga, pengkaji akan memperkenalkan karya tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Menerusi karya tersebut pengkaji akan meneliti bentuk-bentuk metodologi penulisan yang diperkenal oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seperti menonjolkan terjemahan *harfiyah*, memperkenalkan kedudukan surah, mengemukakan *asbāb al-nuzūl* ayat dan memperkenalkan metode *al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*. Setelah itu

pengkaji akan menerangkan setakat manakah pengaruh *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* dalam masyarakat?.

Manakala bab yang ketiga pula, pengkaji akan menumpukan terhadap sumbangan pengarang dari aspek metodologi pentafsiran. Pengkaji akan menjelaskan sumbangan pengarang melalui metode *tafsīr bi al-ma'thūr* secara lengkap. Oleh itu, pengkaji akan mengkategorikan kepada tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, tafsir al-Qur'an dengan hadith, dan tafsir al-Qur'an dengan perkataan sahabat dan tabi'in. Selain itu, pengkaji akan menyentuh aspek metodologi *tafsīr bi al-ra'yi*, penggunaan qiraat, tumpuan pengarang terhadap *mufrādāt alfāz al-Qur'ān*, dan ruang tafsir ilmi yang ditonjol oleh pengarang.

Melalui bab yang keempat pula, kajian akan dilakukan terhadap sumbangan pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Oleh itu, kajian akan menumpukan terhadap isu-isu penting seperti akidah, fiqh, *isrā'īliyyāt*, terjemahan *harfiyah*, kepentingan sanad dan lain-lain. Menerusi kajian ini akan menonjolkan bentuk-bentuk sumbangan pemikiran beliau terhadap pengajian tafsir. Sebagai seorang *mufassir* sudah pasti beliau mempunyai buah fikiran dan idea-idea yang bermanfaat untuk masyarakat. Perkara tersebut terdapat pada halaman 111 hingga 145.

Bab yang kelima merupakan kesimpulan kepada kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, pengkaji akan membuat rumusan terhadap kajian secara umum dan pengkaji akan menilai dari sudut keistimewaan dan kelemahan karya tersebut secara khusus. Selain itu, pengkaji akan mengemukakan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk diambil perhatian demi perkembangan ilmu.

PENGAJIAN TAFSIR DI NEGERI PERAK

1.0 Pendahuluan

Jika ditinjau pengajian tafsir di Negeri Perak mendapati ia berkembang berperingkat sebagaimana ilmu-ilmu Islam yang lain³². Pada peringkat awal ia bermula di surau dan masjid memandangkan waktu itu belum wujud institusi khas untuk dijadikan tempat belajar. Kemudian pengajian tafsir berkembang melalui sistem pengajian pondok. Dalam sistem pengajian pondok karya-karya tafsir klasik dijadikan sebagai buku teks³³. Setelah beberapa ketika pengajian tafsir terus berkembang ke institusi persekolahan dan institusi pengajian tinggi.

Manakala aliran pengajian tafsir di Negeri Perak terbentuk kepada aliran tradisional dan aliran reformis. Hal ini disebabkan latar belakang pendidikan guru-guru yang mengajar pelajaran tafsir tersebut³⁴. Ulama Negeri Perak tidak ketinggalan untuk menyumbang kepada khazanah ilmu dengan menghasilkan karya-karya tafsir

³² Pada peringkat awal, pengajian tafsir kurang mendapat sambutan jika dibanding dengan pengajian ilmu tawhid, fiqh dan tasawwuf. Pengkaji mempunyai persepsi ini berdasarkan beberapa faktor. Faktor pertama mata pelajaran tawhid, fiqh dan tasawwuf banyak diajar di surau, masjid dan pondok. Sebagai contoh kitab tawhid paling banyak dipelajari di pondok seperti *Farīdah al-Farā'id*, *Sirāj al-Hudā*, *al-Durr al-Thamīn*, *'Aqīdah al-Nājīm*, *Kifāyah al-'Awwām*, *Bakūrah al-Amāni*, *Hidāyah al-Mutafakkirīn* dan lain-lain. Faktor kedua karya tawhid yang telah dihasil oleh ulama di alam Melayu melebihi karya tafsir. Justeru, melalui kedua faktor tersebut menunjukkan bahawa ilmu tawhid berkembang pesat berbanding ilmu tafsir. Fakta ini penulis sendiri alami semasa menuntut di Pondok 'Madrasah Misbah al-Falah' di alamat Kg. Banggol Berangan, Parit Panjang 09200, Baling, Kedah selama 6 tahun bermula dari tahun 1983 hingga 1989. Disamping itu pengkaji pernah berkhidmat sebagai guru agama di Pondok 'Madrasah Nurul Hidayah' di alamat Kg. Tembak "B", 09300 Kuala Ketil, Kedah selama 2 tahun. Pengkaji juga merujuk kepada tulisan Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah yang menyatakan bahawa karya tafsir lengkap 30 juzuk yang dikarang oleh ulama Melayu klasik hanya tiga buah berbanding karya-karya ilmu Islam yang lain. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 38.

³³ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 4 - 32.

³⁴ *Ibid.*, h. 5.

seperti *Tafsīr Qur'ān Marbawī Juzuk Alif Lam Mim*, *Tafsir Surah Yasin*, *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm*, dan *Tafsir al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*³⁵. Pengkaji akan melengkapkan perbincangan di atas menerusi tajuk-tajuk di bawah ini.

1.1 Sistem Pengajian Tafsir Di Negeri Perak

Menyoroti kembali sejarah pertumbuhan pengajian tafsir di Negeri Perak adalah sangat relevan dengan surau. Ini disebabkan surau selain berfungsi sebagai tempat ibadah, ia juga berfungsi sebagai tempat berkumpul yang mudah lagi selesa untuk aktiviti kemasyarakatan pada waktu itu. Menurut Prof. Madya Dr. Badriyah Haji Saleh³⁶ orang pertama yang bertanggungjawab memulakan pengajian di surau ialah Syaykh Ibrahim bin Mahmud³⁷. Beliau telah diberi kebenaran oleh Sultan Muzaffar Shah³⁸ untuk mengajar agama di Bota Kanan, Parit³⁹. Pengajian seumpama ini

³⁵ *Ibid.*, h. 87, 88, 118, 180.

³⁶ Prof. Madya Dr. Badriyah Haji Saleh dilahirkan pada tahun 1942 di Kampung Haji Saleh, Temoh, Daerah Tapah, Perak. Beliau memperolehi ijazah sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya pada tahun 1978 dan ijazah Sarjana dan Ph.D dari Universiti Columbia Universiti, New York, Amerika Syarikat. Sekarang beliau masih menjadi pensyarah jemputan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Beliau telah menghadiah kepada pengkaji buku tulisannya iaitu *Kampung Haji Saleh Dan Madrasah Saadiyah-Salahiah 1914-1959* di kediaman beliau yang beralamat Kg. Haji Saleh, Temoh Stesen, Tapah, Perak pada 15 November 2008.

³⁷ Syaykh Ibrahim bin Mahmud seorang ulama yang berasal dari Kampar, Sumatera. Beliau telah mengiringi rombongan Sultan Muzaffar Shah menuju ke Perak. Beliau telah menetap di Bota Kanan sebuah perkampungan di kawasan Parit, Perak. Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv.

³⁸ Sultan Muzaffar Shah berasal dari Kampar, Sumatera, Indonesia. Baginda telah ditabal menjadi Sultan Perak yang pertama pada tahun 1528 masihi. Baginda telah memerintah Perak dari tahun 1528 hingga 1549 masihi iaitu dua puluh satu tahun. Pusat pemerintahan Baginda waktu itu di 'Tanah Abang' dan sekarang dikenali sebagai Teluk Bakong di mukim Bota, Parit, Perak. Baginda mangkat pada tahun 1549 dan dimakamkan di Tanah Abang. Lihat Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, c.1, Ipoh: Yayasan Perak, h. 15, 16.

³⁹ Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv.

berterusan sehingga institusi pondok pertama telah diperkenal oleh Syaykh Tuan Haji Yunus di Batu Hampar dekat Malim Nawar pada awal abad ke-19⁴⁰.

Menurut Abdul Rahman Abdullah⁴¹ pula, institusi pondok di Negeri Perak telah wujud pada abad ke-17 lagi. Pondok tersebut telah dibangun oleh seorang ulama dari Aceh di Telok Bakong⁴² semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah II⁴³. Bertitik tolak daripada sistem pengajian di surau dan pondok, pengajian tafsir berkembang ke madrasah. Idea penubuhan madrasah adalah cetusan golongan reformis atau dikenali sebagai 'Kaum Muda'⁴⁴. Angin pembaharuan yang telah dibawa oleh mereka telah berjaya mewarnai sistem pendidikan Islam di Negeri Perak. Menerusi sistem madrasah, pengajian tafsir berkembang pula ke sistem persekolahan moden dan institusi pengajian tinggi⁴⁵.

Ringkasnya, sistem pengajian tafsir di Negeri Perak terbahagi kepada corak pengajian tafsir di institusi tidak formal seperti surau, masjid, dan pondok. Corak

⁴⁰ *Ibid.*, h. xxiv – xxv.

⁴¹ Dr. Abdul Rahman Abdullah ialah seorang pensyarah di Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bidang kajiannya ialah Sejarah Pemikiran dan Falsafah Sejarah. Beliau antara penulis yang aktif dan telah menghasilkan beberapa buku tentang pemikiran dan falsafah. Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, bahagian kulit belakang.

⁴² Teluk Bakong merupakan sebuah kampung yang terletak di mukim Bota, Parit, Perak Darul Ridzuan. Lihat <http://ms.wikipedia.org/wiki/Bota> diakses pada 21.11.2009.

⁴³ Abdul Rahman Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 33.

⁴⁴ Istilah 'Kaum Muda' ini merujuk kepada gerakan golongan ulama muda lepasan Timur Tengah yang terpengaruh dengan tokoh reformis seperti Syaykh Muḥammad 'Abduh dan Syaykh Sayyid Rasyīd Riḍā. Pendekatan mereka agak berbeza dengan ulama tradisional 'Kaum Tua' yang terikat kepada satu-satu mazhab. Sebaliknya 'Kaum Muda' lebih terbuka serta menolak taklid. 'Kaum Muda' lebih berwawasan untuk meningkatkan pencapaian umat Islam sama ada dari sudut pendidikan, ekonomi, politik, sosial kemasyarakatan dan sebagainya. Lihat Nabir Haji Abdullah (1976), *op.cit.*, h. 12, 13, 14, Abdul Rahman Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 13-24, Mustaffa Abdullah (2009), *Rasyid Rida: Pengaruhnya di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 178 – 196, Mohammad Redzuan Othman (2006), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, c. 2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 110 – 116.

⁴⁵ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 3 – 32.

kedua pula di institusi pendidikan formal iaitu sistem persekolahan agama rakyat (madrasah), sistem persekolahan moden dan institusi pengajian tinggi. Oleh itu, pengkaji akan memperhalusi kajian ini kepada subtajuk berikut:

1.1.1 Sistem Pengajian Tafsir Di Surau Dan Masjid di Negeri Perak

Surau dan masjid berfungsi sebagai tempat solat berjemaah. Selain itu, ia juga berperanan sebagai tempat penyebaran ilmu seperti ceramah agama, kelas fardu 'ain, kelas pengajian tafsir, kelas membaca al-Qur'an dan lain-lain⁴⁶. Oleh kerana institusi ini mempunyai peranan yang besar, masyarakat akan memilih seorang yang layak untuk memimpin institusi tersebut. Dalam hal ini, masyarakat akan memilih seorang yang alim dalam bidang agama disamping mengetahui selok belok hal-hal kemasyarakatan setempat.

Sebagai contoh sebuah surau yang terdapat di Simpang Tiga Bidor, Tapah, Perak telah diurus dengan baik oleh Tuan Haji Mohd Yunus bin Haji Akib⁴⁷. Melalui sokongan padu daripada masyarakat beliau telah melaksanakan aktiviti penyebaran ilmu di surau tersebut dengan jayanya. Sebagai seorang yang masyhur dengan keilmuan, beliau telah didatangi oleh murid-murid dari luar. Hal sedemikian juga berlaku di surau Syaykh Wan Muhammad⁴⁸ di Bukit Chandan, Kuala Kangsar,

⁴⁶ Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, c.1, Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 7.

⁴⁷ Tuan Haji Mohd Yunus bin Mohd Akib dilahirkan pada tahun 1910 di Kampung Sungai Gagap, Bidor dan meninggal dunia pada 17 September 1983. Beliau begitu aktif menghidupkan surau Simpang Tiga, Bidor dengan kelas fardu 'Ain dan sebagainya. Lihat Zamri Hashim *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 3.

⁴⁸ Syaykh Wan Muhammad merupakan guru kepada Syaykh Muhammad Idris al-Marbawi. Beliau telah mendirikan surau tersebut di Bukit Chandan bagi aktiviti penyebaran ilmu kepada masyarakat setempat.

Perak⁴⁹. Menerusi majlis ilmu yang dijalankan surau tersebut dikenali sebagai pondok.

Pengurusan surau dan masjid sudah mengalami perubahan disebabkan oleh peredaran zaman⁵⁰. Lantaran itu, pengerusi dan ahli jawatankuasa institusi tersebut akan dipilih oleh masyarakat kemudian akan disahkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Manakala guru-guru yang ingin menyampaikan ceramah agama di surau dan masjid pula perlu mendapat tauliah daripada Jabatan Mufti Negeri Perak. Guru yang mendapat tauliah tersebut akan diserap ke bahagian ‘guru takmir’ atau ‘guru dakwah’. Berdasarkan kelayakan ini guru-guru tersebut boleh menyampaikan ceramah agama mereka di masjid dan surau yang terdapat di daerah masing-masing.

Di Negeri Perak terdapat 588 buah masjid⁵¹. Masjid tersebut dibahagikan kepada empat kategori; pertama masjid negeri⁵², kedua masjid diraja⁵³, ketiga masjid

Namun, dengan keilmuan yang beliau miliki menjadikan surau tersebut didatangi oleh murid-murid daripada luar sehingga dikenali sebagai pondok. Temubual pengkaji dengan Ustaz Haji Khalid bin Abd Rahman, Pengerusi Sekolah Agama Rakyat dan Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Talaqqi pada 28.6.2008 di alamat Lot. 880 Kg. Tersusun, Lubuk Merbau, 33010 Kuala Kangsar, Perak.

⁴⁹ Zamri Hashim *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 11.

⁵⁰ Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h. 7.

⁵¹ Bilangan tersebut sentiasa bertambah dari tahun ke tahun mengikut keperluan umat Islam. Temubual penyelidik dengan Ustaz Mohd Syawal bin Jamal Nasir, Bahagian Pengurusan Masjid pada 12.1.2009 di Pejabat Agama Islam Negeri Perak.

⁵² Masjid Negeri Perak terletak di Bandaraya Ipoh berhampiran dengan beberapa bangunan pentadbiran kerajaan negeri seperti Polis DiRaja Malaysia, Mahkamah Tinggi, Pejabat Pos, Jabatan Kesihatan dan lain-lain. Masjid ini dibina atas sebidang tanah seluas 6.5 hektar dan berjaya disiap pada Ogos 1968 dengan anggaran kos sebanyak RM 3.4 juta. Masjid negeri ini diberi nama Masjid Sultan Idris Shah II. Lihat Azmi Abdul Malik (2006), *Keunikan Masjid-Masjid Perak Darul Ridzuan*, c. 1, Ipoh: Nur'ain Media, h. 24.

⁵³ Terdapat tiga buah masjid diberi gelaran masjid diRaja iaitu Masjid Ubudiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh dan Masjid Muhibbuddin Shah, Ipoh. Temubual Ustaz Mohd Syawal bin Jamal Nasir, *op.cit.*, lihat juga Azmi Abdul Malik (2006), *op.cit.*, h. 25, 26, 38.

institusi⁵⁴, dan keempat masjid daerah dan kariah⁵⁵. Manakala bilangan surau pula ialah sebanyak 1871 buah. Surau tersebut dibahagikan kepada dua kategori; pertama surau didirikan solat jumaat sebanyak 26 buah, kedua surau tidak didirikan solat jumaat sebanyak 1845 buah⁵⁶.

Kitab tafsir yang digunakan oleh guru-guru sebagai teks di surau dan masjid sewaktu ketika dahulu adalah kitab tafsir tulisan jawi seperti *Tafsīr Nūr al-Ehsān*⁵⁷, *Tafsīr al-Anwār al-Bayḍāwī*⁵⁸, *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm*⁵⁹, *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*⁶⁰ dan lain-lain⁶¹. Dewasa ini kitab-kitab tersebut masih lagi dibaca oleh guru-guru tersebut disamping kitab tafsir dalam tulisan rumi sesuai

⁵⁴ Masjid tersebut berada di institusi seperti Universiti Teknologi Petronas di Seri Iskandar, Kolej Islam Darul Ridzuan di Kuala Kangsar, UITM di Seri Iskandar dan Sekolah Sultan Azlan Shah di Seri Iskandar. Temubual Ustaz Mohd Syawal bin Jamal Nasir, *op.cit.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Karya ini ditulis oleh Syaykh Muhammad Said bin Umar melengkapinya 30 juzuk al-Qur'an. Karya ini ditulis selama 2 tahun 9 bulan. Lihat Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 55, 56, Hamza bt. Muhammad *et al.* (2005), "Biografi Haji Muhammad Said Dan Sejarah Penulisan Tafsir Nur al-Ehsan", *Jurnal al-Bayan*, jil. 3 Bil. 5, Mei 2005, h. 77.

⁵⁸ Tafsir ini ditulis oleh ulama Aceh yang tersohor iaitu Syaykh Abdul Rauf bin Ali al-Jawi al-Fansuri al-Sinkili. Dilahirkan pada tahun 1615 masihi di Singkel Aceh dan meninggal dunia pada tahun 1693 masihi. Azyumardi Azra (2007), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*, c. 3, Jakarta: Kencana Predana Media Group, h. 229, 253, 254.

⁵⁹ Karya ini ditulis oleh Syaykh Mustafa bin Abd Rahman bin Mahmud seorang mufassir kelahiran Negeri Perak. Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 179.

⁶⁰ Menurut Ustaz Ibrahim bin Mahmud, karya ini dibaca sendiri oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam di surau dan masjid seluruh Negeri Perak sebanyak 50 tempat pengajian. Menurutnya, pengalaman ini beliau perolehi sewaktu mengikut pengajian Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai teman, anak murid, dan kadang-kadang sebagai pemandu. Temubual penyelidik dengan Ustaz Ibrahim bin Mahmud, rakan pengarang *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* pada 12.5.2011 di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Maahad al-Imam As-Syafie, Jelapang 30020, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

⁶¹ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 37, 39.

dengan perubahan masa seperti *Tafsir Pimpinan al-Rahman*⁶², *Tafsir al-Azhār*⁶³, *Terjemahan Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān*⁶⁴, dan sebagainya⁶⁵.

Pada tahun 2007 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan buku panduan 'Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau'. Buku tersebut telah memuat 111 tajuk yang mengandungi isi-isi penting pengajian tafsir sebagai panduan kepada guru takmir atau guru dakwah⁶⁶. Tajuk-tajuk yang dipilih sesuai dengan suasana dan persekitaran masyarakat waktu ini.

Kaedah pengajian tafsir di surau dan masjid pula hampir sama dengan pondok semenjak ia diperkenalkan sehingga ke hari ini. Guru-guru akan membaca kitab sebaris demi sebaris lalu diikuti dengan huraian dan penerangan⁶⁷. Kebiasaan waktu pengajian adalah selepas Maghrib dan Subuh. Masa yang diperuntukkan

⁶² Karya ini ditulis oleh Syaykh Abdullah Basmieh dan disemak oleh Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 167.

⁶³ Karya ini ditulis oleh Prof. HAMKA seorang tokoh *mufassir* Nusantara yang masyhur. Karya ini ditulis hasil kuliah Subuh yang dijalankan di Masjid Agung al-Azhar, Jakarta. Namun, penulisan Tafsir al-Azhar hanya dapat disiapkan semasa beliau dipenjar. Lihat Abdul Hafiz bin Abdullah *et al.* (2008), "Tafsir al-Azhar: Satu Sanjungan Umum" Kertas Kerja Seminar Warisan al-Qur'an & al-Hadith Nusantara di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 27- 28 Oktober 2008), h. 124, 125.

⁶⁴ Karya ini diterjemah oleh Dato' Yusoff Zaky Yakob dalam tempoh jangka masa 11 tahun. Terjemahan ini mendapat galakan dan kebenaran daripada Syaykh Muḥammad Quṭb iaitu adik kepada Syaykh Sayyid Quṭb. *Ibid.*, h. 234.

⁶⁵ Ustaz Mohd Syawal bin Jamal Nasir, *op.cit.*

⁶⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2007), *Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau*, Putrajaya: Bahagian KESUMA, h. 81- 119.

⁶⁷ Mutakhir ini terdapat guru muda lulusan universiti dalam negeri atau luar negeri menggunakan computer riba bersama pancaran skrin LCD projector bagi menerangkan dengan lebih baik mata pelajaran agama (termasuk tafsir) yang diajar di surau dan masjid. Perkembangan ini sangat menarik bagi memenuhi keperluan semasa. Masyarakat hari ini didedahkan dengan pelbagai teknologi moden yang tidak dinikmati oleh masyarakat sebelum ini. Oleh itu, 'guru takmir' dan 'guru dakwah' sepatutnya memanfaatkan pendekatan seperti ini.

adalah antara 30 minit dan satu jam. Namun, terdapat juga pengajian yang mengiringi waktu solat tetapi hanya segelintir sahaja⁶⁸.

1.1.2 Sistem Pengajian Tafsir Di Institusi Pondok Negeri Perak

Di Negeri Perak pengajian Islam di institusi pondok agak terkemudian berbanding Negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah⁶⁹. Menurut Prof. Madya Badriyah Haji Saleh, institusi pondok mula wujud pada awal abad ke-19⁷⁰. Institusi tersebut telah dirintis oleh Tuan Haji Junus⁷¹ seorang ulama dari Sumatera. Beliau telah membuka pondok di Batu Hampar dekat Malim Nawar, Perak⁷².

Institusi pondok mula membiak hampir ke seluruh daerah di Negeri Perak menjelang suku pertama abad ke-20. Antara pondok yang menjadi tumpuan pelajar ialah Pondok Haji Saleh Temoh yang dibuka pada tahun 1912 di daerah Tapah, Pondok al-Rahmaniah Gunung Semanggol dibuka pada tahun 1918 di daerah Bagan Serai, Pondok Lubuk Merbau dibuka pada tahun 1923 di daerah Kuala Kangsar, dan

⁶⁸ Maklumat ini perolehi daripada pengamatan pengkaji sebagai ‘guru takmir’ selama enam tahun bermula dari tahun 2004 hingga sekarang (2010). Pengkaji sendiri telah mengajar mata pelajaran tafsir di masjid dan surau sekitar kawasan Tapah, Perak dan kawasan luar Tapah melebihi 10 buah masjid dan surau setiap bulan.

⁶⁹ Antara institusi pondok yang terawal di Terengganu ialah Pondok Tok Pulau Manis. Institusi pondok ini telah dirintis oleh Syaykh Abdul Malik bin Abdullah sekitar 1690-an. Di Negeri Kelantan perintis kepada institusi pondok ialah Tuan Guru Haji Abdul Samad Abdullah (1792 – 1873) di Pulau Chondong. Di Kedah pula antara perintisnya ialah Tuan Husain Muhammad Nasir (1863 – 1936) di Pokok Sena, Kedah. Lihat Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu*, j. 2, c. 1, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 1, 67, 369. Lihat juga Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h. 9,10.

⁷⁰ Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv-xxv.

⁷¹ Sehingga ke saat ini pengkaji belum memperolehi biodata lengkap Tuan Haji Yunus. Ini disebabkan kekurangan bahan sejarah berkaitan biografi ulama-ulama di Negeri Perak yang dikaji oleh ahli sejarah.

⁷² *Ibid.*

lain-lain⁷³. Kebanyakan institusi pondok yang muncul di Negeri Perak dipengaruhi oleh aliran Indonesia bukan daripada aliran Patani seperti Negeri Kelantan dan Kedah⁷⁴.

Mata pelajaran tafsir antara mata pelajaran agama yang diajar di institusi pondok sebagaimana mata pelajaran hadith, tawhid, fiqh, tasawwuf, nahu, sorof, balaghah, mantiq, dan lain-lain⁷⁵. Guru-guru pondok akan membaca kitab tafsir seperti *Tafsīr Jalālayn*⁷⁶, *Tafsīr al-Nasafī*⁷⁷, atau *Tafsīr Nūr al-Ehsān* mengikut tahap murid-murid. Namun begitu, terdapat rujukan tambahan seperti *Tafsīr al-Ṣāwī*⁷⁸, *Tafsīr Ibn ‘Abbās*⁷⁹, dan *Tafsīr Ibn Kathīr*⁸⁰ yang diguna oleh guru-guru di institusi pondok⁸¹.

⁷³ Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h.10, Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv-xxv, Abdul Rahman Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 33, Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 11, Nor Akidah binti Mohd Yusof (2008), “Pengajian Tafsir Di Pondok Kuak Luar, Kampung Kuak Luar, Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan” (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 23.

⁷⁴ Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv.

⁷⁵ Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h.11, 12, Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. 130 - 132, Abdul Rahman Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 38, Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 9, Ismail Awang (1987), *op.cit.*, h. 178, Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 207, 209.

⁷⁶ Karya ini ditulis oleh guru dan anak murid. Mereka ialah al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī yang menyambung tulisan gurunya daripada surah al-Baqarah hingga akhir surah al-Isra’. Manakala al-Imām Jalāl al-Dīn al-Maḥallā menulis daripada awal surah al-Kahf hingga akhir surah al-Nas. Ketika beliau selesai mentafsir surah al-Fatihah untuk menyambung surah al-Baqarah bagi fasa kedua beliau terlebih dahulu menemui Allah s.w.t. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1, c. 1, Beirut: Dār al-Yūsuf, h. 342.

⁷⁷ Karya ini ditulis oleh al-Imām ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī al-Ḥanafī (m. 701H) . Judul asal karya ini ialah *Madārik al-Tanzīl wa Haqā’iq al-Ta’wīl*. *Ibid.*, h. 311, 312.

⁷⁸ Menurut Dr. al-Dhahabī, tafsir ini adalah *hāsiyah* kepada *Tafsīr Jalālyn*. *Ibid.*, h. 345.

⁷⁹ Judul asal karya ini ialah *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn ‘Abbās*. Karya ini tulis oleh al-Imam Muḥammad bin Ya’kūb al-Fairūz’ābādī. *Ibid.*, h. 87.

⁸⁰ Karya ini ditulis oleh al-Imām Ismā’īl bin ‘Amr bin Kathīr (m. 774H). Judul asal karya ini ialah *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. *Ibid.*, h. 252, 253.

⁸¹ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 9. Pengkaji juga mempunyai pengalaman belajar kitab-kitab tafsir tersebut sewaktu menuntut di Pondok ‘Madrasah Misbah al-Falah’ di alamat Kg. Banggol Berangan, Parit Panjang 09200, Baling, Kedah selama 6 tahun bermula dari tahun 1983 hingga 1989.

Dalam sistem pengajian tafsir di pondok, guru akan membaca kitab tafsir menghadap murid-murid yang duduk bersila dalam bentuk bulatan. Kitab tersebut dibaca sebaris demi sebaris dengan huraian ringkas serta menerangkan tata bahasa Arab dan rujukan kata ganti nama⁸². Manakala murid-murid pula, akan mencatat huraian guru diruang kecil yang terdapat ditepi kitab dengan meletakkan nombor tertentu⁸³.

Selain itu, murid-murid tersebut perlu membariskan kalimah-kalimah tertentu dari aspek tata bahasa Arab supaya menjadi panduan dan rujukan apabila mereka mengajar kelak⁸⁴. Sistem ini lebih menumpukan huraian tekstual berbanding kontekstual⁸⁵. Menurut Abdullah Jusuh, sistem pengajaran sedemikian menyamai pengajian di Masjid al-Haram, Mekah⁸⁶. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan aspek penyampaian yang dilaksanakan di Masjid al-Haram dan amnya di Tanah Arab apabila guru-guru hanya menghurai kitab yang dibaca oleh murid-murid tanpa melihat kepada kitab tersebut.

Waktu pengajian yang dijalankan di institusi pondok tidak menentu, kebiasaannya pada waktu pagi dan waktu mengiringi solat fardu⁸⁷. Tempoh pengajian pula tidak terhad kepada masa-masa tertentu. Tempoh yang paling sederhana ialah antara dua hingga lima tahun dan tempoh yang agak lama sampai

⁸² Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 10.

⁸³ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 215.

⁸⁴ *Ibid.*, Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h. 12.

⁸⁵ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 10.

⁸⁶ Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h. 12.

⁸⁷ *Ibid.*

kepada lima belas tahun⁸⁸. Semuanya bergantung kepada kemampuan murid-murid dari aspek masa dan kewangan. Hal ini disebabkan latar belakang mereka yang berbeza sama ada aspek kewangan, umur dan sebagainya. Malahan terdapat di kalangan mereka yang sudah berumahtangga⁸⁹ dan mampu dari aspek kewangan akan memondok dengan jangka masa yang panjang.

Pengajian pondok di Negeri Perak sudah pupus. Kini hanya terdapat di 'Pondok Pak Teh' atau nama sebenarnya Madrasah Diniyah al-Taufikiah. Pondok ini ditubuhkan pada tahun 1967 oleh Dato' Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman⁹⁰ di lokasi Kampung Kuak Luar, Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan⁹¹. Antara faktor kemerosotan institusi pondok di Negeri Perak berpunca daripada kematian pengasasnya, masalah kewangan dan saingan terhadap kemunculan sistem persekolahan moden⁹².

1.1.3 Sistem Pengajian Tafsir Di Institusi Persekolahan Di Negeri Perak

Sistem pengajian di institusi persekolahan agama di Negeri Perak mula berkembang melalui penubuhan Madrasah al-Idrisiyyah di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ Dato' Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman dilahirkan pada tahun 1938 di Kampung Kuak Hulu, Pengkalan Hulu, Perak. Beliau telah mendapat pendidikan dari Sekolah Melayu, Pondok Pendang, Kedah kemudian menyambung pelajaran ke Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan dari tahun 1959 hingga 1967. Setelah tamat belajar beliau telah membuka Madrasah Diniyah al-Taufikiah. Beliau juga merupakan anggota Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perak dari tahun 1994 hingga kini. Lihat Nor Akidah binti Mohd Yusof (2008), *op.cit.*, 51-54.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h. 14, 15.

Madrasah ini diasaskan oleh Sultan Iskandar Shah pada tahun 1922⁹³. Kemudian ia diikuti oleh Maahad al-Ehya Assyarif⁹⁴ di Gunung Semanggol, Madrasah al-Diniah di Kampung Lalang, Padang Rengas, Kuala Kangsar⁹⁵, Madrasah Saadiyah-Salihiah di Temoh, Tapah⁹⁶, dan lain-lain⁹⁷.

Sistem pengajian persekolahan ini (sekolah agama rakyat) adalah cetsan idea dan daya usaha yang telah dilakukan oleh golongan reformis. Mereka terpengaruh dengan Syaykh Muḥammad 'Abduh yang telah membawa perubahan besar terhadap sistem pendidikan di Universiti al-Azhar⁹⁸. Bagi memperkasakan sekolah agama rakyat di Negeri Perak, Sultan Iskandar Shah⁹⁹ telah menjemput Syaykh Abdullah al-Maghribi¹⁰⁰ untuk membimbing madrasah tersebut¹⁰¹ iaitu pada tahun 1928.

⁹³ Sultan Iskandar Shah (1881–1938) ialah Sultan Perak yang ke-30. Nama Madrasah al-Idrisiyah adalah diambil sempena nama ayahanda Baginda yang bernama Sultan Idris (1849–1916). Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv-xxv, Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *op.cit.*, h. 116-121.

⁹⁴ Maahad al-Ehya Assyarif ditubuhkan pada 15 April 1934 di Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak. Dengan pembukaan sekolah ini telah berjaya membuka minda masyarakat yang selama ini dibelenggu dengan pendidikan hanya dengan satu aliran agama kepada dua aliran serentak iaitu aliran agama dan aliran akademik. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri (2008), *op.cit.*, h. 26.

⁹⁵ Madrasah ini diasaskan oleh Syaykh Junid Tola pada tahun 1932. Beliau yang berasal dari Mendiling, Sumatera telah mendapat pendidikan dan ijazah dari Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau merupakan antara tokoh reformis yang memperjuangkan sistem pendidikan Islam moden. Di sekolahnya, beliau telah memperkenalkan mata pelajaran vokasional seperti mengajar pelajar membuat sabun, mengecap kain, membuat terompah kayu dan kasut. Beliau juga yang telah mula-mula menunjukkan cara menjalankan kincir padi dengan menggunakan kuasa air. Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxvi., Abdul Rahman Abdullah (1989), *op.cit.*, h. 6, Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 274.

⁹⁶ Madrasah ini diasaskan oleh Kiyai Haji Saleh bin Abd Rahman JP (1865-1961) pada tahun 1912. Beliau berasal dari Poeworedjo, Jawa Tengah, Indonesia telah menerima pendidikan agama dari beberapa buah sekolah pondok di Tanah Jawa seperti Tebuireng dan di Pesantren Djombang. Madrasah ini juga ada mengajar subjek Bahasa Melayu, Geografi, Sejarah Islam dan ilmu kemahiran hidup seperti kelas memasak dan kelas jahitan. Lihat *Ibid.*, h.1.

⁹⁷ Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxvi., Abdul Rahman Abdullah (1989), *op.cit.*, h. 6, Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 274.

⁹⁸ Abdullah Jusuh (1990), *op.cit.*, h. 16, 17.

⁹⁹ Sultan Perak ketika itu ialah Sultan Iskandar Shah iaitu Sultan Perak yang ke-30. Beliau dilahirkan pada 10 Mie 1881 di Kampar, setelah ayahandanya Sultan Idris (1849 – 1916) menjadi Sultan Perak yang ke – 28

Syaykh Abdullah al-Maghribi adalah mantan Pengetua Madrasah al-Masyhur¹⁰² di Pulau Pinang¹⁰³ yang terkenal dengan aliran reformis. Melalui pengalaman yang dimiliki, beliau berjaya membangunkan Madrasah al-Idrisiyyah dengan jayanya dan mampu melahirkan ramai tokoh-tokoh agama yang berkaliber. Namun, disebabkan aliran reformis atau semangat 'Kaum Muda' yang kuat dipenganginya, beliau telah disingkir oleh Sultan Perak¹⁰⁴.

Sistem di persekolahan lebih formal kerana ia mempunyai sukatan mata pelajaran yang lebih tersusun, sekolah mempunyai bilik darjah mengikut tingkatan, umur pelajar yang sebaya dan bilik darjah mempunyai bangku, meja dan papan tulis¹⁰⁵. Sukatan mata pelajaran pula diintegrasikan antara mata pelajaran agama dan

semua keluarga baginda dari Kampar berpindah ke Kuala Kangsar. Baginda mangkat ketika berusia 57 tahun pada 14 Oktober 1938. Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *op.cit.*, h. 118-121.

¹⁰⁰ Syaykh Abdullah al-Maghribi dilahirkan di Tripoli, Libya pada tahun 1894. Beliau mendapat pendidikan awal di Mekah sebelum datang ke Tanah Melayu pada tahun 1918 atas jemputan Sayyid Syaykh al-Hadi. Pada tahun 1919 beliau dilantik menjadi mudir Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang. Pada tahun 1928 pula beliau menjadi mudir di Madrasah al-Idrisiyyah. Menurut Abdul Rahman bin Abdullah, Syaykh Abdullah al-Maghribi adalah antara tokoh pendidik yang beraliran reformis. Selepas perang dunia kedua Syaykh Abdullah al-Maghribi kembali semula ke Arab Saudi dan mengajar di Madrasah al-Rida, Jeddah. Beliau meninggal dunia di Mekah pada tahun 1974. Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv-xxv, Mohammad Redzuan Othman (2006), *op.cit.*, h. 72, 79, Abdul Rahman bin Abdullah (2007), *Aliran Dakwah Di Malaysia*, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., h. 97,98.

¹⁰¹ Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 273.

¹⁰² Madrasah al-Masyhur Al-Islamiah dibina di Tek Soon Street, Pulau Pinang pada tahun 1919. Madrasah ini diasaskan oleh Syed Syaykh al-Hadi dan dibantu oleh rakan-rakannya seperti Syaykh Tahir Jalaluddin dan Syaykh Abdullah al-Maghribi dan lain-lain. Madrasah ini telah memainkan peranan yang sangat penting bagi mengerakkan idea reformisme ke dalam masyarakat. Lihat Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 45, Abdul Rahman Abdullah (1989), *Gerakan Islah Di Perlis Sejarah Dan Pemikiran*, c. 1, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn.Bhd., h. 6.

¹⁰³ Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv-xxv.

¹⁰⁴ Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 273.

¹⁰⁵ Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. 47, Khairul Nizam Zainal Badri (2008), *op.cit.*, h. 26, Nabir Abdullah (1976), *op.cit.*, h. 292, 293.

akademik¹⁰⁶. Namun begitu, mata pelajaran al-Qur'an dan tafsir adalah mata pelajaran teras¹⁰⁷. *Tafsīr al-Marāghī* dan *Tafsir Juzuk Amma* karangan Syaykh Muḥammad 'Abduh dijadikan sebagai teks utama bagi mata pelajaran tafsir. Walaupun begitu, tafsir klasik seperti *Tafsīr Jalālayn*, *Tafsīr al-Nasafī* dan lain-lain juga diajar di sekolah tersebut¹⁰⁸.

Sukatan mata pelajaran tafsir sudah berlaku perubahan di seluruh sekolah menengah agama rakyat di Negeri Perak. Sukatan tersebut telah digubal oleh Jabatan Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perak (JAIPK) berdasarkan sukatan mata pelajaran al-Azhar. Analisis pengkaji mendapati sukatan pelajaran tafsir yang digubal oleh JAIPK mirip kepada tafsir *mawḍū'ī* iaitu berdasarkan kepada tajuk-tajuk tertentu¹⁰⁹. Manakala buku teks tafsir pula ialah *Muzakkirah al-Tafsīr* yang diterbitkan oleh Selangor Dunia Ilmu Interprise bagi *I'dādī* I, II dan *Thānawī* I dan II.

Di Negeri Perak sekarang terdapat 37 buah sekolah menengah agama rakyat yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Dan Adat Istiadat Negeri Perak.

¹⁰⁶ Nabir Abdullah membahagikan sukatan mata pelajaran kelas latihan perguruan kepada 10 bahagian iaitu; ilmu bahasa Arab, ilmu agama, pendidikan, bahasa Melayu, kesusteraan, kesenian, sejarah kesenian, sejarah, pengetahuan umum dan bahasa Inggeris. Menurutnya bahasa pengantar bagi mata pelajaran ilmu Arab dan agama menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Manakala mata pelajaran selain itu bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu dan Inggeris. Lihat *Ibid.*

¹⁰⁷ Aliran reformis menjadikan sukatan mata pelajaran tafsir sebagai teras berbanding aliran tradisional yang menjadikan mata pelajaran tawhid dan fiqh sebagai teras pembelajaran. Hal ini berlaku kerana sistem persekolahan dibangunkan oleh guru-guru yang cenderung terhadap aliran reformis yang dibawa oleh Syaykh Muḥammad 'Abduh lebih menekankan pengajian tafsir untuk membawa perubahan minda masyarakat. Lihat Mustafa Abdullah (2007), "Tafsir Reformis Mesir dan Kesannya Terhadap Perkembangan Pengajian Tafsir Di Malaysia" (Kertas Kerja Program Wacana Wahyu di Universiti Malaya, 17 Januari 2007), h. 1, 2.

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 272, Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. 131.

¹⁰⁹ Lihat Persatuan Guru-Guru Agama Negeri Perak (2009), *Dalīl al-Manāhij al-Dirāsiyyah li al-Madāris bi Wilayah Perak*, Ipoh: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perak, h. 2 - 4, 16, 17, 41- 48.

Sekolah tersebut dibahagikan kepada tiga kategori iaitu; sekolah menengah agama negeri (SMAN) sebanyak 3 buah, sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) sebanyak 23 buah dan sekolah menengah agama rakyat (SMAR) sebanyak 11 buah¹¹⁰. Terdapat sebuah sekolah daripada 37 buah sekolah menengah agama rakyat tersebut yang menumpu kepada pengajian hafazan al-Qur'an. Sekolah tersebut dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Qur'an wa al-Qiraat ADDIN¹¹¹.

Mata pelajaran tafsir juga menjadi sukatan mata pelajaran kepada pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Peperiksaan ini diambil oleh pelajar tingkatan enam aliran agama untuk mereka menyambung pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir dan sebagainya. Buku teks yang digunakan adalah *Taysīr al-Tafsīr wa 'Ulūmihi* karangan Badrul Hisyam bin Sulaiman¹¹².

Manakala pengajian tafsir di sekolah menengah kerajaan pula ianya bermula diperkenalkan pada tahun 1959. Sukatan pelajaran ini lebih menumpukan terhadap ayat-ayat pilihan daripada surat tertentu seperti surah *al-Baqarah*, *al-Nisā'*, *al-Mā'idah* dan lain-lain¹¹³. Sukatan ini lebih menekankan pentafsiran terhadap ayat-ayat berbanding hafalan¹¹⁴. Namun, pada tahun 1989 berlaku pengubahsuaian terhadap mata pelajaran pendidikan Islam melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

¹¹⁰ Temubual pengkaji dengan Ustaz Musanif bin Mohamad Noh, Timbalan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan pada 7.10.2008 di alamat Pejabat Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perak, Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh, Perak, lihat juga Nor Akidah binti Mohd Yusof (2008), *op.cit.*, h. 27.

¹¹¹ *Ibid.*

¹¹² Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 21.

¹¹³ *Ibid.*, h. 18.

¹¹⁴ *Ibid.*

(KBSM). Pembelajaran subjek tafsir lebih menumpukan supaya pelajar-pelajar dapat membaca, menghafal dan memahami maksud ayat-ayat al-Qur'an¹¹⁵.

1.1.4 Sistem Pengajian Tafsir Di Institusi Pengajian Tinggi Di Negeri Perak

Sambutan terhadap pengajian Islam terus mendapat perhatian masyarakat di Negeri Perak. Justeru itu, Kerajaan Negeri Perak telah berusaha menubuhkan pusat pengajian tinggi agama pada tanggal 26 Oktober 2000. Pusat pengajian tinggi ini ditubuhkan di bawah Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan Bil. 3 tahun 2000 dengan nama Kolej Islam Darul Ridzuan¹¹⁶.

Kolej ini mempunyai tiga pusat pengajian yang diperakui oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) iaitu Pusat Pengajian Islam, Pusat Bahasa dan Pusat Pengajian Pengurusan. Pusat Pengajian Islam telah menawarkan kursus Diploma Usuluddin, Diploma Syariah dan Diploma Bahasa dan Kesusteraan Arab¹¹⁷. Dua subjek tafsir yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Islam di peringkat Diploma Usuluddin adalah *al-Tafsīr al-Taḥlīlī* I dan *al-Tafsīr al-Taḥlīlī* II.

Subjek *al-Tafsīr al-Taḥlīlī* I diajar pada tahun pertama pada semester kedua. Manakala subjek *al-Tafsīr al-Taḥlīlī* II pula diajar pada tahun kedua pada semester

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ Nombor rujukan kelulusan penubuhan IPTS daripada JPS ialah: KP (JPS) 5195/IPTS/1141/Jld.11 (28). Lihat Jabatan Usuluddin, Pusat Pengajian Islam (t.t), *Maklumat Kursus Pengajian Islam Diploma Usuluddin*, Ipoh: Kolej Islam Darul Ridzuan, h. 2, lihat juga Suhaimi bin Abd Wafir (2006), "Pengajian Hadith Di Negeri Perak: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak", (Tesis Sarjana, Jabatan al-Qur'an Dan Hadith, Fakulti Usuluddin Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 64.

¹¹⁷ Jabatan Usuluddin, Pusat Pengajian Islam (t.t), *op.cit.*, h. 2.

ketiga. Objektif pembelajaran adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai gaya bahasa dalam al-Qur'an, mengambil pelajaran daripada ayat, mengetahui kisah Nabi Hud a.s. Selain itu, pelajar didedahkan cara untuk beramal isi kandungan ayat tersebut¹¹⁸. Antara senarai rujukan utama ialah *Tafsīr al-Kabīr*¹¹⁹, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, *Tafsīr Sūrah Hūd*, *Tafsīr Sūrah al-Taḥrīm*, *Tafsīr Sūrah al-Fatḥ* dan *Dirāsāt fī Sūrah al-Baqarah*¹²⁰.

1.2 Aliran Pengajian Tafsir Di Negeri Perak

Sebelum abad ke 20 aliran tradisional telah menguasai pengajian tafsir di Negeri Perak. Ini disebabkan ulama-ulama tradisional telah menguasai institusi pendidikan tidak formal seperti surau, masjid, dan pondok. Justeru itu, aliran tradisional ini begitu tebal dalam masyarakat sebelum kemunculan gerakan reformis pada awal abad ke 20.

Gerakan reformis yang ditiupkan oleh Syaykh Muḥammad 'Abduh dan Muḥammad Rasyīd Ridā dalam bidang pendidikan telah mempengaruhi pelajar-pelajar dari Malaysia¹²¹. Di Negeri Perak gerakan reformis dibawa oleh Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki¹²², Syaykh Abdullah al-Maghribi dan lain-lain. Peranan yang

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 87- 94.

¹¹⁹ Karya ini ditulis oleh al-Imam Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar bin al-Ḥusayn bin Ḥasan al-Rāzī (m. 606H). Menurut Dr. al-Dhahabī, tafsir ini merupakan ibu kepada *tafsīr bi ra'y*. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, h. 298.

¹²⁰ *Ibid.*

¹²¹ Mustafa Abdullah (2007), *op.cit.*, h. 1, 2.

¹²² Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falakki berasal dari daerah Minangkabau dilahirkan pada 14 hb Ramadan 1286H dan meninggal pada 26hb. Oktober 1956 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau merupakan tokoh reformasi

dimainkan oleh gerakan reformis ini telah berjaya merungkit pegangan aliran tradisional beransur-ansur. Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan menjelaskan aliran tradisional di halaman 37 hingga 39. Manakala aliran reformis pula, pengkaji akan menjelaskan di halaman 39 hingga 43.

1.2.1 Aliran Tradisional Dalam Pengajian Tafsir Di Negeri Perak

Pengajian tafsir al-Qur'an di Negeri Perak berkembang bersama pengajian al-Qur'an. Hal ini berlaku kerana hubungkait antara ilmu mengenai bacaan al-Qur'an dan pentafsirannya tidak dapat dipisahkan. Justeru, seseorang yang sudah pandai membaca al-Qur'an akan berusaha untuk memahaminya. Pada peringkat awal, pengajian ini berbentuk pengajian tradisional. Cara ini mempunyai kaitan dengan pengajian yang terdapat di Aceh atau Sumatera, Indonesia¹²³.

Ini dapat dibuktikan melalui kehadiran Syaykh Ibrahim bin Mahmud dari Kampar, Sumatera, Indonesia iaitu pada abad ke 16¹²⁴. Beliau telah mendirikan surau di Teluk Bakong untuk mengajar agama kepada masyarakat setempat¹²⁵. Pada awal abad ke 19 pula, wujud sebuah institusi pondok yang didirikan oleh Syaykh Tuan Haji Junus di Batu Hampar, Malim Nawar. Tokoh ini juga berasal dari Sumatera, Indonesia.

di Nusantara yang sempat berguru dengan Syaykh Muhammad 'Abduh. Lihat Zulkifli Mohd Yusoff (2007), *Muhammad Abduh Pengaruhnya Kepada Pembaharuan Politik Islam Di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., h. 78-81, Tajuddin Saman *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 122-125, Abdul Aziz Mat Ton (2001), *Politik al-Imam*, c. 2, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 159 – 166.

¹²³ Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 33, Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxiv-xxv.

¹²⁴ Perkara tersebut telah pengkaji jelaskan di halaman 21 dalam disertasi ini.

¹²⁵ *Ibid.*

Aliran pengajian tradisional ini perkembangan pesat pada abad ke 20 dengan kehadiran tokoh-tokoh ulama dari daerah-daerah di Indonesia seperti dari Jawa, Banjar dan sebagainya¹²⁶. Antara metode pengajaran tafsir yang digunakan oleh guru-guru aliran tradisional ialah dengan memberi tumpuan terhadap bacaan dan huraian tatabahasa tanpa memberi perhatian kepada masalah-masalah politik, ekonomi dan sosial¹²⁷. Dalam hal ini, aliran tradisional lebih selesa memfokuskan terhadap pemahaman tekstual daripada kontekstual. Justeru, penguasaan guru-guru terhadap tekstual amat mantap sekali kerana metode pengajiannya lebih bersifat *ḥarfan bi ḥarfin*¹²⁸.

Oleh kerana pengajian tafsir aliran tradisional ini lebih menumpukan pemahaman teks maka ia dilihat tidak kritis menangani isu-isu *isrā'īliyyāt*. Sebagai contoh riwayat *isrā'īliyyāt* yang menjadi bahan cerita guru-guru aliran tradisional ialah riwayat mengenai iblis yang masuk ke dalam syurga melalui seekor ular lalu ia memperdayakan Nabi Adam a.s¹²⁹. Menurut Dr. Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah, riwayat tersebut adalah riwayat *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam *Tafsīr al-Ṭabarī* dan *Tafsīr al-Durr al-Manthūr*¹³⁰.

¹²⁶ Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 33, 34.

¹²⁷ Mustafa Abdullah (2007), *op.cit.*, h. 2.

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Kisah ini juga terdapat dalam karya tafsir tulisan jawi seperti *Tafsīr Qur'ān Marbawī Juzuk Alif Lam Mim* halaman 37. Syaykh Muhammad Idris al-Marbawī telah mendatangkan cerita tersebut tanpa sebarang komentar. Perkara ini boleh menyebabkan masyarakat keliru. Lebih-lebih lagi kalau ia diceritakan dalam majlis-majlis ilmu yang diadakan di surau atau masjid. Perkara ini pengkaji sendiri pernah alami sewaktu menuntut di pondok dahulu. Lihat Muhammad Idris bin Abd Rauf al-Marbawī (1938), *Tafsīr Qur'ān Marbawī*, c. 1, Kaherah: Matba'ah Marbawīyyah, h. 37.

¹³⁰ Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1971), *Isrā'īliyyāt wa al-Mawḍū'āt fī Kutub al-Tafsīr*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 178, 179.

Selain itu, aliran tradisional cenderung mentakwil ayat-ayat *mutasyābihāt*. Antara contoh tersebut ialah ayat mengenai tangan Allah ditakwil sebagai kekuasaan¹³¹, ayat mengenai wajah Allah ditakwil sebagai zat Allah¹³², dan lain-lain. Hal ini berlaku kerana aliran tawhid yang dipegangi oleh aliran tradisional berpandukan mazhab al-Asy'ari¹³³.

Antara kitab tafsir yang digunakan oleh guru-guru aliran tradisional ialah kitab *Tafsīr al-Jalālayn*, *Tafsīr al-Nasafī*, dan *Tafsīr Ibn Kathīr*¹³⁴. Manakala karya tafsir versi bahasa Melayu pula ialah kitab *Tafsīr Anwār al-Baiḍāwī* dan kitab *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*¹³⁵. Selain itu guru-guru tersebut membuat rujukan tambahan terhadap kitab *Tafsīr al-Ṣāwī* dan lain-lain.

Kesimpulannya, aliran tradisional dalam pengajian tafsir di Negeri Perak tersebar melalui institusi surau, masjid dan pondok ekoran penguasaan guru-guru yang berlatarbelakangkan pendidikan tradisional sama ada dalam negeri atau luar negara terhadap institusi berkenaan. Aliran ini lebih menekankan pemahaman tekstual

¹³¹ Oleh kerana karya tafsir klasik menjadi teks pengajian aliran tradisional maka tafsiran tersebut secara tekstual memang berlaku. Hal ini boleh dirujuk dalam karya *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* ketika pengarang mentafsir ayat 32 surah al-Fath. Selain itu, pegangan tawhid aliran tradisional berpandukan mazhab Abu Hasan al-Asy'ari yang menerima takwil ayat-ayat sifat, lalu guru-guru aliran ini akan mengulas dalam pengajian tafsir mereka. Lihat Muhammad Said Umar (t.t), *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, j. 4, Faṭānī: Matba'ah bin Halabī, h. 95, Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 38.

¹³² Tafsiran tersebut boleh dirujuk dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* ketika pengarang mentafsir ayat 27 surah al-Raḥmān. Lihat Muhammad Said Umar (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 144.

¹³³ Antara pegangan mazhab Abu Hasan al-Asy'ari ialah mentakwil ayat-ayat sifat. Mazhab ini berkembang di Malaysia dan Indonesia. Lihat Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 38, Lihat Mānī' bin Ḥammad al-Jahnī *et al.* (2003), *al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Aḥzāb al-Mu'āṣarah*, j. 1, c. 5, al-Riyād: Dār al-Nadwah al-'Ālamiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 88.

¹³⁴ Mustafa Abdullah (2007), *op.cit.*, h. 9, 11.

¹³⁵ *Ibid.*

dan tidak kritis menangani isu-isu *isrā'īliyyāt*, cenderung mentakwil ayat-ayat *mutasyābihāt*, dan sebagainya.

1.2.2 Aliran Reformis Dalam Pengajian Tafsir Di Negeri Perak

Aliran reformis ini mula masuk ke Negeri Perak melalui kedatangan tokoh reformis Nusantara iaitu Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki pada awal abad ke 20. Sultan Perak¹³⁶ ketika itu telah melantik beliau sebagai pemeriksa kiblat masjid pada tahun 1904¹³⁷. Pada tahun 1908 pula beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Perak¹³⁸. Sebelum menerima dua jawatan tersebut, Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki telah terlibat secara langsung sebagai pemimpin majalah *al-Imam*¹³⁹. Lantaran itu, beliau mendapat galakan daripada rakan-rakan reformis supaya menerima dua jawatan tersebut bagi mengerakkan visi dan misi reformisme mereka di Negeri Perak¹⁴⁰.

¹³⁶ Sultan Perak ketika itu ialah Sultan Idris Al-Murshid al-Azam Shah iaitu Sultan Perak yang ke 28. Beliau menaiki tahta pada usia 38 tahun iaitu pada 26 Julai 1887, namun demikian baginda ditabalkan secara rasmi pada tahun 1889. Baginda yang sangat peka terhadap bidang pendidikan telah menawarkan sebidang tanah untuk pembinaan sekolah lelaki dalam tahun 1905 dan dikenali hari ini sebagai Maktab Melayu Kuala Kangsar. Baginda mangkat pada 14 Januari 1916 ketika berusia 67 tahun dan dimakamkan di Makam Diraja Bukit Chandan. Lihat Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *op.cit.*, h. 104-116.

¹³⁷ Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 273.

¹³⁸ Abdul Aziz Mat Ton (2001), *op.cit.*, h. 165, Zulkifli Mohd Yusoff (2007), *op.cit.*, h. 80.

¹³⁹ Majalah *al-Imam* yang diasaskan bersama oleh Syaykh Tahir Jalaluddin, Syed Syaykh al-Hadi, Haji Abbas Muhammad Taha dan Syaykh Mohd Salim al-Khalili telah diterbitkan naskah sulungnya pada 23 Julai 1906 di Singapura. Melalui majalah tersebut, mereka menyalurkan pemikiran pembaharuan, mengenai pentingnya ilmu pengetahuan dan penolakan terhadap kepercayaan-kepercayaan karut serta khurafat yang terdapat di kalangan masyarakat. Lihat Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi : Sasterawan Progresif Melayu*, c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 34, Abdul Aziz Mat Ton (2001), *op.cit.*, h. 169.

¹⁴⁰ Zulkifli Mohd Yusoff (2007), *op.cit.*, h. 80.

Pengkaji tidak dapat memastikan peranan secara langsung yang telah dimainkan oleh Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki terhadap perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak. Namun, aliran reformis dalam pengajian tafsir telah digerakkan oleh tokoh-tokoh reformis melalui institusi pendidikan¹⁴¹. Ini dapat dibuktikan melalui penglibatan Syaykh Abdullah al-Maghribi yang telah dijemput oleh Sultan Perak¹⁴² untuk membimbing Madrasah al-Idrisiyah di Bukit Chandan, Kuala Kangsar pada tahun 1928¹⁴³. Sebelum bertugas di sini beliau pernah menjadi pengetua di Madrasah al-Masyhur¹⁴⁴ Pulau Pinang. Melalui pengalaman tersebut beliau telah memainkan peranan yang penting untuk memajukan Madrasah al-Idrisiyah.

Selain Madrasah al-Idrisiyah, terdapat sekolah agama rakyat yang lain turut membawa aliran reformis seperti Maahad al-Ehya Assyarif¹⁴⁵ di Gunung Semanggol,

¹⁴¹ Menurut Nabir bin Abdullah, gerakan reformis atau lebih dikenali waktu itu sebagai 'Kaum Muda' telah merancang beberapa strategi yang berkesan untuk melebarkan pengaruh mereka ke dalam masyarakat di Tanah Melayu waktu itu. Menurutnya, bidang pendidikan merupakan strategi utama mereka dengan menyusupi sistem tersebut untuk mewujudkan madrasah yang baru. Idea ini cuba diketengahkan oleh Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki, Syed Syaykh al-Hadi, Syaykh Mohammad al-Kalili, dan lain-lain. Ini disebabkan keadaan orang Islam yang mundur akibat pentafsiran agama yang sempit oleh 'Kaum Tua' telah memaksa mereka bekerja lebih keras bagi mempengaruhi masyarakat supaya lebih terbuka dan mengutamakan soal-soal pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Fokus utama mereka dalam bidang pendidikan pula ialah menumpukan pengajian tafsir al-Qur'an. Lihat Nabir Haji Abdullah (1976), *op.cit.*, h. 13, 14, 15, 16, 17.

¹⁴² Sultan Perak ketika itu ialah Sultan Iskandar Shah iaitu Sultan Perak yang ke-30. Beliau dilahirkan pada 10 Mei 1881 di Kampar, setelah ayahandanya Sultan Idris (1849 – 1916) menjadi Sultan Perak yang ke – 28 semua keluarga baginda dari Kampar berpindah ke Kuala Kangsar. Baginda mangkat ketika berusia 57 tahun pada 14 Oktober 1938. Lihat Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *op.cit.*, h. 118-121.

¹⁴³ Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 273.

¹⁴⁴ Madrasah al-Masyhur Al-Islamiah dibina di Tek Soon Street, Pulau Pinang pada tahun 1919. Madrasah ini diasaskan oleh Syed Syaykh al-Hadi dan dibantu oleh rakan-rakannya seperti Syaykh Tahir Jalaluddin dan Syaykh Abdullah al-Maghribi dan lain-lain. Madrasah ini telah memainkan peranan yang sangat penting bagi mengerakkan idea reformisme ke dalam masyarakat. Lihat Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 45, Abdul Rahman Abdullah (1989), *op.cit.*, h. 6.

¹⁴⁵ Maahad al-Ehya Assyarif ditubuhkan pada 15 April 1934 di Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak. Melalui pembukaan sekolah ini ia telah berjaya membuka minda masyarakat yang selama ini dibelenggu oleh pendidikan satu aliran agama sahaja kepada dua aliran serentak iaitu aliran agama dan aliran akademik. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri (2008), *op.cit.*, h. 26.

Madrasah al-Diniah di Kampung Lalang, Padang Rengas, Kuala Kangsar¹⁴⁶ dan Madrasah Saadiyah-Salihiah di Temoh, Tapah, Perak¹⁴⁷. Sekolah-sekolah agama rakyat aliran reformis ini telah membuat pembaharuan dalam sistem pendidikan Islam di Negeri Perak.

Kurikulum pendidikan Islam dimantapkan dengan mengintergrasikan di antara ilmu agama dan dunia¹⁴⁸. Manakala ilmu tafsir telah diangkat menjadi mata pelajaran penting dalam kurikulum tersebut. Sebahagian kitab tafsir aliran reformis telah dijadikan sebagai buku teks bagi mata pelajaran tafsir¹⁴⁹. Di Maahad al-Ehya Assyarif sebagai contohnya telah menjadikan *Tafsīr al-Marāghī* sebagai buku teks bagi mata pelajaran tafsir¹⁵⁰. Manakala Madrasah Saadiyah-Salihiah di Temoh, Tapah telah menjadikan *Tafsīr Juz 'Amm* karangan Syaykh Muhammad 'Abduh sebagai buku teks bagi mata pelajaran tafsir¹⁵¹.

Lantaran itu, pengaruh reformis Syaykh Muḥammad 'Abduh dan Syaykh Muṣṭafā al-Marāghī terlibat secara langsung terhadap pengajian tafsir di sekolah-

¹⁴⁶ Madrasah ini diasaskan oleh Syaykh Junid Tola pada tahun 1932. Beliau yang berasal dari Mendaling, Sumatera telah mendapat didikan dan ijazah dari Universiti al-Azhar dan merupakan antara tokoh reformis dalam memperjuangkan sistem pendidikan Islam moden. Antara sumbangan beliau terhadap bidang pendidikan ialah beliau telah memperkenalkan mata pelajaran vokasional seperti mengajar pelajar membuat sabun, mengecap kain, membuat terompah kayu dan kasut. Beliau juga yang telah menunjukkan cara menjalankan kincir padi dengan menggunakan kuasa air. Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. xxvi, Abdul Rahman Abdullah (1989), *op.cit.*, h. 6, Abdul Rahman bin Abdullah (1998), *op.cit.*, h. 274.

¹⁴⁷ Madrasah ini diasaskan oleh Kiyai Haji Saleh bin Abd Rahman JP (1865-1961) pada tahun 1912. Beliau berasal dari Poeworedjo, Jawa Tengah, Indonesia telah menerima pendidikan agama dari beberapa buah sekolah pondok di Tanah Jawa seperti Tebuireng dan di Pesantren Djombang. Madrasah ini juga ada mengajar subjek Bahasa Melayu, Geografi, Sejarah Islam dan ilmu kemahiran hidup seperti kelas memasak dan kelas jahitan. Lihat Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. 1.

¹⁴⁸ Mustafa Abdullah (2007), *op.cit.*, h. 3.

¹⁴⁹ *Ibid.*

¹⁵⁰ *Ibid.*, Khairul Nizam Zainal Badri (2008), *op.cit.*, h. 26.

¹⁵¹ Badriyah Haji Saleh (1984), *op.cit.*, h. 131.

sekolah agama di Negeri Perak. Manakala *Tafsīr al-Manār* pula menjadi bahan bacaan dan rujukan ulama reformis atau 'Kaum Muda' yang terpengaruh dengan idea tajdid yang banyak dimuatkan dalam karya tersebut¹⁵².

Aliran reformis dalam pengajian tafsir di Negeri Perak telah memainkan isu-isu penting bagi menyedarkan masyarakat. Huraian dan pentafsiran al-Qur'an tidak terikat kepada teks semata-mata. Guru-guru yang mentafsirkan ayat al-Qur'an telah menyentuh isu-isu semasa seperti isu ekonomi, isu politik, isu pendidikan, isu perundangan, isu sosial kemasyarakatan dan sebagainya. Mengenai persoalan agama aliran reformis telah berjaya mencuri perhatian masyarakat apabila isu khurafat dan bid'ah dijadikan agenda penting bagi memperbaiki dan memantapkan akidah umat Islam¹⁵³.

Pengaruh reformis dalam pengajian tafsir telah berjaya menembusi surau-surau dan masjid-masjid di seluruh Negeri Perak sehingga ke hari ini. Sebagai contoh kitab-kitab tafsir aliran reformis seperti terjemahan *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān*, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, *Tafsīr 'Abr al-Athīr*¹⁵⁴ dan *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm* telah dijadikan buku teks kuliah Maghrib disekitar kawasan Tapah, Negeri Perak. Melalui

¹⁵² Mustafa Abdullah (2007), *op.cit.*, h. 3.

¹⁵³ Mustaffa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 207.

¹⁵⁴ Karya ini ditulis oleh Syaykh Ahmad Sonhadji bin Mohamad yang berasal daripada Indonesia dan menetap di Singapura. Karya ini ditulis oleh beliau hasil daripada kuliah tafsir al-Qur'an di radio Singapura setiap malam Jumaat bermula dari tahun 1956 hingga 1984. Ahmad Sonhadji Mohamad (1997), *Tafsiran al-Qur'an Juz 30*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., halaman bahagian kulit.

penelitian pengkaji, daripada 30 buah masjid di daerah Tapah hanya sebuah masjid sahaja yang masih menggunakan kitab *Tafsīr Nūr al-Ehsān*¹⁵⁵.

Kesimpulannya, Negeri Perak adalah di antara negeri yang terawal menerima idea tajdid yang dicanangkan oleh Syaykh Muḥammad 'Abduh, Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā dan Syaykh Muṣṭafā al-Marāghī melalui pengajian tafsir. Idea reformis ini mula dibawa masuk oleh Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki dan rakan-rakan seperjuangannya. Aliran ini telah berjaya dikembangkan oleh tokoh-tokoh hebat dalam bidang pendidikan seperti Syaykh Abdullah al-Maghribi, Syaykh Junid Tola, Syaykh Abu Bakar al-Baqir, Ustaz Mustafa Abdul Rahman, dan sebagainya. Pendekatan pengajian tafsir aliran reformis telah diterima oleh masyarakat di Negeri Perak walaupun ada penentangan pada peringkat awal perkembangannya.

1.3 Sumbangan Karya Tafsir Ulama Perak

Terdapat beberapa orang tokoh ulama di Negeri Perak telah menghasilkan karya tafsir. Sumbangan tersebut menyamai tokoh-tokoh *mufassir* daripada Negeri Terengganu¹⁵⁶, Kelantan,¹⁵⁷ Kedah,¹⁵⁸ dan lain-lain. Mendahului senarai *mufassir*

¹⁵⁵ Data ini pengkaji dapati melalui borang guru takmir yang mengajar di surau dan masjid di daerah Tapah, Perak Darul Ridzuan. Borang tersebut pengkaji perolehi daripada Ustaz Jamian bin Durat sebagai penyelaras masjid di alamat Pejabat Agama Islam Tapah pada 5 Januari 2009.

¹⁵⁶ Tok Pulau Manis atau Syaykh Abdul Malik bin Abdullah (1650-an – 1736) yang dikatakan mula menulis tafsir dengan menyalin daripada kitab tafsir gurunya Syaykh Abdul Rauf bin Ali yang berjudul *Turjumān al-Mustafīd* dan lebih dikenali sebagai *Tafsīr Anwār al-Baiḍāwī*. Lihat Ismail Che Daud (2001), *op.cit.*, h. 1-15.

¹⁵⁷ Antara karya tafsir yang dihasilkan oleh tokoh ulama Negeri Kelantan ialah tafsir *Ramuan Rapi (Tafsir Surah al-Kahf)* oleh Haji Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Dato' Mufti), keluaran Majlis Ugama Islam Kelantan, tahun 1957, *Tafsir Juzu' 'Amm* oleh Mohd Fauzi Haji Awang, keluaran Pustaka Aman Press, Kota Bharu, tahun 1964 dan lain-lain. Lihat Ismail Awang (1987), *op.cit.*, h. 188.

daripada Negeri Perak ialah Syaykh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi. Beliau telah menghasilkan karya *Tafsir Qur'an Marbawi*, *Tafsir Surah Yasin*, *Tafsir al-Qur'an Nur al-Yakin*, *Terjemahan Tafsir Fath al-Qadir*, *Tafsir Juzu' Amma*, *Tafsir Surah al-Fatihah* dan *Qur'an Bergantung Makna*¹⁵⁹.

Menyusuri senarai tersebut ialah Syaykh Syaykh Mustafa bin Abd Rahman. Beliau telah menghasilkan karya yang berjudul *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*¹⁶⁰. Manakala Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menyumbang sebuah karya tafsir yang berjudul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Pengkaji akan memperkenalkan secara ringkas dua karya tafsir oleh tokoh ulama Negeri Perak. Mengenai karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* adalah kajian disertasi ini¹⁶¹. Kedua karya tafsir tersebut ialah:

1.3.1 Tafsir Qur'an Marbawi Juzuk Alif Lam Mim

Tafsir Qur'an Marbawi Juzuk Alif Lam Mim adalah hasil penulisan Syaykh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi salah seorang ulama yang masyhur di Malaysia. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa tafsir ini lengkap 30 juzuk,

¹⁵⁸ Seperti kitab *Tafsir Nūr al-Ehsān* karangan Haji Muhammad Said bin Umar seorang Kadi di Jitra, Kedah. Kitab tafsir ini lengkap 30 juzuk terdiri dari empat jilid dan mula ditulis pada tahun 1925 hingga 1927 masihi. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *op.cit.*, h. 38, Hamza bt. Muhammad *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 77.

¹⁵⁹ Tajuddin Saman *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 64.

¹⁶⁰ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 179.

¹⁶¹ Karya Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ini pengkaji akan perkenalkan di dalam bab kedua, ketiga dan keempat dalam kajian ini.

tetapi sehingga hari ini kenyataan tersebut tidak dapat dibuktikan¹⁶². Pengkaji tidak dapat memastikan tarikh mula tafsir ini ditulis oleh beliau. Namun, tarikh tamat penyusunan tafsir ini ialah pada malam Isnin 22 Rabiulawal 1357 hijrah¹⁶³. Karya ini telah dicetak dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi oleh percetakan Matba'ah Marbawīyyah, Kaherah, Mesir pada bulan April 1938¹⁶⁴.

Syaykh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi memulakan karya ini dengan muqaddimah yang ringkas. Menurutnya, al-Qur'an merupakan kalam Allah s.w.t yang terdapat di dalamnya rahsia-rahsia kebahagiaan di dunia dan akhirat¹⁶⁵. Justeru, untuk memahami isi kandungan al-Qur'an seorang itu memerlukan sebuah karya tafsir yang kemas, jelas serta mudah difahami. Maka karya tafsir ini sangat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan untuk mendapat maklumat tersebut¹⁶⁶. Bagi merealisasi tujuan tersebut, beliau telah merujuk karya-karya tafsir yang muktabar seperti *Tafsīr Fakhr al-Rāzī*, *Tafsīr Khāzin*, *Tafsīr al-Baiḍāwī*, *Tafsīr Nasafī*, *Tafsīr Ibn 'Abbās* dan *Tafsīr al-Jalālayn*,¹⁶⁷.

Syaykh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi mengemukakan metode penulisan karya ini secara ringkas dan padat. Ini dibuktikan melalui pengenalan

¹⁶² Menurut Ustaz Haji Khalid bin Abd Rahman, Syaykh al-Marbawi sempat menyiapkan lengkap 30 juzuk. Ustaz Haji Khalid bin Abd Rahman merupakan kaum kerabat Syaykh al-Marbawi sebelah bapanya. Sewaktu beliau menuntut di Universiti al-Azhar lewat 30 an pernah membantu Syaykh al-Marbawi ketika beliau sakit. Temubual Ustaz Haji Khalid bin Abd Rahman, *op.cit.*

¹⁶³ Muhammad Idris bin Abd Rauf al-Marbawi (1938), *op.cit.*, h. 204.

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ *Ibid.*, halaman pendahuluan.

¹⁶⁶ *Ibid.*, halaman pendahuluan, Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 88.

¹⁶⁷ Muhammad Idris bin Abd Rauf al-Marbawi (1938), *op.cit.*, halaman pendahuluan.

setiap surah. Beliau hanya menulis nama surah, tempat penurunan ayat sama ada *makiyyah* atau *madaniyyah*, bilangan ayat, dan kelebihan surah¹⁶⁸. Selain itu, beliau tidak memanjangkan perbincangan mengenai huruf *al-Muqatta'ah*¹⁶⁹. Bagi memudahkan pembaca, beliau telah menandatangani setiap ayat dengan nombor bilangannya. Ayat-ayat tersebut beliau terjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebelum mentafsirkannya¹⁷⁰. Dari aspek bahasa pula beliau menggunakan bahasa Melayu lama ketika menterjemahkan ayat-ayat al-Qur'an tersebut.

Teknik soal jawab juga diperkenalkan oleh beliau supaya dapat menarik perhatian pembaca¹⁷¹. Jika terdapat ayat-ayat yang dianggap berulang maksudnya, beliau hanya menyatakan nombor ayat dan surah agar pembaca dapat merujuk kepadanya. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 241 daripada surah al-Baqarah beliau hanya menyatakan bahawa hukum *mut'ah* boleh dirujuk pada ayat 236 surah al-Baqarah¹⁷².

Manakala aspek metode pentafsiran pula, beliau lebih cenderung menggunakan metode *tafsīr bi al-ra'y*. Namun, terdapat sebahagian ayat beliau menggunakan metode *tafsīr bi al-ma'thūr* tetapi hanya meletak nombor rujukan ayat yang lain. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 154 daripada surah al-Baqarah mengenai mereka yang mati kerana berjuang agama Allah s.w.t. Mereka adalah orang-orang

¹⁶⁸ *Ibid.*, h. 1,5.

¹⁶⁹ *Ibid.*, h. 5.

¹⁷⁰ *Ibid.*, h. 2.

¹⁷¹ *Ibid.*, h. 6.

¹⁷² *Ibid.*, h. 169.

yang hidup di sisi Allah s.w.t dan memperoleh pelbagai nikmat. Bagi menguatkan hujah ini, beliau meminta pembaca merujuk ayat 169, 170, dan 171 daripada surah Āli ‘Imrān¹⁷³. Terbukti di sini beliau telah mentafsirkan ayat al-Qur’an dengan ayat al-Qur’an untuk memperjelaskan maksud ayat 154 daripada surah al-Baqarah.

Sikap Syaykh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi terhadap riwayat *isrā’ ilīyyāt* pula agak mendukacitakan kerana beliau bukan sahaja memetik riwayat tersebut tetapi tidak memberi sebarang komen. Ini dapat dibuktikan melalui kisah aneh mengenai Iblis yang memasuki syurga melalui ular untuk memperdayakan Adam a.s dan Hawa¹⁷⁴. Kisah ini ternyata riwayat *isrā’ ilīyyāt* yang ditolak¹⁷⁵. Namun, beliau tidak memberi sebarang ulasan menerima atau menolak. Sikap begini boleh mengelirukan pembaca dari sudut akidah dan sebagainya.

Kesimpulannya, karya ini merupakan sumbangan Syaykh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi kepada khazanah ilmiah di Malaysia. Beliau seorang penulis yang kreatif kerana berjaya menampilkan kepelbagaian metode penulisan dan pentafsiran. Namun, terdapat sedikit kelemahan dalam karya ini apabila beliau memuatkan riwayat *isrā’ ilīyyāt* tanpa memberi sebarang komen mengenai status riwayat tersebut.

¹⁷³ *Ibid.*, h. 108, 109.

¹⁷⁴ *Ibid.*, h. 37.

¹⁷⁵ Menurut Dr. Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah, riwayat ini merupakan riwayat *Isrā’ ilīyyāt*. Riwayat tersebut juga terdapat di dalam kitab *Tafsīr al-Ṭabarī* dan *Tafsīr al-Durr al-Manthūr*. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 178- 180, lihat juga Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2003), *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma’thūr*, j. 1, c. 1, Kaherah: Markaz li al-Buḥūth wa al-Dirāsah al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah, h. 286,287, lihat juga Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *Jāmi’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qur’ān*, j. 1, c. 1, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 270.

1.3.2 *Tafsīr al-Qur‘ān al-Ḥakīm*

Tafsir ini adalah karya utama Syaykh Mustafa bin Abdul Rahman yang mengandungi 23 penggal. Manakala setiap penggal mewakili satu juzuk al-Qur’an. Karya tafsir ini mula diterbitkan pada tahun 1949 oleh Persama Press, Pulau Pinang¹⁷⁶. Pengkaji telah menemui cetakan terbaru yang diterbitkan oleh Syarikat Syeikh Sa‘id Yamani di alamat 33 Jalan Besar, Bagan Serai, Perak. Namun, cetakan tersebut hanya di‘scan’ oleh Maktabah wa Matba‘ah Muḥammad al-Hudā wa Awlāduhu Patani, Thailand. Justeru, ia kekal dengan tulisan jawi dalam bahasa Melayu sebagaimana cetakan Persama Press dahulu.

Di dalam muqaddimah tafsir ini, Syaykh Mustafa bin Abdul Rahman menyatakan bahawa al-Qur’an patut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagaimana yang dilakukan oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini. Menurutnya, masyarakat melayu Islam yang berada di dalam negara ini akan sukar mengetahui isi kandungan al-Qur’an dengan menggunakan bahasa Arab. Justeru itu, hal ini menjadi dorongan yang kuat kepada beliau untuk menghasilkan sebuah karya tafsir yang memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia¹⁷⁷.

¹⁷⁶ Tafsir ini juga boleh didapati di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Peringatan Za‘ba, Universiti Malaya.

¹⁷⁷ Mustafa Abdul Rahman (t.t), *op.cit.*, h. 5, 9.

Sehubungan dengan itu, bagi menyempurnakan tujuan ini beliau telah merujuk beberapa karya tafsir yang muktabar seperti *Tafsīr al-Marāghī*¹⁷⁸, *Tafsīr al-Nasafī*, *Tafsīr Ibn al-Jawzī*, *Tafsīr al-Ṭabarī*, *Tafsīr Jalālayn*, *al-Tafsīr al-Munīr li Ma‘alim al-Tanzīl*, *Tafsīr Ṭanṭawī al-Jawharī*, dan sebagainya¹⁷⁹. Selain karya tafsir, beliau juga merujuk kepada kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karangan al-Imam al-Ghazali¹⁸⁰. Walaupun begitu, landasan utama karya ini ialah *Tafsīr al-Marāghī*.

Metode penulisan Syaykh Mustafa bin Abdul Rahman sederhana dan menarik. Sebagai contoh beliau memulakan setiap surah dengan *al-basmalah*, menyatakan nama surah dan bilangan ayat¹⁸¹. Selain itu, beliau juga menyatakan aspek *makiyyah* dan *madaniyyah* setiap surah secara ringkas dan padat. Manakala penyusunan ayat-ayat untuk ditafsirkan pula, beliau akan menghimpunkan beberapa ayat yang mempunyai kaitan di dalam satu kelompok¹⁸². Metode ini menyamai tulisan Syaykh Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī melalui karya unggulnya *Tafsīr al-Marāghī*¹⁸³. Contohnya ayat 1 hingga ayat 12 daripada surah Yasin dihimpunkan di dalam satu kelompok¹⁸⁴.

¹⁷⁸ Karya ini ditulis oleh al-Marhum Syaykh Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, mantan pensyarah Kuliah Syari‘ah dan Bahasa Arab, Dar al-‘Ulum, Kaherah. Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (1998), *Tafsīr al-Marāghī*, j. 1, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, halaman kulit hadapan.

¹⁷⁹ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 181.

¹⁸⁰ *Ibid.*

¹⁸¹ Mustafa Abdul Rahman (t.t), *op.cit.*, h. 5,9.

¹⁸² *Ibid.*, h. 5, 9, 11, 12, 13.

¹⁸³ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 182.

¹⁸⁴ Mustafa Abd Rahman (1961), *op.cit.* penggal 23, h. 23, Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (1998), *op.cit.*, j. 8, c. 1, h. 120.

Manakala aspek metode pentafsiran pula, Syaykh Mustafa bin Abdul Rahman cenderung menggunakan metode *tafsīr bi al-ra'y* secara meluas. Namun, beliau masih menggunakan metode *tafsīr bi al-ma'thūr*. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 31 daripada surah al-Baqarah mengenai keengganan Iblis sujud kepada Nabi Adam a.s adalah berpunca daripada sifat besar diri¹⁸⁵. Iblis merasakan dia lebih layak menjadi khalifah daripada Adam a.s kerana kejadiannya lebih mulia. Bagi menjelaskan sikap sombong dan bongkak Iblis ini, beliau telah mendatangkan ayat 12 daripada surah al-A'raf iaitu firman Allah s.w.t : *أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ* ertinya: Aku lebih baik daripadanya, engkau jadikan aku dari api dan engkau jadikan dia daripada tanah¹⁸⁶.

Mengenai aliran pemikiran Syaykh Mustafa bin Abdul Rahman pula, ternyata beliau banyak dipengaruhi oleh aliran reformis. Isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat seperti pemurnian aqidah, kepentingan ilmu, kepentingan menegakkan syariat, membina dan memantapkan syakhsiah diri dan lain-lain menjadi isu utama dalam karya ini. Ini dapat dibuktikan melalui pentafsiran ayat 131 daripada surah al-Baqarah mengenai usaha seseorang akan ditanya dan diberi balasan oleh Allah s.w.t menurut amalannya¹⁸⁷. Justeru, beliau menolak keras amalan masyarakat yang ingin mencapai kebahagiaan di akhirat hanya bergantung kepada keramat-keramat orang salih yang sudah mati. Menurutnya, al-Qur'an telah memberi panduan bahawa

¹⁸⁵ *Ibid.*, penggal 1, h. 30.

¹⁸⁶ *Ibid.*

¹⁸⁷ *Ibid.*, penggal 1, h. 111.

kebahagian seseorang bergantung kepada amalan sendiri bukan kepada syafa'at orang-orang lain¹⁸⁸.

Kesimpulannya, tafsir ini mempunyai nilai yang sangat tinggi yang pernah dihasilkan oleh ulama di alam Melayu. Ia sesuai dibaca oleh semua peringkat masyarakat kerana bahasa dan gaya penulisan yang sederhana dan menarik. Banyak isu-isu semasa yang berkaitan dengan persoalan masyarakat telah diolah oleh beliau dengan penuh berhikmah. Antara lain, beliau mampu menghindari isu-isu yang boleh mengelirukan masyarakat seperti isu *isrā' ilīyyāt*, kisah-kisah Nabi yang panjang berjela tanpa arah tujuan dan sebagainya. Tegasnya, karya ini adalah sumbangan terbaik daripada Syaykh Mustafa bin Abdul Rahman terhadap perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak.

1.4 Kesimpulan

Pengajian tafsir di Negeri Perak telah berkembang dengan baik dan berjaya memenuhi keperluan masyarakat. Walaupun pada peringkat awal perkembangan ia bergerak perlahan, namun ulama-ulama waktu itu telah berjaya membentuk pemikiran umat Islam supaya cintakan kepada kitab Allah s.w.t. Institusi pendidikan secara formal atau tidak formal merupakan medan terbaik untuk merencanakan pengajian tafsir.

Terdapat dua aliran pengajian tafsir di Negeri Perak yang bergerak bagi mempengaruhi masyarakat. Aliran tradisional 'Kaum Tua' agak terikat dalam

¹⁸⁸ *Ibid.*

pentafsiran al-Qur'an berbanding aliran reformis 'Kaum Muda' yang lebih terbuka. Tokoh-tokoh reformis seperti Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki, Syaykh Abdullah al-Maghribi, Syaykh Muhammad Idris al-Marbawi, Syaykh Abu Bakar al-Bakir, Syaykh Mustafa Abd Rahman dan lain-lain telah memainkan peranan yang sangat penting bagi melonjakkan pengajian tafsir ke tahap lebih mantap. Melalui penglibatan mereka yang bersungguh-sungguh mata pelajaran tafsir diangkat menjadi mata pelajaran teras bagi kurikulum pendidikan Islam di madrasah-madrasah di Negeri Perak.

Setakat kajian ini berjalan pengkaji belum menemui karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama aliran tradisional di Negeri Perak. Namun, ulama aliran reformis ada menyumbang karya tafsir yang bermutu seperti *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm*, *Tafsīr Qur'ān Marbawī* dan sebagainya. Tegasnya, tokoh-tokoh ulama di Negeri Perak telah memberi suatu sumbangan yang terbaik kepada perkembangan pengajian tafsir di Malaysia.

BIOGRAFI ABD AZIZ BIN ABD SALAM DAN SUMBANGAN PENULISAN KARYA *AL-BAYAN PADA TA'WIL AYAT-AYAT AL-QUR'AN*

2.0 Pendahuluan

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam adalah tokoh ulama tafsir lulusan India dan Mekah. Tokoh yang dilahirkan di Negeri Perak ini tidak terkenal di Malaysia. Beliau telah menulis sebuah karya tafsir yang berjudul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Karya yang menarik ini adalah sumbangan beliau terhadap perkembangan pengajian tafsir. Oleh itu, menerusi bab ini pengkaji akan memperhalusi latar belakang kehidupan beliau bermula dari kelahiran hingga kepada kematian. Selain itu, pengkaji akan memperkenalkan tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Menerusi karya tersebut pengkaji akan meneliti bentuk-bentuk sumbangan metode penulisan beliau.

2.1 Latar Belakang Kehidupan

Nama lengkap beliau ialah Abd Aziz bin Abd Salam bin Sulaiman bin Satin bin Mandasalam bin Mahraja bin Mawhumaji. Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menggunakan Mawhumaji sebagai gelaran di akhir nama beliau. Mawhumaji adalah datuk beliau yang kelima. Menurut Tan Sri Dato' Seri Dr. Harussani bin Zakaria, Mawhumaji adalah nama yang dipakai oleh orang-orang Melayu. Oleh itu, beliau

bukan daripada suku kaum Jawa, Banjar, Rawa dan sebagainya yang banyak terdapat di Negeri Perak¹⁸⁹.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dilahirkan di Kampung Teluk Bakong¹⁹⁰, Lambur Kanan, Parit, Perak¹⁹¹. Berlaku percanggahan fakta berhubung tarikh kelahiran beliau. Menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz, ayahnya dilahirkan pada tahun 1902¹⁹². Pendapat ini bersamaan dengan satu tulisan Zambri bin Hashim¹⁹³ mengenai biografi Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang terdapat di dalam buku '*Ulama Perak Dalam Kenangan dan Tokoh Maal Hijrah*'. Buku tersebut diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak¹⁹⁴.

Fakta kedua pula menyebut bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dilahirkan pada 29 Julai 1905¹⁹⁵. Fakta ini terdapat di dalam juzuk pertama tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* di halaman 'bahagian riwayat hidup penyusun'. Dalam hal ini, pengkaji sukar untuk menentukan fakta yang paling tepat. Namun, jika karya tafsir tersebut ditulis sendiri oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd

¹⁸⁹ Temubual penyelidik dengan Tan Sri Dato' Seri Dr. Harussani bin Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak pada 25.11.2009 di pejabat Jabatan Mufti Negeri Perak, Tingkat 5, Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

¹⁹⁰ Kampung Teluk Bakong terletak di mukim Bota, Perak Darul Ridzuan. Di sebelah selatan Perak ia berhampiran dengan Kg. Gajah dan Teluk Intan. Manakala sebelah utara ia berhampiran dengan Parit dan Lumut. Lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Kampung_Teluk_Bakong diakses pada 4.12.2009.

¹⁹¹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

¹⁹² Temubual penyelidik dengan En. Ibrahim bin Abd Aziz, anak pengarang *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* pada 29.10.2008 di kediamannya No. 10 Lengkok Pasar, 31350 Rapat Setia, Ipoh, Perak.

¹⁹³ Zambri bin Hashim ialah pegawai istinbat di Jabatan Mufti Negeri Perak di alamat Tingkat 5, Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

¹⁹⁴ Zamri Hashim *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 15.

¹⁹⁵ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

Salam sebagaimana dakwaan En. Ibrahim bin Abd Aziz, pengkaji yakin tarikh yang tepat ialah pada 29 Julai 1905¹⁹⁶.

Keluarga Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sangat dihormati oleh masyarakat di Kampung Telok Bakung kerana bapanya seorang pemimpin ketika itu. Abd Salam bin Sulaiman merupakan ketua kampung yang berdedikasi. Beliau mempunyai dua orang isteri. Melalui perkahwinan dengan isteri yang pertama beliau memperolehi tujuh orang anak termasuk Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Perkahwinan dengan isteri yang kedua pula, beliau memperolehi enam orang anak. Kesibukan sebagai pemimpin masyarakat tidak menjadi batu penghalang untuk beliau mendidik anak-anak sampai berjaya. Ini dibuktikan melalui pendidikan yang dilalui oleh anaknya yang bernama Abd Aziz.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Bakong pada tahun 1912. Minat dan kecenderungan yang mendalam terhadap pendidikan Islam mendorong beliau memasuki sekolah agama iaitu Madrasah al-Khairiyah, Lambur Kanan, Parit pada tahun 1915¹⁹⁷. Pada tahun 1916 beliau merantau ke Teluk Intan untuk memasuki Madrasah al-Ihsaniyyah yang dipimpin oleh seorang ulama tersohor di Negeri Perak iaitu Syaykh Islam Tuan Haji Mohd Saleh bin Haji Mohd Taib¹⁹⁸. Semangat dan ketabahan yang beliau miliki,

¹⁹⁶ Menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz ayahnya adalah penulis karya tafsir tersebut. Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

¹⁹⁷ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

¹⁹⁸ Syaykh Tuan Haji Mohd Saleh bin Mohd Taib dilahirkan di Kampung Tungkar Luak Minangkabau pada tahun 1226H. Mengikut bapanya berhijrah ke Mekah semasa umur 6 tahun. Beliau mendapat pendidikan agama dari ulama-ulama besar di Mekah seperti Syaykh Ahmad Dahlan Mufti Mekah. Ketika berada di Malaysia beliau telah membuka Madrasah Insaniah di Teluk Intan. Sultan Iskandar Shah kerap mengundang

akhirnya beliau berjaya memperolehi sijil al-Qur'an dari sekolah-sekolah al-Qur'an Negeri Perak. Sijil tersebut julung-julung kali diperkenalkan di Negeri Perak iaitu pada tahun 1923¹⁹⁹.

Di peringkat tinggi pula beliau menyambung pelajaran ke pusat pengajian Islam di New Delhi, India. Beliau belayar ke India pada tahun 1924. Menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz, pemergian ayahnya ke India ditaja oleh kerabat Sultan Perak waktu itu²⁰⁰. Di India beliau mendaftar sebagai pelajar di Maktab Dār al-Ḥadīth al-Rahmāniyyah yang mengguna bahasa Urdu sebagai bahasa pengantar. Beliau berjaya menamatkan pengajian di institusi tersebut selama empat tahun²⁰¹. Melalui tempoh pengajian tersebut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sudah mampu menguasai pelbagai bidang ilmu agama, bahasa Arab serta bahasa Urdu dengan baik.

Ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam semasa di India masih belum memuaskan jiwa beliau yang kehausan ilmu. Justeru itu, pada tahun 1928 beliau menyambung pelajaran ke Mekah. Peluang keemasan semasa beliau berada di sini digunakan oleh beliau untuk mencari ilmu sebanyak mungkin. Selain itu, beliau turut mengajar pelajar-pelajar yang datang dari Malaysia dan Indonesia dengan keizinan daripada Kerajaan Arab Saudi waktu itu²⁰². Menjadi tradisi Kerajaan Arab Saudi waktu itu membenarkan ulama-ulama Nusantara

beliau ke istana untuk berbincang masalah agama. Sebagai seorang ulama yang mempunyai kepakaran dalam bidang agama menyebabkan beliau diberi gelaran Syaykh Islam oleh Sultan pada tahun 1925 walaupun ketika itu sudah ada jawatan mufti negeri Perak. Zamri Hashim *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 1, 2.

¹⁹⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

²⁰⁰ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²⁰¹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

²⁰² *Ibid.*

mengajar di sekitar Masjid al-Haram kepada pelajar-pelajar yang datang dari Malaysia, Selatan Thai dan Indonesia²⁰³.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menimba ilmu di Mekah selama tiga tahun. Ini bererti beliau telah berada tujuh tahun di perantauan menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman. Justeru, timbul perasaan di hati untuk pulang ke tanah air berbakti kepada masyarakat. Pada tahun 1931 beliau telah berlayar ke Malaysia meninggalkan seribu kenangan manis sebagai penuntut ilmu di India dan Mekah²⁰⁴. Kepulangan beliau ke Malaysia sudah pasti disambut oleh kedua ibu bapanya, guru-guru, rakan-rakan dan masyarakat dengan penuh kegembiraan.

Pengalaman Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menuntut ilmu selama 14 tahun lebih, menjadikan beliau sebagai seorang tokoh ulama rebutan masyarakat. Waktu itu seorang ulama akan diberi penghormatan yang tinggi oleh masyarakat. Namun, sebagai seorang penuntut yang mengenang jasa guru-guru, beliau telah berbakti di sekolah lamanya iaitu Madrasah al-Ihsaniyyah di Teluk Intan²⁰⁵. Semasa mengajar di sini beliau sangat menekankan penguasaan bahasa Arab, tafsir al-Qur'an dan hadith al-Nabawi kepada pelajar-pelajarnya.

Semangat dan keazaman yang tinggi untuk menghapuskan kejahilan dalam masyarakat menyebabkan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ingin membuka sekolah agama yang baru. Melalui sokongan yang padu daripada masyarakat, beliau telah

²⁰³ *Ibid.*

²⁰⁴ *Ibid.*

²⁰⁵ *Ibid.*

membuka sekolah sendiri pada tahun 1935 di Sungai Nibung Batu Satu, Jalan Cangkat Jong, Teluk Intan²⁰⁶. Langkah yang diambil oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam bertepatan dengan saranan al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w supaya menyebarkan ilmu Islam kepada manusia.

Semasa berkhidmat di Teluk Intan, beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Maryam binti Abdul Ghani dari Lambur Kiri, Parit²⁰⁷. Setakat kajian ini berjalan, pengkaji tidak menemui tarikh perkahwinan beliau dengan Puan Maryam binti Abdul Ghani. Hasil perkahwinan ini, beliau memperolehi sembilan orang anak. Mereka ialah Halimah, Nikmah, 'Ulya, Fatimah, Ibrahim²⁰⁸, Asma', Mukhtar, Mardiah dan Zubair²⁰⁹.

Menjadi tradisi ulama waktu itu mempunyai isteri lebih daripada seorang. Oleh itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah melangsungkan perkahwinannya yang kedua dengan seorang wanita yang bernama Kalsum²¹⁰. Hasil perkahwinan yang kedua, beliau memperolehi enam orang anak iaitu dua lelaki dan empat

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²⁰⁸ En. Ibrahim bin Abd Aziz tinggal di alamat; No.10 Lengkok Pasar, 31350 Rapat Setia, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Beliau telah tamat perkhidmatan sebagai Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Tanah Kg. Gajah, Perak. Beliau telah memberi kerjasama dengan baik kepada pengkaji untuk mendapat maklumat biodata Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Sebanyak dua kali pertemuan antara pengkaji dengan beliau iaitu pada 23.10.2008 dan 29.10.2008.

²⁰⁹ Setakat kajian ini dilakukan, anak-anak daripada isterinya yang pertama masih hidup kecuali Nikmah dan Mukhtar. Mereka berdua telah meninggal dunia. Manakala anak-anak daripada isterinya yang kedua masih hidup. Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²¹⁰ Setakat kajian ini berjalan, pengkaji tidak mendapat fakta-fakta mengenai tarikh dan tempat perkahwinan. Menurut maklumat yang pengkaji perolehi daripada En. Ibrahim bin Abd Aziz isteri kedua ayahnya masih hidup dan tinggal di Kuala Pari Tengah, Ipoh, Perak. *Ibid.*

perempuan. Mereka ialah Asiah²¹¹, Ismail, Fauziah, Habsah, Rahmah dan Abdul Halim. Melalui dua perkahwinan tersebut, beliau mendapat lima orang anak lelaki dan sepuluh orang anak perempuan²¹².

Di Teluk Intan, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengelolakan sekolah selama tujuh tahun. Kedatangan tentera Jepun ke Tanah Melayu menyebabkan pengajian agama di sekolah beliau tergendala akibat daripada peperangan yang meletus²¹³. Semasa pemeritahan Jepun, Sultan Iskandar Shah telah mengurniakan tauliah mengajar agama kepada Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Menerusi tauliah tersebut, beliau telah menjadi seorang ulama yang proaktif menyampai risalah Islam ke seluruh Negeri Perak²¹⁴.

Di Negeri Perak kurniaan ‘tauliah mengajar agama’ merupakan pengiktirafan daripada Istana terhadap keilmuan seseorang tuan guru. Amalan kurniaan ‘tauliah mengajar agama’ berjalan sehingga hari ini dan proses untuk mendapatkan tauliah tersebut telah diuruskan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak²¹⁵.

²¹¹ Puan Asiah binti Abd Aziz merupakan anak sulung pengarang *al-Bayan*. Beliau kini tinggal di Kampung Kuala Pari Tengah, Ipoh, Perak setelah ibunya meninggal dunia pada 31 Mac 2011. Sebelum ini beliau tinggal di Kuala Lumpur bersama dengan anak-anaknya. Manakala ibunya meninggal, adik beliau iaitu, Puan Fauziah tinggal seorang lalu dia kembali ke kampung halamannya dan tinggal bersama adiknya. Penyelidik sempat menziarahi mereka berdua untuk mendapat maklumat tambahan sebagaimana yang diminta oleh pihak Universiti pada tarikh 12.5.2011.

²¹² Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²¹³ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

²¹⁴ *Ibid.*

²¹⁵ Melalui pengalaman penyelidik, proses untuk mendapat tauliah mengajar agama di Negeri Perak mesti melalui dua peperiksaan secara bertulis dan secara lisan. Biasanya ujian bertulis dijalankan pada bulan Ogos setiap tahun kecuali ada halangan tertentu. Manakala mata pelajaran yang akan diuji dalam peperiksaan tersebut ialah tawhid, fekah, tasawwuf, tafsir, hadith, dan sirah. Kitab-kitab rujukan pula ialah *‘Aqīdah al-Nājīm*, *Maṭla‘i al-Badrīn*, *Hidāyah al-Sālikīn*, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, *Hadith 40*, dan *Nūr al-Yaqīn*.

Pada zaman pemerintahan Sultan Abd Aziz²¹⁶ pula, beliau telah dilantik menjadi kadi²¹⁷. Tugas pertama beliau sebagai kadi ialah di Pejabat Agama Islam di Kroh, Perak²¹⁸ pada tahun 1942. Di Kroh beliau sempat berkhidmat selama setahun. Pada tahun 1943 beliau dipindahkan ke Taiping, kemudian ke Parit Buntar pada tahun 1948²¹⁹. Setelah berkhidmat selama dua tahun di Parit Buntar beliau ditukar pula ke Ipoh iaitu pada tahun 1950.

Di Ipoh beliau telah berkhidmat selama sepuluh tahun iaitu tempoh yang agak panjang berbanding tempat yang lain. Semasa berkhidmat di Ipoh beliau telah dilantik menjadi Kadi Besar Negeri Perak²²⁰. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai

²¹⁶ Sultan Abd Aziz Ibnu almarhum Raja Muda Musa dilahirkan di Kampung Bandar, dekat Teluk Intan pada 14 November 1887. Baginda merupakan Sultan Perak yang ke-31 yang membawa gelaran Sultan Abd Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah. Baginda telah memerintah Perak selama sepuluh tahun iaitu dari tahun 1938 hingga 1948. Baginda mangkat pada 29 Mac 1948 dan dimakamkan di Bukit Chandan dengan gelaran *Marhum Nikmatullah*. Lihat Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *op.cit.*, h. 122,123,126.

²¹⁷ Menurut Kamus Dewan, kadi ialah hakim dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam seperti soal pernikahan dan perceraian orang Islam, membicarakan pertuduhan dan lain-lain. Namun, maksud kadi di sini ialah seorang pegawai agama yang dilantik oleh Sultan untuk mentadbir hal-hal keagamaan mengenai soal nikah kawin, pengurusan masjid, majlis ilmu, pembayaran zakat dan sebagainya. Sekarang ia dikenali sebagai Pegawai Tadbir Agama di Pejabat Agama Islam daerah di Negeri Perak. Lihat Teuku Iskandar (2002), *op.cit.*, h. 557.

²¹⁸ Sekarang bandar ini dikenali sebagai Pengkalan Hulu iaitu sebuah bandar yang berada di daerah Hulu Perak. Bandar ini bersempadan dengan daerah Baling, Kedah Darul Aman. Pengkalan Hulu juga terletak di sempadan antarabangsa Thailand dan Malaysia. Oleh itu, ia terkenal sebagai pintu masuk ke Thailand melalui Betong. Lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Pengkalan_Hulu diakses pada 4.12.2009.

²¹⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

²²⁰ Kadi Besar adalah ketua kadi seluruh daerah di Negeri Perak. Antara lain, fungsi Kadi Besar ialah sebagai hakim di Mahkamah Syariah. Kedudukan dan fungsi ini adalah sebelum berlaku pemisahan antara pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak dengan Mahkamah Syariah. Sekarang ini Kadi Besar dikenali sebagai Ketua Penolong Pengarah Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak. Namun, tugas dan fungsi hanya melibat persoalan pendaftaran nikah kahwin, cerai, khidmat nasihat, kaunseling, kursus dan sebagainya. Temubual penyelidik dengan Tuan Haji Azhari Mohamad Tahir, Pegawai Khidmat Nasihat di Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak pada 25.11.2009 di pejabatnya Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000, Ipoh, Perak. Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. Setelah bersara pada 29 Julai 1960 beliau masih menjadi ahli tidak rasmi di Majlis tersebut²²¹.

Walaupun Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam bekerja dengan kerajaan, namun sebagai seorang ulama dan pendakwah beliau giat menyampaikan ilmu dan dakwah Islam kepada semua lapisan masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui penglibatan beliau yang mengajar tafsir al-Qur'an dan hadith al-Nabawi di masjid dan surau seluruh negeri Perak sebanyak lima puluh tempat²²². Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yakin dan percaya bahawa permasalahan umat Islam perlu diselesaikan oleh beliau hingga ke akar umbi. Menurut anak muridnya, ketika mengajar mata pelajaran tafsir beliau akan berjalan-jalan di hadapan muridnya sambil bersoal jawab dengan mereka²²³. Kaedah dan teknik pembelajaran begini sangat penting untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar serta membantu menghilangkan rasa malu atau gerun mereka kepada guru. Justeru, ia dapat membantu menyelesaikan permasalahan mereka.

Selain itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga mendampingi golongan muda. Menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat yang kurang pengetahuan agama anak-anak mudanya kurang berminat menghadiri program agama di masjid dan

²²¹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

²²² *Ibid.*

²²³ Antara masjid yang pernah menjadi tempat kuliah bulanan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ialah Masjid Jami' Tanjung Malim, Perak. Beliau telah berulang-alik ke masjid tersebut dengan jarak perjalanan melebihi 90 kilometer setiap bulan untuk mengajar kitab tafsir karangannya iaitu *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* antara tahun 1966 hingga 1970. Menurut Ustaz Ali Badri bin Abd Majid, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengajar mata pelajaran tafsir di Masjid Jami' Tanjung Malim daripada awal surah al-Fatihah hingga kepada ayat 21 daripada surah Āli 'Imrān. Temubual penyelidik dengan Ustaz Ali Badri bin Abd Majid, bekas penuntut pengarang *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* pada 24.11.2008 di kediamannya No.84 PPRT Felcra Serigala, Klan Halt, 35800 Slim River, Perak.

surau. Justeru itu, bagi menyedarkan mereka mengenai ajaran Islam, beliau mendampingi mereka melalui pendekatan dakwah yang unik. Antara pendekatan yang digunakan oleh beliau untuk menarik golongan muda menghayati ajaran Islam ialah melalui sukan.

Menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz, ayahnya sanggup bermain bola bersama dengan mereka. Namun, apabila tiba waktu solat beliau akan berhenti untuk menunaikan solat. Sikap yang beliau tunjukkan ini telah berjaya menyentuh perasaan golongan muda tersebut untuk memelihara solat²²⁴. Sebenarnya golongan muda lebih menghormati ulama yang dapat menghampiri mereka, berbual dan bertanya kabar tentang mereka. Pendekatan begini amat wajar dilakukan oleh penceramah atau pendakwah daripada membetul dari jauh kerana kesannya kurang dirasai oleh *mad'u*.

Selain menyampai ilmu kepada umat Islam, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga berdakwah kepada non-muslim²²⁵. Keadaan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama di Negeri Perak dianggap sangat sesuai dakwah Islam dilibarkan kepada non-muslim. Sesuai dengan ajaran Islam yang datang sebagai rahmat sekalian alam membuat Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam merasakan dakwah Islam perlu disampaikan kepada masyarakat non-muslim. Menurut anaknya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berusaha keras menyampai dakwah Islam kepada masyarakat non-muslim yang berada di Negeri Perak. Namun, tidak dapat dipastikan jumlah non-muslim yang berjaya diislamkan oleh beliau²²⁶.

²²⁴ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²²⁵ *Ibid.*

²²⁶ *Ibid.*

Usaha dakwah yang dilakukan oleh beliau terhadap pelbagai golongan serta latar belakang budaya yang berlainan menunjukkan bahawa beliau sangat memahami perintah Allah s.w.t supaya agama Islam disebarkan ke seluruh manusia. Tegasnya, beliau merupakan tokoh ulama yang proaktif menyampaikan dakwah kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan kedudukan mereka.

Selain terlibat dengan aktiviti dakwah dalam bentuk pengajian di masjid, surau dan lain-lain, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga terlibat dalam bidang penulisan. Setakat kajian ini berjalan, hasil penulisan beliau yang ditemui ialah tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-ayat al-Qur'an*. Namun, menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz, ayahnya ada mengarang kitab hadith selain daripada tafsir tersebut²²⁷. Dakwaan tersebut sukar dibuktikan kesahihannya kerana sehingga saat ini semua pihak belum menjumpai karya tersebut.

Sebagai seorang tokoh ulama yang hebat dan pegawai kerajaan yang berdedikasi, sudah pasti Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mempunyai rakan-rakan yang ramai. Menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz, kebanyakan rakan-rakan ayahnya telah meninggal dunia termasuk Syaykh Abu Bakar al-Baqir, Syaykh Mustafa bin Abd Rahman, Dato' Seri Kamaruddin Mat Isa dan lain-lain. Mereka adalah antara kenalan yang rapat dengan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam²²⁸.

Setelah memberi sumbangan yang banyak terhadap perkembangan Islam di Negeri Perak, akhirnya beliau menemui Allah s.w.t pada 9 Ogos 1978 bersamaan 4

²²⁷ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit*.

²²⁸ *Ibid*.

Ramadan 1438 di Ipoh, Perak. Jenazah beliau selamat dikebumikan di tanah perkuburan Gurab, Jalan Kuala Kangsar, Ipoh. Beliau telah meninggalkan dua orang isteri dan 15 orang anak²²⁹.

Terdapat percanggahan fakta berhubung tempat pengebumian al-marhum Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Zamri bin Hashim mencatat bahawa al-marhum dikebumikan di Teluk Bakong, Parit²³⁰. Namun, fakta yang sebenar menurut En. Ibrahim bin Abd Aziz, jenazah ayahnya dikebumikan di tanah perkuburan Gurab, Jalan Kuala Kangsar, Ipoh²³¹.

2.2 Pengaruh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam Dalam Masyarakat

Walaupun pengaruh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tidak melebar ke peringkat Nusantara seperti Syaykh Nuruddin al-Raniri²³², Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki,

²²⁹ Isteri beliau yang pertama iaitu Puan Hajah Maryam binti Abd Ghani telah meninggal dunia pada 18.4.1991. Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²³⁰ Lihat Zamri Hashim *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 16.

²³¹ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²³² Nama lengkap beliau ialah Nuruddin Muhammad bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid al-Quraysyi al-Syafi'I al-'Asy'ari al-'Aydarusi al-Raniri. Beliau dilahirkan di sebuah daerah yang terletak dekat Surat di Gujarat, India menjelang pada akhir abad ke – 16 Masihi. Beliau adalah keturunan Arab Hadramaut, Yaman. Menurut Dr. Mohd Muhiden bin Abd Rahman, Syaykh Nuruddin al-Raniri pernah berada di Aceh selama tujuh tahun iaitu antara tahun 1637 M hingga 1644 M mengajar agama Islam kepada penduduk setempat dan mengarang beberapa buah buku yang masyhur seperti *al-Şirāt al-Mustaqīm* dan lain-lain. Walaupun tempoh beliau sangat singkat berada di Aceh namun pengaruhnya di Nusantara sangat hebat. Beliau kembali ke kampung halamannya pada tahun 1644 M dan meninggal dunia pada 22 Zulhijjah 1068 H bersamaan 21 September 1658 M. Jasa beliau diabadikan oleh kerajaan Aceh dengan meletakkan namanya di institusi pengajian tinggi agama sebagai Institut Agama Islam Negeri al-Raniri. Lihat Mohd Muhiden bin Abd Rahman (2006), *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian Hadith*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2, 3, 23, 48.

Syaykh Muhammad Idris bin Abd Rauf al-Marbawi, dan lain-lain²³³, namun dengan keistimewaan yang dimiliki oleh beliau pengaruhnya masih ada dalam masyarakat di Negeri Perak. Ini dapat dibuktikan melalui penglibatan awal beliau dalam bidang pendidikan ketika berkhidmat di Madrasah al-Ihsaniyyah di Teluk Intan, Perak²³⁴.

Masyarakat setempat waktu itu telah meminta beliau mengemudikan sekolah sendiri iaitu pada tahun 1935 di Sungai Nibung Batu Satu, Jalan Cangkat Jong, Teluk Intan²³⁵. Tanpa pengaruhnya yang kuat, masyarakat tidak akan memberi kepercayaan yang begitu tinggi kepada beliau, tambahan pula untuk mengelola sebuah pusat pengajian agama. Bukan satu perkara yang mudah untuk mengendalikan sebuah institusi pengajian agama swasta kecuali individu yang memiliki ilmu dan pengaruh yang besar dalam masyarakat²³⁶.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga berjaya melebarkan pengaruhnya ke dalam masyarakat melalui penglibatan secara langsung dengan menyampai ilmu di seluruh masjid dan surau di Negeri Perak sebanyak 50 kelas dalam sebulan²³⁷. Melalui pengalaman pengkaji yang bertugas sebagai guru takmir selama lima tahun

²³³ Antaranya A. Hasan, Prof. HAMKA, Prof. al-Sidqi, Tok Kenali, Syaykh Abd Mutalib al-Mandili, Syaykh Abd Rauf al-Singkili, dan lain-lain lagi. Dalam tulisan Ismail Che Daud ada memuatkan seramai 70 orang tokoh ulama di Tanah Melayu. Sebahagian mereka mempunyai pengaruh yang besar sehingga ke peringkat Nusantara. Lihat Ismail Che Daud (2001), *op. cit.*, j. 1, j. 2.

²³⁴ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

²³⁵ *Ibid.*

²³⁶ Menurut Zamri Mohammad, antara individu yang berpengaruh adalah disebabkan ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Lihat Zamri Mohammad *et al.* (2009), *30 Strategi Membina Pengaruh*, c. 1, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., h. 5.

²³⁷ Menurut Ustaz Ibrahim bin Mahmud, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam akan mengelilingi Negeri Perak setiap malam dan waktu yang lain untuk mengajar karya tafsirnya. Menurutnya, beliau acap kali diminta oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menemani beliau sama ada sebagai teman perbualan atau membantu beliau memandu motokar Ford miliknya. Temubual Ustaz Ibrahim bin Mahmud, *op. cit.*, lihat juga Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

(2006 M – 2011 M) untuk mengajar di sesebuah masjid atau surau di Negeri Perak mesti mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Ahli Jawatankuasa Masjid, walaupun sudah memiliki tauliah mengajar agama daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Negeri Perak.

Justeru, sebanyak 50 tempat majlis ilmu yang dihadiri oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam membuktikan bahawa pengaruh beliau sangat kuat dalam masyarakat Islam di Negeri Perak. Selain itu, sikap dan penampilan beliau juga sangat disenangi oleh masyarakat. Menurut anaknya Puan Asiah binti Abd Aziz, ayahnya seorang mesra dan pandai bergaul dengan masyarakat. Oleh itu, beliau sangat dihormati oleh masyarakat sekeliling rumahnya²³⁸.

Pengaruh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tidak hanya melibat masyarakat bawahan malahan beliau berjaya mengembangkan pengaruhnya sehingga ke peringkat atasan. Ini dapat dibuktikan apabila beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak sebagai ahli rasmi semasa beliau bertugas sebagai kadi dan ahli tidak rasmi semasa beliau bersara²³⁹. Pengerusi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak adalah Baginda Sultan Perak.

Oleh itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam adalah individu yang sangat hampir dengan pihak Istana Perak. Menurut Puan Asiah, ayahnya sangat rapat

²³⁸ Temubual Puan Asiah binti Abd Aziz, *op. cit.*

²³⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup penyusun.

dengan Baginda Sultan Perak terutama Sultan Abd Aziz al-Mu'tasim bi Allah²⁴⁰. Antara lain, pengaruh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dengan pihak Istana Perak dapat dibuktikan melalui ucapan aluan yang telah diperkenankan oleh Baginda Sultan Perak terhadap karya beliau *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*²⁴¹. Semua ini membuktikan bahawa pengaruh beliau telah sampai ke peringkat atasan di Negeri Perak.

Menurut Ustaz Ibrahim bin Mahmud, pengaruh Syaykh juga melebar kepada tokoh politik Negeri Perak²⁴². Antaranya ialah Datuk Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abd Aziz yang merupakan Menteri Besar Perak yang pertama. Beliau menjadi Menteri Besar Negeri Perak dari 1 Februari 1948 hingga 1 Ogos 1957²⁴³. Menurut Puan Asiah, ayahnya pernah menyertai parti NAP iaitu singkatan daripada Parti Kebangsaan Perak yang diasaskan oleh Datuk Panglima Bukit Gantang pada tahun 1953²⁴⁴.

Kesimpulannya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mempunyai pengaruh peribadi yang meluas dalam masyarakat di Negeri Perak di semua peringkat. Pengaruhnya berkembang kerana ketinggian ilmu agama yang dimilikinya. Selain itu,

²⁴⁰ Menurut Puan Asiah, keakraban ayahnya dengan Sultan Abd Aziz sukar digambarkan, antara buktinya ialah apabila Baginda Sultan pernah menghadiahkan kepada ayahnya sebuah kereta. Temubual Puan Asiah binti Abd Aziz, *op. cit.*

²⁴¹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman kata aluan.

²⁴² Temubual Ustaz Ibrahim bin Mahmud, *op. cit.*

²⁴³ Lihat <http://ms.wikipedia.org/wiki> diakses pada 18.5.2011.

²⁴⁴ Temubual Puan Asiah binti Abd Aziz, *op. cit.*

sikapnya yang mesra dan berfikiran terbuka membuat semua lapisan masyarakat mudah mendampinginya²⁴⁵.

2.3 Sumbangan Penulisan Karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menamakan karyanya sebagai *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Tujuan beliau menulis karya ini adalah sebagai satu sumbangan kepada umat Islam sebelum Allah s.w.t mengambil nyawanya. Menurutny, tulisan ini diharap menjadi ilmu manfaat yang boleh membantu beliau ketika bertemu Allah s.w.t kelak²⁴⁶. Tujuan yang baik ini sebenarnya mendapat galakan daripada pelbagai pihak termasuk Sultan Perak²⁴⁷ ketika itu.

Baginda Sultan telah melahirkan titah ucapan penghargaan terhadap usaha baik yang dilakukan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Usaha tersebut sepatutnya menjadi galakan kepada ulama-ulama lain di Negeri Perak. Titah Baginda, bidang ilmu Islam sangat luas bukan hanya terhenti mengenai persoalan bersuci dan ibadah semata-mata. Justeru itu, karya tafsir karangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sangat penting kerana ia berjaya merungkai permasalahan agama dari

²⁴⁵ Menurut Ustaz Ibrahim bin Mahmud, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seorang ulama yang berfikiran terbuka tapi tegas. Ini dapat difahami melalui majlis ilmu yang pernah beliau ikuti bersama. Menurutny, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dilihat sangat cenderung kepada aliran reformis 'Kaum Muda'. Oleh itu, dalam majlis yang dihadirinya Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam kerap menyeru masyarakat Islam supaya berilmu. Temubual Ustaz Ibrahim bin Mahmud, *op. cit.*

²⁴⁶ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, halaman bahagian sepatah kata.

²⁴⁷ Tidak tercatat secara jelas nama Baginda Sultan Perak yang telah memberi kata aluan kepada penerbitan karya tafsir ini. Melalui penelitian pengkaji, tahun dikeluarkan surat tersebut pada tahun 1968. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa Sultan yang memerintah Negeri Perak ketika itu ialah Sultan Idris al-Mutawakkil Alallahi Shah Ibni al-Marhum Sultan Iskandar Shah iaitu Sultan Perak yang ke-33. Baginda memerintah Negeri Perak dari tahun 1963 hingga 1984. Lihat Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *op.cit.*, h. 127-132.

pelbagai aspek untuk kebaikan semua sama ada berkaitan dengan urusan dunia atau akhirat²⁴⁸.

Walaupun Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mendakwa bahawa beliau hanya menterjemah karya *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wil Āyi al-Qur'ān*²⁴⁹. Namun, menerusi kajian ini pengkaji mendapati tidak semua isi kandungan karya Imam al-Ṭabari²⁵⁰ tersebut diterjemah oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sehingga dilihat sebagai karya terjemahan²⁵¹. Pengkaji hanya mendapati bahawa beliau hanya memetik isi-isi penting daripada karya Imam al-Ṭabari lalu menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu²⁵². Selain itu, beliau akan mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an menerusi sumber rujukan yang lain.

²⁴⁸ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian kata-kata aluan.

²⁴⁹ Menurut Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī dan Syaykh Mannā' Khalīl Qaṭṭān judul lengkap karya agung ini *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*. Menurut Dr. Āmāl binti Muḥammad 'Abd al-Raḥmān Rabī' pula, judul tersebut *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Namun, judul yang tepat seperti yang ditahqiq oleh Syaykh Maḥmūd Syākir dan ditulis oleh Dr. Muḥammad Hajāj al-Khaṭīb ialah *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān*. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, h. 215, Mannā' Khalīl Qaṭṭān (1997), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c.35, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 362., Āmāl binti Muḥammad 'Abd al-Raḥmān Rabī'(2005), *al-Isrā'īliyyāt fī Tafsīr al-Ṭabari*, Kaherah: Wizārah al-Awqāf, h.18, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabari (2001), *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān*, j.1, c.1, Beirut: Dār Ehyā' al-Turāth al-'Arabī, Muḥammad Hajāj al-Khaṭīb (2002), *Lamaḥāt fī al-Maktabah wa al-Baḥth wa al-Maṣādir*, c. 19, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 133.

²⁵⁰ Nama lengkap beliau ialah Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālib al-Ṭabari dilahirkan di 'Amal Ṭabarstan Selatan Iran pada tahun 224 atau 225H. Tamat menghafaz al-Qur'an ketika berumur 7 tahun dan pernah menjadi imam sembahyang sebelum berumur 9 tahun. Beliau seorang yang mahir tentang ilmu agama, sastera dan sejarah. Kemahiran beliau dalam bidang agama meliputi ilmu fekah, qiraat, tafsir dan sebagainya. Antara karya beliau yang masyhur ialah; *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, *Tārīkh al-Umam wa al-Muluk*, *Kitāb 'Adāb al-Quḍāh*, *Kitāb al-Qirā'āt wa Tanzīl al-Qur'ān*, *Kitāb Mukhtaṣar al-Farā'id* dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 310H dan dikebumikan di Baghdād. Lihat Āmāl binti Muḥammad 'Abd al-Raḥmān Rabī'(2005), *op.cit.*, h. 13-19, Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, h. 215 – 218.

²⁵¹ Di alam Melayu terdapat terjemahan tafsir al-Qur'an seratus peratus daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu seperti *Terjemahan Fī Zilāl al-Qur'ān* yang telah dihasilkan oleh Dato' Yusuf Zaki Yakob. Karya asalnya dihasilkan oleh al-Syahid Sayyid Quṭb yang berjudul *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān*. Lihat Muhammad Nur Lubis (2002), *Data-Data Terbitan Awal Pentejemahan Dan Penafsiran al-Qur'an Di Alam Melayu*, c.1, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, h. 5.

²⁵² Menurut Dr. Mazlan bin Ibrahim, Haji Abd Aziz bin Abd Salam ada memasukkan idea dan pendapat beliau sendiri ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Hal ini diakui ketika beliau membenteng kertas kerja

Oleh itu, terdapat sumber rujukan muktabar lain yang telah dipetik oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Antara sumber rujukan tersebut ialah *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*²⁵³ karangan al-Imām al-Ṭabari, *Sīrah Ibn Hisyām* karangan Ibn Hisyām²⁵⁴. Beliau menjadikan kedua kitab tersebut sebagai sumber rujukan mengenai kisah Nabi-Nabi dan sejarah umat terdahulu²⁵⁵. Manakala kitab hadith yang menjadi rujukan beliau ialah *Sunan al-Sab‘ah*²⁵⁶. Selain matan hadith, beliau juga merujuk kitab syarah hadith seperti kitab *Fath al-Bāri Syrah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*²⁵⁷. Mengenai persoalan hukum pula, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam akan merujuk kitab fiqh.

yang bertajuk “Tafsir al-Bayan Pada Takwil Ayat-Ayat al-Qur’an: Pengenalan Tokoh Dan Metodologi” di Seminar Warisan al-Qur’an & al-Hadith Nusantara pada 28 Ogos 2008 di Balai Ilmu Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pengkaji mengikuti pembentangan kertas kerja tersebut daripada awal hingga akhir. Pembentang tidak menyentuh persoalan yang berkaitan dengan pemikiran yang dibawa oleh Haji Abd Aziz bin Abd Salam walaupun ianya penting untuk melihat sejauh mana pandangan beliau terhadap sesuatu isu. Dr. Mazlan bin Ibrahim merupakan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia yang mendapat Ph.D dari Universiti Malaya melalui kajian yang berjudul “Tafsir al-Qur’an di Nusantara: Kajian Terhadap ‘Tafsir Harian al-Qur’an al-Karim’ karya Haji Abdullah Abbas Nasution” pada tahun 2007.

²⁵³ Kitab sejarah Islam yang terbaik pernah dihasil oleh ahli sejarah sehingga al-Imam al-Ṭabari digelar sebagai bapa sejarah Islam. al-Imam al-Ṭabari memuatkan di dalam kitabnya sejarah kejadian dunia, kejadian Nabi Adam a.s, kisah para nabi dan rasul, sejarah Nabi s.a.w, sejarah kerajaan Islam seperti kerajaan Umawiyah dan ‘Abbasiyyah sehingga kepada tahun 302 hijrah. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, h. 215 – 218, Muḥammad Hajāj al-Khatīb (2002), *op.cit.*, h. 269.

²⁵⁴ Nama penuh beliau ialah Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik bin Hisyām (m. 218H). Kitab ini adalah ringkasan daripada kitab *Sīrah Ibn Ishāq* karangan Muḥammad bin Ishāq (m. 151H). Ibn Hisyām memuatkan dalam kitabnya sejarah Nabi s.a.w sebelum daripada kebangkitan menjadi rasul sehingga kepada kewafatan baginda. *Ibid*, h. 228, 229.

²⁵⁵ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j.1, halaman lima bahagian sepatah kata.

²⁵⁶ *Sunan al-Sab‘ah* merujuk kepada tujuh kitab hadith yang muktabar seperti *Musnad Aḥmad* karangan al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal (m. 241H), *Ṣaḥīḥ Bukhārī* karangan al-Imām Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī (m. 256H), *Ṣaḥīḥ Muslim* karangan al-Imām Muslim bin al-Ḥajjāj (m. 261H), *Sunan Abū Dāwūd* karangan al-Imām Sulaymān bin al-Ays‘ath al-Sajistānī (m. 275H), *Sunan al-Tirmidhī* karangan al-Imām Muḥammad bin ‘Īsā bin Sūrah al-Tirmidhī (m. 279H), *Sunan al-Nisā’ī* karangan al-Imām Aḥmad bin Syu‘aib al-Khurasānī (m. 303H), *Sunan Ibn Mājah* karangan al-Imām Muḥammad bin Yazīd bin ‘Abd Allāh bin Mājah (m. 273H). Lihat Muḥammad bin Isma‘il al-Ṣan‘ānī (1991), *Subul al-Salām*, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 9 – 11, Muḥammad Hajāj al-Khatīb (2002), *op.cit.*, h. 169 – 185.

²⁵⁷ Kitab tersebut merupakan huraian kepada hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Pengarang kitab tersebut ialah al-Imām Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (m. 852H), *Ibid.*, h. 170.

Oleh itu, beliau akan merujuk kitab *al-Umm*²⁵⁸, karya al-Imām al-Muzanī²⁵⁹ dan *Fatḥ al-Mu‘īn* serta syarahnya *I‘ānah al-Ṭālibīn*²⁶⁰.

Setakat kajian dilakukan, pengkaji hanya menemukan tiga juzuk karya tafsir Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang bercetak. Namun, En. Ibrahim bin Abd Aziz mendakwa ayahnya telah mengarang tafsir *al-Bayan Pada Ta‘wil Ayat-Ayat al-Qur’an* lengkap 30 juzuk²⁶¹. Menurutnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menyerahkan naskah tersebut kepada Dato’ Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa²⁶² untuk proses percetakan²⁶³. Fakta ini juga diakui sendiri oleh Tan Sri Dato’ Seri Dr. Harussani bin Zakaria. Menurutnya, Dato’ Seri Haji Kamaruddin bin Mat Isa tidak mencetak naskah tersebut sebaliknya beliau hanya menyerahkan kepada Arkid Negara²⁶⁴.

²⁵⁸ Kitab ini hasil karya al-Imām Muḥammad bin Idris al-Syāfi‘ī (m. 204). Kitab ini merupakan sumber utama kepada madhhab al-Syāfi‘ī. *Ibid.*, h. 248.

²⁵⁹ Nama penuh al-Imām al-Muzanī ialah Ismā‘il bin Yaḥyā al-Muzanī (m. 264H). Pengkaji tidak dapat memastikan secara tepat mengenai kitab karangan al-Muzani yang menjadi rujukan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Kerana kitab karangan al-Imām al-Muzanī terdiri daripada *al-Mabṣūṭ*, *al-Mukhtaṣar*, *al-Manḥūr*, *al-Wasā’il*. Lihat Abū Bakr bin Hidayāh Allāh (1982), *Ṭabaqāt al-Syāfi‘iyyah*, Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, h. 20, 21.

²⁶⁰ Kitab fiqh ini dikarang oleh Syaykh al-Sayyid al-Bakrī bin al-Sayyid Muḥammad Syaṭā al-Dimyāṭī al-Miṣrī. Kitab ini menjadi teks utama bagi mata pelajaran fiqh al-Syāfi‘ī di pusat pengajian pondok di Malaysia. Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j.1, halaman lima bahagian sepatah kata, Abd Razak Muhammad (1997), *Fiqh*, c. 1, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abd Hamid, h. 661.

²⁶¹ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²⁶² Dato’ Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa merupakan mantan Menteri Besar Perak. Beliau pernah menjawat jawatan Menteri Besar Perak dari tahun 1970 sehingga 1974. Lihat Saiful Alimin (1996), *Tan Sri Ramli Ngah Talib Menteri Besar Perak, Tokoh Politik Dan Pembangunan Yang Sederhana*, c. 1, Selangor: Brits Corporation Sdn. Bhd., h. 7.

²⁶³ Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²⁶⁴ Temubual Tan Sri Dato’ Seri Dr. Harussani bin Zakaria, *op.cit.*

Namun, dakwaan tersebut sukar dibuktikan kerana pengkaji telah pergi mencari di Arked Negara Malaysia untuk mendapat kepastian tetapi tidak menjumpainya²⁶⁵.

Karya Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tiga juzuk ini adalah mengikut turutan juzuk al-Qur'an. Melalui analisis yang dilakukan oleh pengkaji, juzuk pertama karya ini mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama adalah bahagian muqaddimah yang memuatkan sejumlah ayat al-Qur'an, surat kebenaran Istana Perak, sejarah penyusunan dan riwayat hidup pengarang. Manakala bahagian kedua pula, ia mengandungi 339 halaman yang memuatkan sepatah kata pengarang, pengenalan ringkas mengenai 'Ulūm al-Qur'ān seperti nama-nama al-Qur'an, bilangan surah, pembahagian surah, kaedah mentafsirkan al-Qur'an dan kandungan kitab berdasarkan tajuk-tajuk tertentu. Melalui bahagian ini juga pengarang memulakan pentafsiran surah al-Fātiḥah dan surah al-Baqarah sehingga kepada ayat 141 sahaja.

Manakala juzuk kedua dan ketiga juga mempunyai dua bahagian iaitu bahagian muqaddimah dan pentafsiran. Terdapat 595 halaman di dalam juzuk yang kedua dan 323 halaman di dalam juzuk ketiga. Pengarang mula mentafsirkan ayat 142 daripada surah al-Baqarah hingga kepada ayat 92 daripada surah Āli 'Imrān melalui juzuk dua dan tiga tersebut.

²⁶⁵ Setakat kajian ini dijalankan pengkaji telah menemui Pegawai Arked Negara Malaysia iaitu En. Mohd Ariffin bin Santol pada 29.9.2010 di Arked Negara Malaysia, Jalan Duta 50568, Kuala Lumpur. Pengkaji telah memohon jasa baik beliau mencarikan judul *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Beliau telah berusaha bersama pengkaji mencarikan karya tersebut menerusi prosedur carian komputer bermula daripada judul karya, nama pengarang, dan nama penyerah yang didakwa iaitu Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Mat Isa namun tiada kami menjumpainya. Justeru, fakta yang mengatakan bahawa karya tersebut berada di Arked Negara Malaysia sukar dibuktikan.

Proses percetakan karya ini tersusun rapi dan penuh penelitian sebelum disebarkan kepada masyarakat awam. Lembaga Amanah Mengembangkan Pengetahuan Ugama Islam²⁶⁶ atau singkatannya LAMPU telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk menyelenggarakan proses percetakan²⁶⁷. Jawatankuasa kecil tersebut dipengerusikan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan dianggotai oleh Haji Ahmad bin Jalaluddin, Sulaiman bin Sidik dan Haji Ismail bin Muhammad Saleh²⁶⁸. Fungsi utama jawatankuasa kecil ini adalah untuk menyusun dan menyemak karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* sebelum dicetak.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai pengarang akan menyerahkan tulisan beliau setiap lima puluh helai kertas kepada penyemak. Anggota penyemak akan meneliti tulisan tersebut dengan penuh berhati-hati terutama dari sudut bahasa dan ejaannya. Sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap suatu isu, penyemak akan meminta pengarang memberi penjelasan. Setelah semua pihak berpuas hati, tulisan tersebut akan diserahkan kepada penulis khas²⁶⁹. Melalui penelitian pengkaji, penyemak-penyemak tersebut mempunyai kepakaran mengenai penulisan karya. Ini

²⁶⁶ Lembaga ini berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dengan nombor pendaftaran BR:56/22. Ia dianggotai oleh Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Abbas sebagai Pengerusi, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai Naib Pengerusi, Haji Ismail bin Haji Muhammad Saleh sebagai Setiausaha, Haji Yaakub bin Haji Abbas sebagai Bendahari dan Zain Azhari bin Dato' Haji Zainal Abidin sebagai Ahli. Tujuan utama Lembaga ini ditubuhkan adalah untuk menjalankan aktiviti bagi menyebarkan agama Islam. Selain itu, Lembaga ini juga berusaha untuk mencetak kitab-kitab agama terutama tafsir al-Qur'an dan hadith al-Nabawi. Lihat Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian keterangan.

²⁶⁷ *Ibid.*

²⁶⁸ Setakat kajian ini berjalan, pengkaji belum menjumpai biodata mereka tersebut. Melalui penelitian pengkaji barangkali nama-nama tersebut sudah meninggal dunia, wallahua'alm. *Ibid.*

²⁶⁹ *Ibid.*

dapat dibuktikan melalui latar belakang pendidikan mereka yang tamat daripada Maktab SITC²⁷⁰ dan Madrasah al-Masyhor, Pulau Pinang²⁷¹.

Setelah melalui proses penyemakan dan penulisan, karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* mula dicetak. Tulisan pada cetakan tersebut adalah tulisan tangan bukan ditaip seperti kebiasaan kitab-kitab agama yang diterbitkan. En. Ibrahim bin Abd Aziz mendakwa bahawa ayah beliau yang menulis sendiri karya tersebut²⁷². Namun, menurut Haji Ismail bin Haji Mohd Saleh, tafsir ini ditulis oleh penulis khas yang dilantik oleh LAMPU²⁷³. Melalui penelitian pengkaji, jenis tulisan yang digunakan oleh penulis tersebut ialah khat *nasakh*, *thuluth* dan *raq'ah*²⁷⁴.

Juzuk pertama karya ini dicetak pada tahun 1968, juzuk yang kedua pada tahun 1969 dan juzuk yang ketiga pada tahun 1970. Ketiga juzuk tersebut dilitograf oleh Syarikat Sinaran, Pulau Pinang²⁷⁵ dengan keluaran sebanyak lima ribu naskhah.

²⁷⁰ SITC adalah singkatan daripada Sultan Idris Training College atau dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris. Ia ditubuhkan pada tahun 1922 semasa pemerintahan Sultan Abd Jalil. Maktab ini terletak di Tanjung Malim. Tujuan penubuhan Maktab ini ialah untuk memberi pengetahuan kepada guru-guru yang terdiri daripada orang Melayu. Sekarang ia dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris. Lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Universiti_Pendidikan_Sultan_Idris diakses pada 4.12.2009.

²⁷¹ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian keterangan.

²⁷² Temubual En. Ibrahim bin Abd Aziz, *op.cit.*

²⁷³ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian keterangan.

²⁷⁴ Khat Nasakh ialah adalah tulisan asal bangsa Arab, namun sekarang boleh nama tersebut digunakan kerana khat tersebut dipakai untuk penulisan al-Qur'an. Khat Thuluth pula sejenis tulisan Arab yang mempunyai ukiran yang cantik. Khat ini ditulis sebagai perhiasan di dinding masjid dan sebagainya. Manakala khat raq'ah pula adalah yang dipopularkan oleh kerajaan 'Utmaniyyah, Turki. Khat ini merupakan gabungan antara tulisan Arab dan Turki. Lihat Ibrahim bin Dāmrāh (1987), *al-Khaṭ al-'Arabī*, c. 2, Jordan: Maktabah al-Manar, h. 97, 103, 119.

²⁷⁵ Menurut En. Mohd Azmi bin Tahir, Pengurus syarikat kitab Dar Azzikry Pulau Pinang, Syarikat Sinaran Brothers Press ini beroperasi di Kampung Matahari Naik iaitu sebuah kampung yang terdapat di perjalanan menuju ke Airport Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas. Syarikat ini dimiliki oleh kumpulan al-Qidyānī atau lebih dikenali dengan nama kumpulan Taslim Pulau Pinang. Kumpulan ini dahulunya diketuai oleh Haji Mat Matahari. Temubual penyelidik dengan En. Mohd Azmi bin Tahir, Pengurus Syarikat Dar

Pengkaji mendapati persembahan karya ini sangat menarik dan sudah pasti ia memiliki keistimewaan yang tersendiri. Menerusi kerjasama antara pengarang dan penyemak dalam satu 'team' yang mantap dapat membuktikan bahawa komitmen mereka adalah untuk menghasilkan sebuah karya tafsir yang bermutu.

Oleh itu, pengkaji mendapati cara ini hampir menyamai kelahiran karya *Tafsir Pimpinan al-Rahman Pada Pengertian Ayat al-Qur'an*. Sebelum pencetakan karya tersebut, Syaykh Abdullah bin Muhammad Basmieh terlebih dahulu menyerah naskah berkenaan kepada Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim²⁷⁶ untuk proses penyuntingan²⁷⁷. Hasilnya karya tersebut diterima oleh semua lapisan masyarakat dalam pelbagai aliran.

2.4 Sumbangan Dari Aspek Metodologi Penulisan

Metodologi penulisan setiap *mufassir* berbeza antara satu sama lain bergantung kepada kebijaksanaan dan pendekatan yang diguna oleh mereka. Aspek-aspek seperti kekuatan bahasa, isi yang mantap, susunan yang menarik, dan sebagainya menjadi faktor-faktor keistimewaan karya mereka²⁷⁸. Sebagai seorang *mufassir*, Syaykh Abd

Azzikry, pada 29.9.2008 di alamat Syarikat Dar Azzikry, Lot C5, Tingkat 2, Bangunan Mara, Lebuhr Buckingham, 10200 Pulau Pinang.

²⁷⁶ Beliau dilahirkan pada 10 Ogos 1905 di Kampung Pasar Lama, Kota Bharu, Kelantan. Mendapat pendidikan di Mekah. Pernah berkhidmat sebagai Kadi Besar Kelantan pada tahun 1937 dan menjadi Kerajaan Kelantan pada tahun 1942. Meninggal dunia pada tahun 1987 ketika berusia 82 tahun. Alias Haji Mohd Nor (2000), *Tokoh-Tokoh Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 13-17.

²⁷⁷ Abdullah Basmieh (1999), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, c.10, Kuala Lumpur: Darulfikir, h. xi-xiv, Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 167.

²⁷⁸ Mustafa Abdullah (2005), "Ketokohan Sayyid Muhammad Rasyid Riḍā Dalam Bidang Tafsir: Tumpuan Utama Kepada Tafsir al-Manār" (Tesis Ph.D, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 163.

Aziz bin Abd Salam mempunyai metode penulisan yang tersendiri supaya kelihatan *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* sebagai karya tafsir yang istimewa. Oleh itu, bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai metode penulisan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, pengkaji akan memperhaluskannya seperti berikut:

2.4.1 Menonjolkan Terjemahan *Harfiyah*

Gaya terjemahan ayat al-Qur'an yang dibuat oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam adalah terjemahan *harfiyah*²⁷⁹. Tujuan beliau menonjolkan terjemahan tersebut adalah supaya pembaca dapat memahami setiap kalimah yang terdapat di dalam al-Qur'an. Beliau menjelaskan metode tersebut seperti berikut²⁸⁰:

“Ayat-ayat Allah terjemahannya, maksudnya dan takwilnya hanya pada tiap-tiap satu ayat sahaja. Dituliskan satu-satu ayat itu dengan dibubuhkan nombornya seperti bagaimana yang asal dengan tiada apa-apa. Diletakkan begitu supaya dapat pembacanya *murāja'ah* (kembali kepada asal ayat). Ditulis ayat yang bernombor itu juga ulangan yang kedua dengan diceraikan kalimah-kalimahnya yang bersambung seperti ب اسم الله dibuat ب اسم الله , dibuat begitu supaya dapat digantungkan maknanya di dalam bahasa Melayu **makna sepatah demi sepatah** jadi peralihan bahasa Arab kepada bahasa Melayu bagi siapa-siapa yang budiman yang nak belajar ilmu bahasa ayat Qur'an”.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menjadikan metode terjemahan *harfiyah* sebagai metode penulisan *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Melalui analisis pengkaji, metode ini diguna oleh

²⁷⁹ Terjemahan *harfiyah* adalah merupakan salinan al-Qur'an dalam bahasa lain di samping mengekalkan setiap kedudukan perkataan asalnya sama ada dari *nuzum*, *uslūb* dan susunan ayatnya. Terjemahan *harfiyah* boleh berlaku dalam dua bentuk; pertama terjemahan al-Qur'an secara *harfiyah bi al-mithl* dan yang kedua terjemahan al-Qur'an secara *harfiyah bi dūn al-mithl*. Menurut Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, terjemahan al-Qur'ān secara *harfiyah bi al-mithl* adalah suatu yang mustahil dan tidak mungkin boleh digunakan terhadap kitab suci al-Qur'an. Begitu juga terjemahan *harfiyah bi dūn al-mithl* tidak boleh diterapkan penggunaannya kepada kitab suci al-Qur'an yang mukjizat ini. Lihat Mohd Shukri Hanapi (2003), *Terjemahan al-Qur'an Dalam Pelbagai Perspektif*, c. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 10-20.

²⁸⁰ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 3, halaman bahagian sepatah kata.

pengarang untuk menterjemah setiap ayat al-Qur'an. Sebagai contoh, sebelum mentafsirkan ayat ketiga daripada surah al-Baqarah²⁸¹ pengarang telah menterjemah ayat tersebut sepatah demi sepatah. Bagi menyempurnakan terjemahan setiap perkataan, beliau telah menceraikan seperti: "الذين mereka yang, يؤمنون percaya mereka, ب, dengan, الغيب yang tersembunyi, و dan, يقيمون mendirikan mereka, الصلاة sembahyang, و dan, من daripada, ما barang yang, رزقنا memberi rezeki kami, هم mereka, ينفقون membelanjakan mereka,"²⁸².

Melalui analisis pengkaji, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menceraikan setiap perkataan sama ada *isim* (kata nama), *fe'el* (kata kerja), atau *ḥarf* (kata sendi). Penceraian tersebut berlaku walaupun terdapat pada ayat asalnya bercantum antara *ḥafr* dan *isim*. Sebagai contoh antara perkataan بالغيب diceraikan sebagai ب iaitu *ḥarf* dan perkataan الغيب sebagai *isim*. Manakala perkataan مما kepada من iaitu *ḥarf* dan perkataan ما iaitu *isim mawṣūl*. Gaya penulisan dan terjemahan begini berbeza daripada kebanyakan karya tafsir di Malaysia.

Walaupun Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menggunakan metode terjemahan *harfiyah*, namun pengarang tidak memuat unsur-unsur tata bahasa Arab ke dalam terjemahan tersebut. Kebiasaan ulama tradisional di alam Melayu memasuk unsur-unsur tata bahasa Arab ketika menterjemah ayat-ayat al-Qur'an atau bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Ini dapat dilihat gaya terjemahan Syaykh Muhammad Said bin Umar ketika menterjemah ayat-ayat al-Qur'an di dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*.

²⁸¹ Ayat tersebut ialah: "الذين يؤمنون بالغيب ويقيمون الصلاة ومما رزقناهم ينفقون" daripada surah al-Baqarah ayat 3.

²⁸² *Ibid.*, j. 1, h. 15.

Sebagai contoh ketika beliau menterjemah potongan ayat yang ke sepuluh daripada surah al-Baqarah iaitu *فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا* kepada terjemahan: “Maka ditambah akan mereka itu oleh Allah akan sakit...²⁸³. Himpunan ayat ini dikategori sebagai jumlah *fe’liyyah* iaitu setiap perkataan yang terdapat *fe’el* (kata kerja), *fā’il* (perlaku) dan *maf’ūl* (yang ketiga). Kebiasaan ulama tradisional mendahului terjemahan *fā’il* dengan perkataan oleh dan *maf’ūl* dengan perkataan akan. Oleh itu, Syaykh Muhammad Said bin Umar telah menterjemah *fā’il* iaitu *lafz al-Jalālah* sebagai oleh Allah dan *maf’ūl* iaitu *هم* sebagai akan mereka itu²⁸⁴.

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam hanya memfokus terjemahan *harfiyyah* terhadap ayat al-Qur’an sahaja. Sebaliknya, jika petikan bahasa Arab atau hadith Nabi s.a.w, beliau menterjemah secara bebas atau secara kefahaman sahaja. Sebagai contoh ketika beliau menterjemahkan hadith Nabi s.a.w, iaitu:

“حدثنا بي محمد بن عبيد الله بن سعيد الواسطي ، قال : يعقوب بن محمد الزهري ، قال : ثنا عبيد الله بن موسى ، عن أسامة بن زيد ، عن الزهري ، عن أبي سلمة بن عبد الرحمن ، عن عبد الرحمن بن عوف قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ((الصَّائِمُ فِي السَّفَرِ كَالْمُفْطِرِ فِي الْحَضَرِ))²⁸⁵ .

Terjemahannya: Juga hadith yang diriwayatkan oleh Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Sa’īd al-Wāsiṭī daripada Ya’kūb bin Muḥammad al-Zuhrī daripada ‘Ubaīd Allāh bin Mūsā daripada Usāmah bin Zayd daripada al-Zuhrī daripada Abī Salamah bin ‘Abd al-Raḥmān daripada ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf katanya: Telah berkata Nabi s.a.w : ((الصائم في السفر كالمفطر في الحضر)) ertinya: Orang yang puasa dalam masa musafir

²⁸³ Muhammad Said bin Umar (t.t), *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, j. 1, Fatani, Thailand: Matba‘ah bin Ḥalabi, h. 8.

²⁸⁴ *Ibid.*

²⁸⁵ *Ibid.*, j. 2, h. 183.

(mengembara) adalah seperti hukum orang yang berbuka dalam masa hadir mukim di tempatnya²⁸⁶.

Contoh tersebut di atas menunjukkan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam hanya menterjemah hadith Nabi s.a.w secara kefahaman. Namun begitu, terjemahan tersebut tidak lari daripada maksud teks asal. Jika beliau menterjemahkan hadith tersebut secara *harfiyah* ia akan berbentuk begini: “الصائم orang yang berpuasa, في pada, السفر musafir, كالمفطر seperti orang yang berbuka, في pada, الحضر hadir.

Pengkaji menganggap tujuan beliau menterjemah hadith secara kefahaman adalah untuk memudahkan pembaca. Oleh itu, metode terjemahan *harfiyah* hanya diguna oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sewaktu menterjemah ayat-ayat al-Qur'an sahaja. Pendekatan begini telah berjaya beliau tonjolkan keistimewaan karya ini berbanding yang lain. Perincian lengkap mengenai terjemahan *harfiyah* dari aspek sumbangan aliran pemikiran, pengkaji akan memperhalusi dalam bab yang keempat.

2.4.2 Memperkenalkan Kedudukan Surah

Pendekatan yang diguna oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ketika memperkenalkan kedudukan surah adalah ringkas dan padat. Beliau hanya menjelaskan kedudukan surah, nama surah, bilangan ayat dan menyatakan aspek *Makkiyyah* atau *Madaniyyah*. Sebagai contoh ketika memperkenalkan surah *al-Fātiḥah*, beliau hanya menyatakan: ”سورة الفاتحة وآياتها سبع، عدد السورة (1)“²⁸⁶. Setelah itu, beliau menterjemah teks bahasa Arab tersebut ke dalam bahasa Melayu seperti: “

²⁸⁶ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 2, h. 158.

Surah Fatihah turun di Mekah dan segala ayatnya tujuh, bilangan surah yang pertama²⁸⁷.

Corak yang sama juga beliau gunakan untuk memperkenalkan surah al-Baqarah. Beliau hanya menyatakan nama surah, tertib surah, aspek *Madaniyyah*, dan bilangan ayat²⁸⁸. Ketika memperkenalkan surah 'Āli 'Imrān pula, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menambah terhadap aspek kedudukan penurunan surah tersebut. Beliau menyatakan bahawa surah 'Āli 'Imrān diturunkan selepas daripada surah al-Anfāl²⁸⁹.

Mengenai aspek *Makiyyah* dan *Madaniyyah* yang diperkenal oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam agak cenderung kepada pandangan ulama yang menyatakan bahawa penurunan surah al-Qur'an berasaskan tempat. Pengkaji membuat analisis begini berdasarkan kepada terjemahan beliau terhadap perkataan *Makiyyah* dan *Madaniyyah*. Beliau menterjemah *Makiyyah* kepada makna “di Mekah” dan *Madaniyyah* “di Madinah”. Menurut Teuku Iskandar perkataan “di” adalah kata sendi nama yang menunjukkan suatu tempat²⁹⁰.

Justeru itu, dalam hal ini maksud *Makiyyah* adalah surah turun di Kota Mekah. Manakala *Madaniyyah* pula adalah surah turun di Kota Madinah. Pandangan ini bercanggah dengan pandangan ulama yang menyatakan *Makiyyah* adalah surah

²⁸⁷ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 1.

²⁸⁸ *Ibid.*, j. 1, h. 10.

²⁸⁹ *Ibid.*, j. 3, h. 139.

²⁹⁰ Teuku Iskandar (2002), *op.cit.*, h. 301.

yang diturunkan sebelum hijrah. Manakala *Madaniyyah*, surah yang diturunkan selepas hijrah tanpa dilihat tempat penurunannya.

Ringkasnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ketika hendak memperkenalkan surah beliau hanya menumpukan kepada nama surah, bilangan surah, jumlah ayat, kedudukan *Makiyyah* atau *Madaniyyah*, dan kedudukan surah di aspek penurunan. Beliau mengabaikan huraian lengkap sebagaimana yang dilakukan oleh ulama terdahulu yang mendatangkan perbezaan pandangan untuk menentukan nama surah, bilangan ayat, *Makkiyyah* atau *Madaniyyah*, dan lain-lain.

2.4.3 Mengemukakan *Asbāb al-Nuzūl* Ayat

Menurut Syaykh Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī, *Asbāb al-Nuzūl* itu membawa maksud penurunan ayat-ayat al-Qur’an untuk menerang tentang suatu peristiwa atau menjelas suatu hukum²⁹¹. Kenyataan ini bermaksud suatu peristiwa yang berlaku pada masa Nabi s.a.w atau persoalan yang diajukan oleh sahabat, lalu Allah s.w.t menurun ayat al-Qur’an bagi menjelas peristiwa tersebut atau menjawab persoalan-persoalan yang ditimbul oleh sahabat²⁹².

Melalui takrif di atas *Asbāb al-Nuzūl* memainkan peranan penting untuk memahami maksud ayat al-Qur’an. Mengetahui *Asbāb al-Nuzūl* juga mampu membantu *mufassir* untuk menjelas kesulitan dan kesukaran yang terdapat pada

²⁹¹ Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (1988), *Manāhil al-‘Urfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, j. 1, c. 1, Bierut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 108., Mannā’ Khalīl Qaṭṭān (1997), *op.cit.*, h. 77.

²⁹² Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 108.

sesetengah ayat²⁹³. Menurut al-Wāḥidī²⁹⁴, tidak mungkin seseorang itu mengetahui pentafsiran ayat al-Qur'an tanpa merujuk kepada kisah dan sebab penurunannya²⁹⁵.

Menurut Ibn Taymiyyah pula, dengan mengetahui *Asbāb al-Nuzūl* ia dapat membantu seseorang itu memahami kandungan ayat-ayat al-Qur'an²⁹⁶. Oleh kerana itu, para *mufassir* telah memberi perhatian yang mendalam terhadap aspek *Asbāb al-Nuzūl* ketika mereka mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an²⁹⁷.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga memberi perhatian terhadap *Asbāb al-Nuzūl*. Ini dapat dibuktikan melalui pentafsiran ayat 62 daripada surah al-Baqarah. Beliau telah mengemukakan sebab penurunan ayat tersebut mengenai persoalan yang diaju oleh Salmān al-Fārisī²⁹⁸ kepada Nabi s.a.w. Pertanyaan tersebut adalah mengenai ibadah para sahabatnya yang menganut agama Kristian di Mūṣil, Iraq pada masa yang sama mereka mengetahui bahawa Nabi s.a.w akan dibangkitkan²⁹⁹. Lalu Nabi s.a.w menyatakan,

²⁹³ Mannā' Khalīl Qaṭṭān (1997), *op.cit.*, h. 80.

²⁹⁴ Nama penuh beliau ialah Abū Ḥasan 'Alī bin Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī al-Wāḥidī. Tokoh yang alim mengenai bahasa Arab meninggal dunia pada tahun 468 hijrah dan dikebumikan di Naysābur. Lihat Abū Ḥasan 'Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī (2003), *Asbāb al-Nuzūl*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 8.

²⁹⁵ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1993), *al-Iqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1, c. 2, Beirut: Dār Ibn Kathīr, h. 93.

²⁹⁶ Mustafa Abdullah (2005), *op.cit.*, h. 165, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1993), *op.cit.*, j. 1, c. 2, h. 93.

²⁹⁷ Mustafa Abdullah (2005), *op.cit.*, h. 165.

²⁹⁸ Salman sahabat Nabi s.a.w yang berasal daripada Asfihan, Iran. Beliau menerima Islam dengan penuh kesedaran kerana merantau sekian lama mencari kebenaran. Setiap kali mengingati peperangan khandaq pasti nama Salam turut disebut. Beliau meninggal dunia pada tahun ke 35 hijrah. Lihat Yusūf bin 'Abd Allāh al-Qurṭubī (t.t), *al-Isti'āb fī Asmā' al-Aṣḥāb*, j. 2, Kaherah: Maktabah Masr, h. 28, 29.

²⁹⁹ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 145-148, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j.1, c.1, h. 370-372, Muḥammad Ḥasan al-Ḥumṣī (t.t), *Qur'ān Karīm Tafsīr wa Bayān ma'a Asbāb al-*

para sahabat Salman akan masuk Neraka, kerana mereka tidak mengikut agama Baginda s.a.w. Bagi menjelas perkara tersebut, Allah s.w.t telah menurunkan ayat 62 daripada surah al-Baqarah, terjemahannya iaitu:

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Naṣarā (Nasrani) dan orang-orang Ṣābi'īn, sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Surah al-Baqarah (2): 62

Ayat di atas menyatakan bahawa golongan yang selamat adalah dari kalangan mereka yang beriman dengan Allah s.w.t, hari akhirat dan beramal soleh. Semua ciri-ciri ini hanya terdapat kepada mereka menganut agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muḥammad s.a.w bukan agama Yahudi atau Nasrani.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memetik sebab penurunan ayat ini daripada *Tafsīr al-Ṭabarī*. Ini dapat dibuktikan melalui cerita yang dimuat oleh beliau mengenai sejarah keislaman Salmān al-Fārisī³⁰⁰. Cerita tersebut tidak terdapat dalam karya khusus tentang *Asbāb al-Nuzūl* seperti *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* karangan al-Imām al-Suyūṭī³⁰¹ atau *Asbāb al-Nuzūl* karangan al-Wāḥidī.

Nuzūl li al-Suyūṭī, Bierut: Mu'assasah al-'Imān, h. 8,9, Abū Ḥasan 'Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī (2003), *op.cit.*, h. 29.

³⁰⁰ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 135-138., Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 370-372.

³⁰¹ Nama beliau Abū al-Fadl 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr bin Muḥammad al-Suyūṭī dilahirkan pada bulan Rejab 849H dan meninggal dunia pada malam Jumaat 19 Jamād al-'Ulā tahun 911H. Beliau sangat aktif menghasilkan karya khususnya dalam semua bidang ilmu Islam. Antara karya yang tersohor di alam Melayu ialah *Tafsīr Jalālayn* yang dihasilkan bersama gurunya Jalāl al-Dīn al-Maḥallī. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 261, 262.

Kesimpulannya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ada mengemukakan *Asbāb al-Nuzūl* dalam karya beliau. Ini membuktikan bahawa beliau ingin memperincikan maksud ayat supaya ia lebih jelas dan terang. Namun begitu, kebanyakan *Asbāb al-Nuzūl* yang dimuat oleh beliau adalah petikan daripada *Tafsīr al-Ṭabarī* bukan daripada karya khusus mengenai *Asbāb al-Nuzūl* seperti *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* dan sebagainya.

2.4.4 Memperkenalkan Metode *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*

Kisah yang terdapat di dalam al-Qur’an mempunyai pengajaran yang baik untuk manusia meneladaninya sebagaimana firman Allah s.w.t pada ayat 111 surah Yūsuf:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقَ
الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan i’tibar bagi orang-orang yang mempunyai akal. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Qur’an) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”.

Surah Yusuf (12): 111

Menurut Dr. Ṣalāh al-Khālīdī, kisah yang terdapat di dalam al-Qur’an terbahagi kepada dua. Bentuk yang pertama ialah kisah para Nabi seperti kisah ‘Ādam, Nūḥ, Hūd, Ṣāleh, Ibrāhim, Ismā‘il, Ishāq, Lūṭ, Syu‘ayb, Ya‘kūb, Yūsuf, Mūsā, Hārūn, Dāwūd, Sulaymān, Yūnus, Ilyās, Idrīs, Zakariyyā, Yaḥyā, ‘Īsā, dan Muḥammad ‘Alayhim al-Ṣalāh wa al-Salām³⁰².

³⁰² Ṣalāh al-Khālīdī (1998), *al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*, j. 1, c. 1, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 28.

Bentuk yang kedua pula ialah kisah selain Nabi seperti kisah Hārūt dan Mārūt, kisah Aṣḥāb al-Ukhdūd, Aṣḥāb al-Kahf dan lain-lain³⁰³. Kisah-kisah tersebut yang terdapat dalam al-Qur'an adalah kisah benar dan sebaik-baik cerita. Oleh itu, sumber yang sahih mesti dijadikan rujukan utama untuk mengetahui kisah tersebut³⁰⁴.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam termasuk di kalangan *mufassir* yang turut memuatkan kisah-kisah al-Qur'an di dalam karya mereka³⁰⁵. Antara kisah para Nabi a.s yang beliau memuatkan dalam karyanya ialah kisah Nabi 'Ādam a.s, kisah Nabi Mūsā a.s, dan kisah Nabi Ibrāhim a.s. Selain kisah Nabi, beliau juga memuatkan kisah Ṭālūt, kisah Namrūd dan kisah 'Uzayr. Kisah-kisah yang termuat di dalam tafsir beliau adalah berlatarbelakangkan ayat al-Qur'an.

Gaya Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menulis kisah para Nabi a.s seolah-olah sebuah buku sejarah. Ini disebabkan beliau telah memperincikan latar belakang kisah tersebut seperti nama, keturunan, tempat, dan sebagainya. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 132 surah al-Baqarah mengenai kisah Nabi Ibrahim a.s, beliau telah memperincikan nama keturunan Nabi Ibrahim a.s daripada kedua ibu bapanya. Selain itu, beliau juga memuatkan sejarah hidup Nabi Ibrahim a.s bermula daripada kelahiran, perkahwinan dan perpindahan dari Bābil ke Syām³⁰⁶.

³⁰³ *Ibid.*

³⁰⁴ *Ibid.*, h. 41, 42.

³⁰⁵ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 4, bahagian sepatah kata.

³⁰⁶ *Ibid.*, h. 319.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga memperincikan nama anak-anak Nabi Ibrahim. Menurutnya, Nabi Ibrahim mempunyai lapan orang anak daripada tiga orang isteri. Mereka ialah Nabi Isma‘īl bin Ibrāhim daripada isterinya Ḥajar yang berbangsa *Qibṭiyyah*, Nabi Ishāq bin Ibrahim daripada isterinya yang bernama Sārah binti Batwil. Melalui isterinya yang ketiga iaitu Qanṭūr binti Maftūr bin Yaqtan, Baginda memperolehi Mudan bin Ibrāhim, Madyan bin Ibrāhim, Yaqsān bin Ibrahim, Zamrān bin Ibrāhim, Yasbaq bin Ibrahim, dan Sūh bin Ibrāhim³⁰⁷.

Sebagaimana tulisan mengenai kisah para Nabi a.s, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga memperincikan kisah selain Nabi seperti Ṭālūt. Oleh itu, beliau telah memperkenalkan keturunan watak-watak utama dalam kisah Ṭālūt tersebut. Sebagai contoh watak Syamwil, beliau telah memperincikan nama keturunannya seperti Syamwīl bin Bālī bin ‘Alqamah bin Yuraḥām bin Alihuwa bin Tahuwa bin Šūf bin ‘Alqamah bin Maḥīth bin ‘Amūṣā bin Šafiyah bin ‘Alqamah bin Abī Yāsiq bin Qārūn bin Yaṣhar bin Qāhith bin Lāwi bin Ya‘kūb bin Ishāq bin Ibrāhim³⁰⁸.

Pengkaji sukar memastikan tujuan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memperincikan kisah-kisah al-Qur’an tersebut. Melalui penelitian pengkaji, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tidak menyentuh secara langsung pengajaran yang boleh diambil daripada kisah-kisah tersebut. Sedangkan pengajaran daripada kisah-kisah tersebut sangat penting lagi bermanfaat bagi membina keperibadian seseorang muslim.

³⁰⁷ *Ibid.*

³⁰⁸ *Ibid.*, j. 2, h. 562.

2.5 Kesimpulan

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam adalah ulama yang mencintai ilmu. Ini dapat dibuktikan melalui perjalanan hidup beliau yang berusaha dengan penuh gigih menuntut ilmu di merata tempat. Umur beliau dimanfaatkan untuk belajar, mengajar dan bekerja ketika masih muda. Manakala di usia tua pula, beliau memanfaatkan umurnya dengan melakukan kerja-kerja dakwah termasuk bidang penulisan. Ekoran daripada itu, pengaruh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah melebar ke semua peringkat masyarakat.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menyumbang kepada dunia ilmu melalui penulisan tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Daya usaha yang bersungguh-sungguh daripada Lembaga Amanah Mengembangkan Pengetahuan Ugama Islam (LAMPU) untuk menerbitkan karya ini patut dicontohi oleh generasi sekarang. Walaupun tidak dapat menerbitkan 30 juzuk al-Qur'an, tetapi usaha tersebut sangat besar nilainya.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berjaya menonjolkan keistimewaan karya yang unik ini melalui metode penulisan yang tersendiri seperti terjemahan *harfiyah* dan lain-lain. Disamping itu, persembahan yang menarik melalui cetakan tulisan tangan yang cantik dapat menambahkan lagi keunikan karya ini. Tegasnya, untuk menghasilkan sebuah karya yang berkualiti seperti tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* memerlukan daya usaha yang bersungguh-sungguh.

SUMBANGAN SYAYKH ABD AZIZ BIN ABD SALAM

DARI ASPEK METODOLOGI TAFSIR

3.0 Pendahuluan

Kebanyakan ulama cenderung membahagikan metode pentafsiran kepada tiga bahagian; iaitu *tafsīr bi al-riwāyah* atau *tafsīr bī al-ma'thūr*, *tafsīr bi al-dirāyah* atau *tafsīr bi al-ra'y*, dan *tafsīr bi al-isyārah* atau *tafsīr al-isyārī*³⁰⁹. Namun, terdapat juga di kalangan ulama yang membahagikan kepada dua sahaja, iaitu *tafsīr bi al-ma'thūr* dan *tafsīr bi al-ra'y*³¹⁰. Manakala Dr. 'Abd al-Ḥayy al-Farmāwī³¹¹ menyenaraikan metode pentafsiran al-Qur'an kepada metode *taḥlīlī*, *ijmālī*, *muqāran* dan *mauḍū'ī*³¹².

³⁰⁹ Kebanyakan ulama kontemporari yang membincangkan mengenai metodologi pentafsiran melalui karya '*Ulūm al-Qur'ān*' dan '*Uṣūl al-Tafsīr*' lebih cenderung kepada pembahagian yang tiga tersebut. Ini termasuk ulama Nusantara yang berkecimpung dalam bidang tafsir. Antara mereka ialah Syaykh Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī, Syaykh Ṣubḥī al-Ṣāleh, Syaykh Mannā' Qaṭṭān, dan Syaykh Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī. Manakala dari kalangan ulama Nusantara seperti Prof. Madya Dr. Fauzi bin Deraman, Prof. Madya Dr. Mustafa bin Abdullah, Dra. H. St. Amanah dan lain-lain. Lihat Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, h. 14, Mannā' Qaṭṭān (1998), *op.cit.*, h. 347-357, Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, j. 2, h. 163, 265, 386, Ṣubḥī al-Ṣāleh (2000), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 24, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 290-296, Fauzi Deraman et al. (2006), *Pengantar Usul Tafsir*, c. 2, Selangor: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 61, Dra. H. St. Amanah (1993), *Pengantar Ilmu al-Qur'an dan Tafsir*, Semarang: CV. Asy-Syifa', h. 309.

³¹⁰ Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1988), *Al-Isrā'īliyyāt wa al-Mauḍū'āt fī Kutub al-Tafsīr*, c. 4, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 43.

³¹¹ Dr. 'Abd Ḥayy al-Farmāwī dilahirkan pada tahun 1942 di sebuah kampung dalam Negeri al-Manufiyah. Mula belajar di kuttab kampungnya, sesudah tamat hafazan al-Qur'an beliau menyambung pelajaran ke Ma'had al-Aḥmadī di Ṭantā pada tahun 1955 hingga ke peringkat Menengah. Kemudian beliau memasuki Kuliyah Usul al-Din di Jabatan Tafsir dan Hadith Universiti al-Azhar. Setelah tamat kuliyah pada tahun 1969 beliau dilantik sebagai tutor sehingga menjadi Ketua Jabatan Tafsir dan Ulum al-Qur'an. Dr. 'Abd Ḥayy al-Farmāwī pernah dipinjamkan ke Saudi Arabia sebanyak tiga kali, iaitu pada tahun 1982 hingga 1987 di Universiti Umm al-Qurā, pada tahun 1992 dilantik sebagai pensyarah pelawat di Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd di Madinah dan pada tahun 1995 hingga 2000 sekali lagi beliau bertugas di Universiti Umm al-Qurā. Antara karya beliau yang masyhur ialah; *al-Bidāyah fī al-Tafsīr al-Mawḍū'ī: Dirāsah Manhajiyah Mawḍū'iyah*, *Tadwīn al-Qur'ān al-Karīm wa Qaḍīyah al-Nuqṭ fī al-Muḥaf al-Syarīf*, *al-Mawṭ fī al-Fikr al-Islāmī* dan lain-lain lagi. Lihat <http://forum.egypt.com/arforum/showthread.php?t=19771> di akses pada 2 Februari 2009.

³¹² Lihat 'Abd al-Ḥayy al-Farmāwī (2002), *Metode Tafsir Mauḍū'ī*. Rosihon Anwar (terj.), c. 1, Bandung: CV Pustaka Setia, h. 23, Muhammad Quraish Shihab (1999), *Tafsir al-Qur'an al-Karim Tafsir Atas Surat-surat Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu*, c. 3, Bandung: Pustaka Hidayah, h. V.

Mengenai metode tafsir *tahlīlī* pula, beliau membahagikan kepada *tafsīr bi al-ma'thūr*, *tafsīr bi al-ra'y*, *tafsīr al-ṣūfī*, *tafsīr al-fīqh*, *tafsīr al-falāsafī*, *tafsīr al-'ilmī*, dan *tafsīr al-adabī al-ijtimā'ī*³¹³.

Kajian terhadap metodologi ini sangat penting untuk mengetahui tahap keilmuan seseorang *mufassir*. Ketokohan seorang *mufassir* akan menyerlah melalui kepelbagaian metodologi yang digunakannya³¹⁴. Oleh itu, untuk mengetahui metode pentafsiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam pengkaji telah menganalisis karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Lantaran itu, menerusi bab ini pengkaji akan memperhalusi metode pentafsiran yang diguna oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas pengkaji akan mengemukakan beberapa contoh.

3.1 Mengutamakan Metodologi *Tafsīr bi al-Ma'thūr* Secara Lengkap

Melalui analisis terhadap karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*, pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam lebih cenderung menggunakan metode *tafsīr bi al-ma'thūr* daripada yang lain. Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan mengemukakan bentuk-bentuk *tafsīr bi al-ma'thūr* yang diguna oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Justeru, pengkaji akan memulakan tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, tafsir al-Qur'an dengan hadith, tafsir al-Qur'an dengan perkataan sahabat, dan tafsir al-Qur'an dengan perkataan tabi'in seperti berikut:

³¹³ 'Abd al-Ḥayy al-Farmawī (2002), *op.cit.*, Rosihon Anwar (terj.), h. 24.

³¹⁴ Mustafa Abdullah (2005), *op.cit.*, h. 163.

3.1.1 Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an

Menurut Ibn Kathīr, jalan terbaik untuk mentafsirkan al-Qur'an ialah ayat-ayat al-Qur'an sendiri³¹⁵. Kerana pentafsiran daripada Allah s.w.t terhadap kalamNya adalah lebih jelas dan tepat³¹⁶. Ekoran daripada itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengutamakan metode tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an terhadap *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Melalui metode ini, ayat yang *mujmal* (menyeluruh) akan ditafsirkan dengan ayat yang *mufaṣṣal* (menjelas)³¹⁷. Begitu juga ayat yang *'ām* (umum) akan ditafsirkan dengan ayat yang *khāṣ* (khusus), ayat yang *muṭlaq* (tanpa kaitan) dengan ayat yang *muqayyad* (menentukan ikatan) dan seterusnya³¹⁸. Sebagai contoh ketika Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mentafsirkan ayat 173 daripada surah al-Baqarah menerusi firman Allah s.w.t:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلٍ لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ
بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah; maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka ia tidak berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

Sūrah al-Baqarah (2): 173

³¹⁵ Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j. 1, c. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 12.

³¹⁶ Zulkifli Mohd Yusof (1996), *Kunci Mengenal al-Qur'an*, c. 1, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 23.

³¹⁷ Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 175.

³¹⁸ Seorang *mufassir* mesti mahir mengenai kaedah untuk mengetahui kedudukan ayat tersebut sama ada ia 'am atau khas, mutlaq atau muqayyad, dan sebagainya. Cara ini boleh diketahui melalui pengajian usul fiqh. Oleh itu seorang *mufassir* perlu mahir ilmu usul fiqh. Lihat 'Abd al-Karīm Zaydān (1993), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, c. 1, Kaherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr, h. 274 – 296, Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 43 - 45, Fauzi Deraman *et al.* (2006), *op.cit.*, c. 2, h. 66 - 68.

Ayat di atas secara umumnya menyatakan bahawa setiap darah adalah haram dimakan. Namun, secara terperinci pula Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengkategorikan perkataan الدم (darah) yang terdapat pada ayat tersebut sebagai *muṭlaq*. Menurutnya, ayat yang *muṭlaq* perlu kepada *muqayyad*³¹⁹. Jika tidak diqaydkan (ditentukan) makna الدم ia akan difahami semua jenis darah sama ada darah beku atau cair adalah haram dimakan. Oleh yang demikian, bagi menjelaskan maksud darah tersebut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menentukan jenis darah yang mengalir sahaja yang diharam oleh Allah s.w.t.³²⁰. Menurutnya, penjelasan tersebut terdapat pada ayat 145 daripada surah al-An‘ām, iaitu firman Allah s.w.t:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا
 مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خَنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ
 وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah. Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan kamu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Sūrah al-An‘ām (6): 145

Menurut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, lafaz دما مسفوحا yang terdapat pada ayat di atas adalah menjadi *qayd* (yang menentukan) terhadap sifat darah yang

³¹⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 4.

³²⁰ *Ibid.*

diharam oleh Allah s.w.t pada ayat 173 daripada surah al-Baqarah³²¹. Justeru, beliau menyatakan:

Di haramkan darah itu ialah darah yang ditumpahkan daripada dagingnya mengalir, adapun darah yang bercampur di dalam daging maka tiada mengapa dengannya. Maka lafaz ayat yang beribarat (دما مسفوحا) ini ialah jadi *qayd* sifat darah yang dikehendaki haram hukumnya³²².

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa ayat دما مسفوحا menjadi dalil mengenai jenis darah yang mengalir sahaja diharamkan oleh Allah s.w.t³²³. Manakala darah yang terdapat di dalam daging adalah halal dimakan. Pentafsiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ini menyamai pendapat Imam Abu Hanifah dan agak kontra dengan pendapat Imam Syafi'i. Menurut pandangan Imam Syafi'i, semua jenis darah sama ada mengalir atau tiada adalah haram. Ini berdasarkan kepada zahir ayat 173 daripada surah al-Baqarah³²⁴.

Selain daripada ayat yang *muflaq* perlu kepada *muqayyad* terdapat juga di dalam al-Qur'an ayat-ayat kesamaran maksud yang perlu kepada penjelasan dan huraian yang lebih panjang³²⁵. Hal ini diakui oleh kebanyakan ulama termasuk Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Oleh itu, melalui kajian ini beliau telah menghuraikan maksud *istihzā'* (memperolok-olok) Allah s.w.t daripada ayat 15 surah al-Baqarah melalui ayat 13 daripada surah al-Ḥadīd, iaitu firman Allah s.w.t³²⁶:

³²¹ *Ibid.*

³²² Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 4.

³²³ Fakhr al-Dīn bin Diā' al-Dīn al-Rāzī (t.t), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, j. 5, Bierut: Dār al-Fikr, h. 21, 22.

³²⁴ *Ibid.*

³²⁵ 'Abd al-Karīm Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 347.

³²⁶ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 37.

يَوْمَ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ لِلَّذِينَ آمَنُوا انظُرُونَا نَعْتَبِسْ مِنْ نُورِكُمْ قِيلَ ارْجِعُوا وَرَاءَكُمْ فَالْتَمِسُوا نُورًا فَضُرِبَ بَيْنَهُمْ بِسُورٍ لَهُ بَابٌ بَاطِنُهُ فِيهِ الرَّحْمَةُ وَظَاهِرُهُ مِنْ قِبَلِهِ الْعَذَابُ

Terjemahannya: (Ingatlah) semasa orang-orang munafik, lelaki dan perempuan (yang sedang meraba-raba dalam gelap gelita pada hari kiamat), berkata kepada orang-orang yang beriman: “Tunggulah kami, biarlah kami mengambil sedikit dari cahaya kamu”. (Lalu) dikatakan (kepada mereka secara mengejek-ejek): “Baliklah kamu ke belakang, kemudian carilah cahaya (di sana)”,serta diadakan di antara mereka (yang beriman dan yang munafik itu) sebuah tembok yang mempunyai pintu, di sebelah dalamnya mengandungi rahmat (Syurga dan nikmat), dan di sebelah luarnya, dari situ terdapat (Neraka dan) azab seksa.

Sūrah al-Ḥadīd (57): 15

Penjelasan Allah s.w.t mengenai maksud *istihzā'* yang terdapat pada ayat di atas adalah mengenai dialog antara orang yang beriman dengan orang munafik. Orang beriman telah mengejek-ejek golongan munafik yang ingin menumpang cahaya mereka. Pada hari tersebut golongan munafik mendapat malu besar akibat sikap mereka yang telah memperolok-olok agama Allah s.w.t di atas dunia dahulu. Lantaran itu mereka ditimpa seksaan daripada Allah akibat tindakan dosa mereka.

Menurut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, ayat ini merupakan penjelasan kepada makna *istihzā'* yang terdapat pada ayat 15 surah al-Baqarah, iaitu firman Allah s.w.t:

اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ

Terjemahannya: Allah (membalas) memperolok-olok mereka, dan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu).

Surah al-Baqarah (2): 15

Justeru, dapat difahami bahawa *istihzā'* daripada Allah s.w.t adalah dalam bentuk seperti yang dinyatakan pada ayat 13 daripada surah al-Ḥadīd bukan sebagaimana yang difahami dari sudut bahasa kerana ia mustahil bagi Allah s.w.t bersifat sebagaimana sifat manusia.

Ini adalah beberapa contoh pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an yang diguna oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Metode pentafsiran seperti ini menjadi keutamaan beliau menjelaskan ayat-ayat al-Qur'an menerusi *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*.

3.1.2 Tafsir al-Qur'an dengan al-Hadith

Kedudukan Nabi s.a.w sebagai penjelas dan pentafsir kepada al-Qur'an telah menjadikan hadith sebagai sumber tafsir yang kedua selepas al-Qur'an³²⁷. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahannya: (Kami mengutuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.

Sūrah al-Naḥl (16): 44

³²⁷ Lihat Khālid 'Abd al-Rahmān al-'Ik (1986), *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh*, c. 2, Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 112, Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 2, c. 1, h. 16, Ṣubḥī al-Ṣāleh (2000), *op.cit.*, h. 289, Mannā' Qaṭṭān (1998), *op.cit.*, h. 347, Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 163, Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 12, Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, c. 4, h. 45, Muhammad Quraish Shihab (2006), *Membumikan al-Quran*, c. 29, Bandung: Mizan Media Utama, h. 127, Fauzi Deraman (2006), *op.cit.*, c. 2, h. 72.

Ayat di atas menjelaskan bahawa hadith memainkan peranan yang penting untuk menghurai, menjelas dan mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Penjelasan tersebut merangkumi beberapa sudut seperti memperinci ayat-ayat yang ringkas dan padat, menentukan ikatan terhadap sesuatu ayat yang mutlak, mengkhususkan terhadap ayat yang umum, menjelaskan kemusykilan yang terdapat pada ayat al-Qur'an dan seterusnya³²⁸.

Oleh yang demikian, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengambil pendekatan dengan mengguna hadith Nabi s.a.w sebagai huraian terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang terdapat dalam *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 173 surah al-Baqarah mengenai perkataan الميئة (bangkai) dan الدم (darah), beliau mentafsirkan maksud keduanya menerusi hadith Nabi s.a.w. Menurutnya, maksud perkataan الميئة pada ayat tersebut sebagaimana terdapat pada hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah mengenai seorang lelaki yang bertanya kepada Nabi s.a.w. Kata lelaki tersebut: “Wahai Rasulullah!, kami belayar ke laut dan membawa sedikit air, jikalau kami mengambil air sembahyang dengannya kami dahaga, adakah kami boleh mengambil air sembahyang dengan air laut?. Jawab Rasulullah s.a.w: “هُوَ الطَّهْرُ مَاؤُهُ الْجِلُّ مَيْتَتُهُ” ertinya: “Suci airnya dan halal bangkainya”³²⁹.

³²⁸ Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1986), *Usūl al-Feqh al-Islāmī*, j. 1, c. 1, Bierut: Dār al-Fikr al-Mu‘aşir, h. 462, 463, 464, Fauzi Deraman (2006), *op.cit.*, c. 2, h. 73, 74, 75, 76.

³²⁹ Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 90, Muḥammad bin ‘Isā al-Tirmidhī (t.t), *Sunan al-Tirmidhī*, “Bāb Mā Jā’a fī Mā’i al-Baḥr Annahū Ṭahūr”, no. hadith 68, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Tawzī’ wa al-Nasyr, h. 28, Sulaymān bin al-Asy‘ath (t.t), *Sunan Abī Dāwūd*, “Bāb al-Wuḍū’ bi Mā’i al-Baḥri”, no. hadith 83, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Tawzī’ wa al-Nasyr, h. 20.

Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menyatakan³³⁰:

Maka lafaz (الميتة) di dalam ayat (إنما حرم عليكم الميتة) ialah lafaz umum (melengkapi maknanya kepada sekalian bangkai) dan telah dikehendaki dengan maknanya khusus (terbatas kepada binatang-binatang yang tiada disembelih dengan nama Allah, yang lain daripada binatang-binatang air dan belalang).

Menerusi kenyataan di atas menunjukkan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengkhususkan maksud الميتة yang diharamkan oleh Allah s.w.t dengan hadith tersebut. Justeru, bangkai binatang yang berasal dari laut dan bangkai belalang adalah pengkecualian terhadap pengharaman bangkai oleh Allah s.w.t menerusi ayat 173 surah al-Baqarah³³¹.

Manakala penjelasan mengenai perkataan الدم pula, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah memetik hadith Nabi s.a.w yang telah diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar, iaitu: أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَاتَانِ وَدَمَانِ فَأَمَّا الْمَيْتَاتَانِ فَالْحُوتُ وَالْجِرَادُ وَأَمَّا الدَّمَانِ فَالْكَبِدُ وَالطَّحَالُ maksudnya: “Dihalalkan bagi kita dua bangkai dan dua darah, dua bangkai ialah ikan dan belalang dan dua darah ialah hati dan limpa”³³². Menerusi hadith ini, beliau menjelaskan bahawa hukum darah adalah haram kecuali darah yang terdapat di dalam daging dan darah yang tiada mengalir seperti hati dan limpa³³³. Menurutnyanya, hadith tersebut telah

³³⁰ Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 90.

³³¹ *Ibid.*

³³² Hadith yang dicatat dalam tafsir al-Bayan tanpa lafaz *fa* dan *ammā*. Lihat *Ibid.*, h. 91. Lihat Muḥammad bin Yazīd bin Mājāh (t.t) *Sunan Ibn Mājāh*, “*Bāb al-Kabid wa al-Ṭahāl*”, no. hadith 3314, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Tawzī’ wa al-Nasyr, h. 557.

³³³ Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 91.

mengkhusus perkataan الدم yang dilarang. Lantaran itu, adalah haram dan dilarang memakan darah yang mengalir³³⁴.

Mengenai ayat-ayat yang *mujmal* (menyeluruh) Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga memperincikan dengan hadith. Ini dapat dibuktikan ketika beliau mentafsirkan ayat berkaitan zakat. Sebagai contoh ketika menjelaskan nisab zakat binatang, beliau telah memetik hadith mengenai surat yang dikirim oleh Sayyidina Abu Bakar kepada pekerjanya di Baḥrayn³³⁵. Disamping itu, beliau juga memetik hadith yang diriwayat oleh Imam Termizi, iaitu³³⁶:

Juga hadith yang telah diriwayatkan oleh Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā al-Tirmidhī, daripada Maḥmūd bin Ghaylān, daripada ‘Abd al-Razzāq, daripada Sufyān, daripada al-A‘māyḥ, daripada Wā’il daripada Masrūq, daripada Mu‘az ia berkata:

“بَعَثَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَمَنِ فَأَمَرَنِي أَنْ آخُذَ مِنْ كُلِّ ثَلَاثِينَ
بَقْرَةً تَبِيعًا أَوْ تَبِيعَةً وَمِنْ كُلِّ أَرْبَعِينَ مُسِنَّةً. هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ”

Terjemahannya: Telah mengutus akan aku Rasulullah s.a.w kepada Negeri Yaman dan disuruhnya supaya mengambil aku daripada zakat harta mereka, daripada tiap-tiap tiga puluh ekor lembu satu *tabi‘* atau *tabi‘ah* (seekor lembu jantan atau betina yang berumur satu tahun masuk keduanya), dan daripada tiap-tiap empat puluh ekor lembu, diambil zakat daripadanya seekor *musinnah* (lembu betina yang berumur dua tahun masuk ketiganya. Kata Termizi: ‘hadith ini *ḥasan* (bagus)’.

Menerusi penjelasan tersebut di atas, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mentafsirkan ayat *mujmal* mengenai zakat dengan hadith Nabi s.a.w. Hadith tersebut adalah contoh bagaimana beliau memperincikan nisab zakat lembu iaitu setiap 30

³³⁴ *Ibid.*, h. 90.

³³⁵ *Ibid.*, h. 107, Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-Zakāh*”, no. hadith 1454, j. 1, Kaherah: Maktabah al-Taufiqiyyah, h. 343.

³³⁶ Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 109, Muḥammad bin ‘Īsā al-Tirmidhī (t.t), *op.cit.*, “*Bāb Ma Jā’a fī Zakāh al-Baqar*”, hadith no. 623, h. 1707.

ekor lembu nisabnya seekor lembu yang berumur antara satu dan dua tahun. Manakala 40 ekor lembu nisabnya seekor lembu berumur antara dua dan tiga tahun. Bentuk pentafsiran seumpama ini antara metode yang menjadi perhatian Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Ekoran daripada itu, bagi melengkapi huraian terhadap ayat-ayat yang *mujmal* beliau akan merujuk kepada kitab-kitab hadith yang muktabar sebagai sumber yang asal untuk memperincikan suatu hukum.

Selain contoh di atas, beliau juga memperincikan hukum-hukum zakat menerusi hadith Nabi s.a.w seperti zakat emas dan perak³³⁷, zakat unta dan kambing³³⁸, zakat jenis-jenis buahan³³⁹, zakat biji-bijian³⁴⁰, zakat perniagaan³⁴¹, fitrah³⁴², zakat harta karun,³⁴³ dan zakat galian³⁴⁴. Setiap kategori zakat tersebut beliau perincikan dengan hadith Nabi s.a.w. Oleh ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengutamakan hadith Nabi s.a.w sebagai metode pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an mengenai hukum dan lain-lain.

³³⁷ *Ibid.*, h. 105.

³³⁸ *Ibid.*, h. 106.

³³⁹ *Ibid.*, h. 109.

³⁴⁰ *Ibid.*, h. 110.

³⁴¹ *Ibid.*, h. 111.

³⁴² *Ibid.*

³⁴³ *Ibid.*, h. 112.

³⁴⁴ *Ibid.*, h. 113.

3.1.3 Tafsir al-Qur'an dengan Perkataan Sahabat Dan Tabi'in

Sebaik-baik generasi umat Nabi Muḥammad s.a.w adalah generasi sahabat dan tabi'in. Sabda Nabi s.a.w: "Sebaik-baik abad ialah abadku, kemudian abad berikutnya, kemudian abad berikutnya"³⁴⁵. Ukuran kebaikan generasi ini berdasarkan kepada pegangan mereka terhadap al-Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w³⁴⁶. Para sahabat r.a adalah generasi umat yang menyaksikan turunnya wahyu Allah s.w.t. Justeru itu, mereka memiliki kemampuan untuk memahami kalam Allah s.w.t serta rahsia-rahsiannya yang tidak diperolehi oleh orang lain³⁴⁷.

Kebanyakan ulama berpandangan bahawa tafsir para sahabat³⁴⁸ hukumnya *marfū'*³⁴⁹ yang tidak boleh ditolak jika riwayat tersebut berkait dengan *asbāb al-nuzūl* dan perkara yang tidak boleh ijhtihad³⁵⁰. Manakala perkara yang boleh ijhtihad, hukumnya adalah *mawqūf* selama mana tidak disandarkan kepada Nabi s.a.w³⁵¹.

³⁴⁵ Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī (t.t), *op.cit.*, "*Kitāb Fada'il al-Sahabah*", no. hadith 3650, j. 2, h. 410.

³⁴⁶ Mustafa Abdullah (2005), *op.cit.*, h. 198.

³⁴⁷ Fauzi Deraman (2006), *op.cit.*, c. 2, h. 77, Badri Khaeruman (2004), *op.cit.*, c. 1, h. 71.

³⁴⁸ Al-Imām al-Suyūṭī menyatakan bahawa antara *mufasssir* yang masyhur daripada kalangan sahabat ialah: Khulafā' al-Arba'ah (Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, 'Alī), Ibn Mas'ūd, Ibn 'Abbās, Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thābit, Abū Mūsā al-Ays'arī dan 'Abd Allāh bin Zubayr r.a. Selain mereka, terdapat juga di kalangan sahabat yang membicarakan tafsir seperti Anas bin Mālik, Abū Hurayrah, 'Abd Allāh bin 'Umar, Jābir bin 'Abd Allāh, 'Abd Allāh bin 'Amr bin al-'Ās, 'Ā'isyah dan lain-lain. Lihat Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1993), *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 2, c. 2, Beirut: Dār Ibn Kathīr, h. 1227, Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 68.

³⁴⁹ *Marfū'* ialah suatu sandaran perkataan, perbuatan, pengakuan atau berbentuk sifat kepada Nabi s.a.w. Jika suatu sandaran perkataan, perbuatan atau pengakuan tersebut kepada sahabat dinamakan sebagai *mawqūf*. Jika disandarkan perkataan atau perbuatan kepada tabi'in dinamakan sebagai *maqtū'*. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān (1996), *op.cit.*, c. 9, h.128,129, 130, Ḥasan Muḥammad Maqbūlī al-Ahdal (1997), *op.cit.*, c. 5, h. 149, 151, 153, Facthur Rahman (1974), *op.cit.*, c. 1, h. 158, 225, 227.

³⁵⁰ Perkara yang tidak boleh di beri pandangan atau ijhtihad padanya (*lā majāla li al-ra'y fīh*) seperti sebab turun ayat, perkara ibadah dan lain-lain. Lihat *Ibid.*, h. 102.

³⁵¹ *Ibid.*

Lantaran itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menjadikan perkataan sahabat dan tabi'in sebagai sumber untuk mentafsir ayat-ayat al-Qur'an. Bentuk pentafsiran sahabat dan tabi'in yang diguna oleh beliau adalah tertumpu kepada huraian terhadap perkataan tertentu seperti الصلاة الوسطى dan الحق. Kebiasaannya beliau akan memilih beberapa pandangan dari kalangan sahabat atau tabi'in bagi memperluaskan maksud perkataan tersebut.

Sebagai contoh ketika menjelaskan maksud الصلاة الوسطى yang terdapat pada ayat 237 surah al-Baqarah beliau menyatakan³⁵²:

Kemudian telah bersalahan ahli ta'wil pada yang mana sembahyangkah daripada sembahyang-sembahyang yang difardukan di dalam waktu-waktu yang lima itu dinamakan sembahyang (الوسطى) ?. Setengah mereka itu berkata ialah: “ sembahyang Asar seperti yang telah diriwayatkan oleh Muḥammad bin Basyār daripada Abī ‘Āṣim dan oleh Aḥmad bin Ishāq daripada Abī Aḥmad daripada Sufyān daripada al-Ḥārith daripada ‘Alī ia berkata: “ (الصلاة الوسطى) itu ialah صلاة العصر (sembahyang Asar)”...

Kenyataan ini adalah pandangan pertama yang dipilih oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengenai الصلاة الوسطى iaitu pendapat Saidina ‘Ali r.a. Kemudian beliau memilih pula pandangan yang kedua. Katanya,³⁵³:

Ahli ta'wil yang lain pula berkata: “ tetapi kehendak sembahyang wuṣṭā itu ialah صلاة الظهر (sembahyang Zuhur) seperti yang telah diriwayatkan oleh Muḥammad bin Basyār daripada ‘Affān daripada Hamām daripada Qatādah daripada Sa‘īd al-Musayyab daripada Ibn

³⁵² Athar ini terdapat di dalam *Tafsīr al-Ṭabarī* seperti sanad tersebut kecuali nama Abī Ishāq tertinggal sebelum al-Ḥārith. Terdapat dalam *al-Muṣannaf* karya Abī Syaibah sebagaimana athar tersebut tetapi sanadnya melalui jalan Waqī' dan terus ke Sufyān. Lihat Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 2, h. 664, Abū Bakr ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ibrāhīm Ibn Abī Syaibah (2004), *al-Muṣannaf*, “*Kitāb al-Ṣolāh*”, no. Hadith 8689, j. 3, Riyad: Maktabah al-Rusyd, h. 582, Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 526.

³⁵³ Athar tersebut juga terdapat di dalam *Tafsīr al-Ṭabarī* seperti sanad tersebut. Selain itu, terdapat juga dalam *Sunan al-Kubrā* bagi al-Imām al-Bayhaqī dengan lafaz yang sama kecuali sanad itu bermula dari Abū ‘Abd Allāh dan Abū Sa‘īd. Lihat Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 2, h. 672, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Bayhaqī (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, “*Kitāb al-Ṣolāh*”, no. Hadith 2157, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 673, Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 526.

‘Umar daripada Zayd bin Thābit ia berkata: “ الصلاة الوسطى itu ialah صلاة الظهر (sembahyang Zuhur)”...

Menerusi kenyataan ini beliau telah memilih pendapat Zayd bin Thābit. Bagi memperluaskan makna الصلاة الوسطى, beliau mengambil pula pandangan yang ketiga iaitu pandangan Ibn ‘Abbās. Jelasnya³⁵⁴:

Setengah ahli ta’wil berkata: “tetapi sembahyang wustā itu ialah صلاة الصبح (sembahyang Subuh) seperti yang telah diriwayatkan oleh Ibn Basyar daripada ‘Affān daripada Hamām daripada Qatādah daripada Ṣālih bin al-Jalīl daripada Jābir bin Zayd daripada Ibn ‘Abbās ia berkata: “ الصلاة الوسطى صلاة الفجر ” ertinya sembahyang wustā itu ialah sembahyang Subuh”...

Pendapat Ibn ‘Abbas ini merupakan pandangan yang ketiga yang dipilih oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam daripada pandangan para sahabat.

Pandangan para sahabat tersebut hanya dikumpul oleh beliau bagi memperluaskannya makna-makna perkataan tanpa mentarjih salah satu daripadanya. Metode pentafsiran tersebut hampir menyamai huraian terhadap daftar kata mengenai teks al-Qur’an. Dalam waktu yang sama seolah-olah ia tidak mempunyai kesan hukum terhadap suatu masalah. Sepatutnya Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dapat membuat kesimpulan mengenai hukum terhadap persoalan الصلاة الوسطى.

Manakala contoh pentafsiran tabi‘in yang dibawa oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ialah pentafsiran Qatādah³⁵⁵ mengenai makna الحق yang terdapat pada ayat 71 surah ‘Ali ‘Imran. Menurutnya,³⁵⁶:

³⁵⁴ Athar ini hanya terdapat di dalam *Tafsīr al-Ṭabarī*. Lihat Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 2, h. 672, Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 526.

³⁵⁵ Nama beliau Abū al-Khaṭāb Qatādah bin Di‘āmah al-Sudūsī al-Akmah merupakan penduduk Basrah. Seorang mufassir yang masyhur hingga mendapat pujian yang ramai dari kalangan ulama. Berkata Sa‘īd bin

Dikehendaki dengan barang yang hak disembunyikan oleh mereka ialah sifat-sifat Nabi s.a.w, kebangkitannya, Nubuwwah dan risalnya yang ada tertulis di dalam Taurat dan Injil dipadamkan oleh mereka dan digantikan dengan ayat-ayat yang direka-rekakan kemudian ditulis di tempat itu seperti yang telah diriwayatkan oleh Basyr daripada Yazīd daripada Sa‘īd daripada Qatādah: “ وَتَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ” “ كَتَمُوا شَأْنَ مُحَمَّدٍ وَهُمْ يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ ” ertinya: mereka itu menyembunyikan pekerjaan Muhammad s.a.w pada hal mereka ada berjumpa tertulis di sisi mereka di dalam Taurat dan Injil, ia menyuruh dengan kebajikan, melarang daripada kejahatan.

Kenyataan tersebut di atas adalah perkataan Qatādah mengenai makna الحق iaitu perkara yang disembunyi oleh ahli kitab mengenai sifat-sifat Nabi Muhammad s.a.w. Menurut Qatādah lagi, walaupun kebenaran Nabi s.a.w jelas tertulis dalam kitab mereka, namun kebenaran tersebut telah dipadam dan digantikan dengan perkataan lain. Jelasnya sikap ahli kitab suka kepada kebatilan dan menolak kebenaran.

Sikap Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam terhadap riwayat tabi‘in sama seperti pentafsiran sahabat. Beliau agak cenderung memetik perkataan mereka tanpa memberi sebarang komen sama ada mengenai status riwayat atau implikasi hukum terhadap pandangan mereka tersebut.

Kesimpulannya, contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mengutamakan metode *tafsīr bi al-ma‘thūr*. Manakala

al-Musayyib: “Orang Iraq yang paling baik pernah berjumpa aku”. Beliau meninggal dunia pada tahun 117H dan umurnya 56 tahun. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 136.

³⁵⁶ Riwayat tersebut hanya terdapat di dalam *Tafsīr al-Ṭabari* dengan sanad dan lafaz yang sedemikian. Lihat Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 6, h. 505, Abd Aziz bin Abd Salam (1970), *op.cit.*, j. 3, h. 279, 280.

pentafsiran al-Qur'an dengan hadith lebih meluas berbanding pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an dan pentafsiran al-Qur'an dengan perkataan sahabat dan tabi'in.

3.2 Penggunaan Metodologi *Tafsīr bi al-Ra'y* Secara Sederhana

Walaupun Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam lebih mengutamakan *tafsīr bi al-ma'thūr* untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Namun, beliau masih menggunakan metode *tafsīr bi al-ra'y*³⁵⁷ tetapi secara sederhana. Antara isu yang sering disentuh oleh *mufassir* yang cenderung kepada *tafsīr bi al-ra'y* ialah mengenai kemasyarakatan. Sebagai seorang *mufassir*, ilmu kemasyarakatan sangat penting untuk diketengahkan. Kerana wahyu Allah s.w.t turun untuk memperbaiki suasana yang berlaku dalam masyarakat.

Menurut al-Zarqānī, ilmu kemasyarakatan merupakan suatu ilmu yang perlu diketahui oleh seorang *mufassir*³⁵⁸. Terdapat pelbagai definisi mengenai ilmu

³⁵⁷ Al-Zarqānī menyebut dalam kitabnya *Manāhil al-'Urfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, ada sebelas bentuk *tafsīr bi al-ra'y* yang memerlukan *mufassir* berijtihad, iaitu:

1. Melihat kepada lafaz yang *mufrad* (tunggal) dari sudut bahasa, *al-ṣarf* dan *al-Isytiqāq* (etimologi) yang digunakan pada masa turun al-Qur'an,
2. Melihat kepada susunan ayat dari sudut *i'rāb* dan *balāghah*,
3. Mendahului makna hakiki daripada makna *majāzī*,
4. Memerhati *asbāb al-nuzūl*,
5. Memelihara munasab surah dan ayat,
6. Memelihara maksud dari zahir ayat,
7. Bersesuaian pentafsiran dengan *mufassir*,
8. Bertentangan pentafsiran dengan ilmu *al-kawn*, ilmu kemasyarakatan, sejarah manusia dan khususnya sejarah Arab ketika turun al-Qur'an,
9. Tidak bercanggah pentafsiran dengan pertunjuk Nabi s.a.w,
10. Menjelas makna dan mengistinbāf (mengeluarkan) hukum sesuai dengan bahasa, syariat dan ilmu al-kawn,
11. Memelihara kaedah *tarjīh* ketika berlaku persamaan makna. Lihat Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 2, c. 1, h. 67, 68, lihat juga Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 278-281.

³⁵⁸ Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 2, c. 1, h. 59, 60, lihat juga Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, c. 1, h. 278-281.

kemasyarakatan, namun definisi yang dikemukakan oleh Prof. Edwin P. Hollander³⁵⁹ menjadi pilihan pengkaji. Menurutnya, ilmu kemasyarakatan adalah merujuk kepada ilmu yang membincangkan kecenderungan sikap dan keadaan seorang individu dalam masyarakat yang disertainya³⁶⁰. Suatu masyarakat yang berjaya dan cemerlang ialah masyarakat yang memiliki daya intelektual dan ilmu yang mantap³⁶¹, disamping memiliki pemimpin yang pandai dan cerdik³⁶².

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam hidup bersama masyarakat yang berlatarbelakangkan pelbagai budaya dan adat sudah pasti mempunyai pandangan dan kritikan bagi memperbaiki masyarakat tersebut. Justeru, beliau berpandangan bahawa sebuah masyarakat yang maju dan berjaya dipimpin oleh seorang baik dan berilmu. Dalam hal ini seseorang pemimpin yang hendak dilantik mesti mempunyai ilmu yang mencukupi. Tahap keilmuan seseorang pemimpin menjadi penentu kejayaan atau kemunduran suatu masyarakat. Oleh itu, beliau lebih mengutamakan pemimpin yang berilmu bagi semua lapisan masyarakat³⁶³.

³⁵⁹ Prof. Edwin P. Hollander merupakan seorang pensyarah psikologi di Bruch College, New York, USA. Beliau telah menulis beberapa buah buku antaranya yang berjudul *Principles And Methods Of Social Psychology* pada tahun 1981. Lihat <http://www.baruch.cuny.edu/wsas/academic/psychology/ehollander.htm> diakses pada 20.5.2011.

³⁶⁰ Lihat Ahmad Muhammad al-Za'bi (1994), *Usus 'Ilm al-Nafs al-Ijtimā'ī*, c. 1, Sana'a: Dār al-Ḥikmah al-Yamāniyyah, h. 21.

³⁶¹ Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud (1994), *Penjelasan Budaya Ilmu*, c. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1, 10.

³⁶² Menurut Abū Naṣr al-Fārābī (873 – 951M) yang merupakan seorang pemikir Islam dalam bidang ilmu sosial kemasyarakatan: "Seorang pemimpin perlu memiliki ilmu dan kefahaman yang baik". Beliau berpandangan bahawa seorang pemimpin perlu memiliki 12 sifat khas; 1. Tubuh badan yang sihat, 2. Kefahaman yang mantap, 3. Kemampuan mengingat, 4. Bijak, 5. Ibadah yang sempurna, 6. Mahir mengungkap, 7. Gemar mengajar, 8. Cenderung bermewah, 9. Bercakap benar, 10. Berterus terang, 11. Suka kepada kemuliaan, 12. Suka kepada keadilan dan membenci kezaliman. Lihat Ahmad Muhammad al-Za'bi (1994), *op.cit.*, h. 39, Abdullah Hasan *et al.* (1998), *Komunikasi Untuk Pemimpin*, c. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 46.

³⁶³ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 67, 68.

Ini dibuktikan melalui pentafsirannya terhadap ayat 32 daripada surah al-Baqarah yang bermaksud: “Malaikat itu menjawab: Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. Menurut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, ayat tersebut menjadi panduan kepada masyarakat memilih pemimpin yang berilmu. Katanya³⁶⁴:

“Undi raya dan pilihan suatu itu, diundi dan dipilih dengan ilmu pengetahuan yang terbanyak pada sesuatu itu. Maka khalifah bumi itu, kepada siapa-siapa yang terbanyak ilmunya pada ilmu bumi. Begitu lah jadi pengadil perbicaraan kepada siapa-siapa yang terbanyak ilmunya, pada ilmu undangan, begitu lah seterusnya...”

Melalui kenyataan di atas Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mensyaratkan calon pemimpin mesti mempunyai ilmu. Mereka adalah khalifah Allah s.w.t di atas bumi ini. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Syaykh Mustafa bin Abd Rahman. Beliau mensyaratkan bahawa seseorang yang akan memegang tampuk kekuasaan mesti mempunyai ilmu³⁶⁵. Menurutnya, syarat ini sangat diperlukan dan ia tidak boleh bertolak ansur³⁶⁶. Jika diabaikan syarat ini sebuah masyarakat akan menuju kehancuran. Kedua tokoh ini sealiran memberi pandangan ketika menjabar dan menghuraikan ayat 32 daripada surah al-Baqarah³⁶⁷.

Ringkasnya, menerusi perbincangan di atas pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam masih menggunakan metode *tafsīr bi al-ra’y* pada ayat-ayat

³⁶⁴ *Ibid.*

³⁶⁵ Mustafa Abd Rahman (1959), *Tafsīr al-Qur’ān al-Hakīm*, j. 1, c. 5, Pulau Pinang: Persama Press, h. 28.

³⁶⁶ *Ibid.*

³⁶⁷ Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 67,68, Mustafa Abd Rahman (1959), *op.cit.*, j. 1, c. 5, h. 28.

tertentu, namun penggunaan tersebut secara sederhana dan tidak meluas sebagaimana metode *tafsīr bi al-ma'thūr*.

3.3 Penggunaan Qiraat Dalam Tafsir

Seorang *mufassir* perlu memahami ilmu qiraat untuk menjelaskan makna ayat-ayat al-Qur'an dengan lebih mendalam. Oleh itu, kebanyakan *mufassir* yang lampau dan masa kini akan menjadikan qiraat sebagai salah satu metode pentafsiran mereka. Ini dapat dibuktikan apabila al-Imām al-Ṭabarī menjadikan qiraat sebagai salah satu metode pentafsiran *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān*³⁶⁸.

Al-Imām al-Syawkānī juga menuruti langkah al-Imām al-Ṭabarī yang menjadikan qiraat sebagai salah satu metode pentafsirannya melalui karyanya *Fatḥ al-Qadīr Bayna Fannay al-Riwāyah wa al-Dirāyah min 'Ilm al-Tafsīr*. Manakala Syaykh Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī turut memperkenalkan wajah qiraat mengenai ayat-ayat hukum melalui karyanya *Rawā' al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*.

Lantaran itu, sebagai seorang *mufassir* Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memahami keperluan ini lantas mendorong beliau mengguna qiraat untuk mentafsirkan beberapa ayat al-Qur'an³⁶⁹. Ini dapat dibuktikan ketika beliau

³⁶⁸ Lihat Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, Muhammad bin 'Alī al-Syawkānī (1998), *Fatḥ al-Qadīr Bayna Fannay al-Riwāyah wa al-Dirāyah min 'Ilm al-Tafsīr*, c. 1, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī (1997), *Rawā' al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 11.

³⁶⁹ Menerusi kajian ini, pengkaji telah menemui 14 ayat yang disentuh oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengenai qiraat. Data tersebut ialah: ayat 165, 208, 210, 222, 236, 260, 265, 279, 282 daripada surah al-

mentafsirkan ayat 13 daripada surah Āli ‘Imrān. Bagi menjelaskan wajah bacaan ayat *يرونهم مثلهم رأي العين*, beliau telah mendatangkan dua pandangan *Qurrā’* mengenai bacaan tersebut³⁷⁰. Menurutnya, *Qurrā’* Madinah membaca *ترونهم* dengan huruf ت iaitu dengan makna “kamu wahai orang-orang Yahudi” akan melihat bagaimana orang musyrikin yang ramai dapat dikalahkan oleh orang Islam yang sedikit. Manakala *Qurrā’* Kufah, Basrah dan setengah *Qurrā’* Mekah membaca *يرونهم مثلهم رأي العين* dengan huruf ي yang membawa maksud “mereka iaitu orang yang beriman akan melihat tentera kafir dua kali ganda bilangan mereka”³⁷¹.

Menurut Imam al-Syāṭibī pula, bacaan *ترونهم* dengan ت adalah bacaan Nāfi³⁷², manakala bacaan *يرونهم* dengan ي adalah bacaan Ibn Kathir³⁷³, Abu ‘Amr³⁷⁴, Ibn ‘Amir³⁷⁵, ‘Asim³⁷⁶, Hamzah³⁷⁷, dan al-Kisa’i³⁷⁸. Perbezaan yang terdapat

Baqarah. Manakala dalam surah Al-‘Imrān terdapat pada ayat 2, 12, 13, 19, 21 sahaja. Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 72, 311, 321, 394, 509, *Ibid.*, j. 3, h. 43, 54, 94, 122, 145, 169, 171 187, 191.

³⁷⁰ *Ibid.*, j. 3, h. 171.

³⁷¹ *Ibid.*, h. 172, lihat juga Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, h. 233, Muḥammad Fahd Khārūf (1990), *al-Muyassar fī al-Qirā‘at al-Arba‘ah ‘Asyrah*, c. 1, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, h. 51.

³⁷² Nama penuhnya ialah Nāfi‘ bin ‘Abd al-Rahmān bin Abī Nu‘aim al-Laythī berasal dari Aṣfihān dan meninggal dunia di Madinah pada tahun 169 hijrah. Lihat Mannā‘ Qaṭṭān (1998), *op.cit.*, h. 182.

³⁷³ Nama penuhnya ‘Abd Allāh bin Kathīr al-Makkī meninggal dunia di Mekah pada tahun 120 hijrah. *Ibid.*

³⁷⁴ Nama penuhnya Ziyān bin al-‘Ala bin ‘Ammār al-Mazīnī al-Basrī meninggal dunia di Kufah tahun 154 hijrah. *Ibid.*, h. 181.

³⁷⁵ Nama beliau ialah ‘Abd Allāh bin ‘Āmir al-Yaṣbī seorang hakim di Damsyik masa khalifah al-Walid bin ‘Abd al-Malik. Meninggal dunia di Damsyik pada tahun 118 hijrah. *Ibid.*, h. 182.

³⁷⁶ Nama beliau ialah ‘Āsim bin Abī al-Najwad meninggal dunia pada tahun 128 hijrah di Kufah. *Ibid.*, h. 183.

³⁷⁷ Nama penuhnya Ḥamzah bin Ḥabīb bin ‘Ammārah meninggal dunia pada tahun 156 hijrah di Ḥalawān. *Ibid.*

³⁷⁸ Nama beliau ialah ‘Alī bin Ḥamzah al-Kisā’i meninggal dunia pada tahun 189 hijrah. *Ibid.*

pada qiraat tersebut memberi kesan kepada pentafsiran al-Qur'an. Oleh itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mentafsir ayat tersebut dengan makna yang berbeza.

Melalui penelitian pengkaji, perbezaan tersebut hanya berlaku dari aspek *taṣrīf* (pecahan huruf). Huruf ت menunjuk kepada makna *al-mukhāṭab* (diri kedua). Manakala huruf ي pula memberi faham makna *al-ghā'ib* (diri ketiga). Justeru itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menghuraikan makna ترونهم dituju kepada kamu iaitu orang Yahudi, sebaliknya يرونهم bermakna mereka iaitu orang-orang beriman.

Ringkasnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menggunakan qiraat sebagai metode pentafsiran dalam karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati apa yang dimaksud oleh beliau *qurrā'* Madinah itu ialah Nāfi' dan *qurrā'* Kufah, Basrah, dan sebahagian Mekah adalah qiraat selain Nāfi'.

3.4 Tumpuan Terhadap *Mufrādāt Alfāz Al-Qur'ān*

Ilmu mengenai *mufrādāt alfāz al-Qur'ān* (daftar kata atau *table of word*) tidak dinafikan sangat penting untuk memahami sesuatu teks al-Qur'an. Menurut al-Aṣfihānī, mengetahui makna *mufrādāt alfāz al-Qur'ān* sangat penting kerana ia dapat membantu untuk memahami teks al-Qur'an dengan lebih jelas³⁷⁹. Lantaran itu, beliau telah menghasilkan kamus *Mu'jam Mufrādāt Alfāz al-Qur'ān* sebagai alat untuk mengetahui teks al-Qur'an dengan lebih baik.

³⁷⁹ Al-Ḥusayn bin Muḥammad bin al-Mufaddil al-Aṣfihānī (2006), *Mu'jam Mufrādāt Alfāz al-Qur'ān*, c. 1, Dār al-Fikr, h. 8.

Oleh kerana peranan *mufrādāt alfāz al-Qur'ān* sangat besar untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an, ia telah mendorong Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memberi tumpuan terhadap perkara tersebut. Lantaran itu, beliau akan menjelaskan daftar kata kalimah al-Qur'an sama ada dari sudut bahasa atau istilah syara' bagi mentafsirkan ayat-ayat tertentu.

Sebagai contoh ketika beliau menjelaskan makna الصلاة yang terdapat pada ayat³⁸⁰ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ adalah menerusi daftar kata kalimah tersebut dari aspek bahasa dan istilah. Menurutnya, الصلاة dari sudut bahasa ialah doa, dan الصلاة yang dikehendaki di dalam ayat ini ialah beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam serta memenuhi beberapa syarat yang tertentu³⁸¹. Justeru, penjelasan mengenai makna الصلاة di sini ialah sembahyang sebagaimana yang difahami oleh seorang muslim mengenai rukun Islam yang kedua bukan sebagai doa. Jelasnya ketika beliau menghuraikan makna الصلاة tersebut adalah menerusi makna daftar kata yang lengkap dari aspek bahasa dan istilah syara'.

Manakala contoh yang kedua pula adalah mengenai daftar kata خَتَمَ sebagaimana yang terdapat pada ayat 7 daripada surah al-Baqarah. Dalam hal ini, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menyatakan³⁸²:

خَتَمَ asal maknanya cap yang telah dicapkan ke atas segala bekas-bekas, bungkus-bungkus dan sarung-sarung. Maka segala hati hamba Allah itu ialah beberapa bekas, beberapa bungkus dan beberapa sarung bagi menerima segala ilmu pengetahuan dan bagi menempatkan segala

³⁸⁰ Surah al-Baqarah (2): 3.

³⁸¹ Abd Aziz Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 16, 17.

³⁸² *Ibid.*, j. 1, h. 23.

makrifah pengenalan yang didapati daripada nasihat-nasihat dan ajaran dengan menerusi segala pendengaran dan penglihatan dan tutur bahasa.

Menerusi kenyataan di atas beliau menyebut bahawa asal makna *خَتَمَ* dari sudut bahasa ialah cop yang biasa digunakan untuk pengesahan sesuatu bungkusan dan sebagainya. Bagi menjelaskan dengan lebih mendalam makna *خَتَمَ* beliau telah memberi perumpamaan hati manusia sebagaimana bungkusan yang boleh memuatkan ilmu, nasihat, dan ajaran melalui pendengaran dan penglihatan³⁸³. Oleh itu, hati manusia sentiasa terbuka dan boleh menerima pengajaran dan nasihat sebagaimana bungkusan yang sentiasa terbuka untuk diisi dengan pelbagai barang.

Sebaliknya, pendengaran dan penglihatan orang-orang kafir telah dicop dengan suatu tutupan yang dinamakan sebagai *al-Rayn*. Oleh itu, hati mereka tidak dapat diisi dengan ilmu, nasihat, dan pengajaran kerana tutupan tersebut³⁸⁴. Menurutny, tutupan tersebut bersifat dosa dan kesalahan yang mereka lakukan³⁸⁵.

Melalui contoh di atas dapat difahami bahawa kecenderungan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mentafsirkan teks al-Qur'an menerusi kaedah huraian terhadap *mufrādāt alfāz al-Qur'ān* sangat menarik. Ini memberi suatu gambaran bahawa beliau telah memberi tumpuan yang sewajarnya terhadap *mufrādāt alfāz al-Qur'ān* sebagai metode pentafsiran *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*.

³⁸³ *Ibid.*

³⁸⁴ *Ibid.*

³⁸⁵ *Ibid.*

3.5 Memberi Ruang Kepada *Tafsīr al-‘Ilmi*

Tafsīr ‘ilmi bermaksud metode pentafsiran yang membincangkan ayat-ayat *kawniyyāt* yang terdapat dalam al-Qur’an. Metode ini digunakan adalah berpandukan teori-teori dan penemuan-penemuan sains yang dikaji pada zaman selepas penurunan al-Qur’an. Hasil kajian tersebut ia berjaya menemukan fakta-fakta saintifik sebagaimana termaktub di dalam al-Qur’an. Sedangkan fakta-fakta tersebut pada masa penurunannya masih belum diketahui³⁸⁶.

Justeru itu, ia menjadi bukti bahawa al-Qur’an bukan ciptaan Nabi s.a.w tetapi ia adalah wahyu Allah s.w.t³⁸⁷. *Tafsīr ‘ilmi* sangat penting untuk diketengahkan sebagai metode pentafsiran. Kerana melalui metode *tafsīr ‘ilmi*, ayat-ayat *kawniyyāt* yang terdapat di dalam al-Qur’an dapat membuktikan keesaan Allah s.w.t melalui fakta sains. Secara tidak langsung ia dapat membuktikan al-Qur’an adalah kitab mukjizat yang diturunkan kepada nabi akhir zaman. Selain itu, ia mampu digunakan sebagai senjata menolak hujah golongan anti agama yang mengingkari kewujudan Allah s.w.t³⁸⁸.

Lantaran itu, sebagai seorang *mufassir* Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berjaya mengambil ruang dengan memasukkan metode *tafsīr ‘ilmi* dalam karya *al-Bayan Pada Ta’wil Ayat-ayat al-Qur’an*. Namun, bentuk *tafsīr ‘ilmi* yang

³⁸⁶ Mazlan bin Ibrahim (2002), *Sejarah dan Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy*, c. 1, Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 17, 18, lihat juga Zaghūl Rāghib Muḥammad al-Najārah (2005), *al-Samā’ fī al-Qur’ān al-Karīm*, c. 1, Bierut: Dar al-Ma’rifah, h. 30.

³⁸⁷ *Ibid.*

³⁸⁸ Mazlan bin Ibrahim (2002), *op.cit.*, c. 1, 23.

dikemukakan oleh beliau menjurus kepada penjelasan dalam bentuk sains kuno. Ini dapat dibuktikan melalui pentafsiran ayat 22 daripada surah al-Baqarah, iaitu firman Allah s.w.t: ... وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ... ertinya: "...dan Ia telah menurunkan air hujan dari langit, lalu Ia mengeluarkan dengan air itu pelbagai jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu..."³⁸⁹. Bagi menjelaskan ayat tersebut, beliau menyatakan³⁹⁰:

“Diturunkan hujan daripada langit. Pada langit itu beberapa awan, maka dengan kuasa Allah bila-bila berkehendak ia menaburkan rezeki kepada sekelian makhlukNya di bumi, dijadikannya awan itu bunting, membuntingkan air. Awan itu pun berlaga di antara satu sama lain dan terus meletup jadi halilintar dengan kilat api menyambar, maka air hujan pun turun dengan banyaknya daripada celah-celah awan yang tebal itu, dan jatuh ke bumi dibuat minum, mandi, membasuh oleh manusia dan segala binatang-binatang yang bernyawa, penyubur segala tanaman-tanaman dan menjadikan segala tiap-tiap suatu yang hidup...”

Menerusi kenyataan di atas Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menjelaskan mengenai proses air hujan yang diturun oleh Allah s.w.t daripada langit. Menurutnya, awan yang mengandungi air hujan berlaga antara satu sama lain sehingga pecah lalu mengeluarkan air. Akibat daripada awan yang berlaga tersebut ia telah mengeluarkan bunyi yang kuat yang dikenali sebagai halilintar.

Melalui analisis pengkaji, pentafsiran yang dikemukakan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengenai proses air hujan menyamai pentafsiran Imam al-Rāzī³⁹¹. Apa yang menarik terhadap pentafsiran tersebut ialah mengenai fakta halilintar yang dikira bercanggah dengan fakta sains moden. Dalam sains moden

³⁸⁹ Abdullah Basmieh (1999), *op.cit.*, c. 10, h. 13.

³⁹⁰ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 47.

³⁹¹ Fakhr al-Dīn bin Dīā' al-Dīn al-Rāzī (t.t), *op.cit.*, h. 80.

halilintar adalah proses nyahcas elektrik di ruang atmosfera, bukan disebabkan oleh awan yang berlaga antara satu sama lain³⁹².

Justeru, fakta sains yang dikemukakan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam adalah fakta sains yang lampau sebagaimana terdapat dalam kitab tafsir terdahulu seperti *Tafsīr Mafātih al-Ghāyb*. Ekoran daripada itu, ruang *tafsīr ‘ilmi* yang diguna oleh beliau agak berbeza dengan sains moden. Selain pentafsiran mengenai ayat di atas, beliau juga ada menyentuh mengenai البرق dan الرعد pada ayat 19 dan kejadian alam pada ayat 164 dari surah al-Baqarah³⁹³.

3.6 Kesimpulan

Kepelbagaian metode pentafsiran yang ditonjol oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menunjukkan kemantapan ilmu tafsir yang dimilikinya. Namun, pengkaji mengamati metode *tafsīr bi al-ma’thūr* lebih menyerlah berbanding dengan metode-metode lain. Menerusi metode tafsir al-Qur’an dengan hadith yang beliau garapkan dalam karya ini berjaya mempamerkan peranan hadith sebagai pentafsir kepada al-Qur’an. Cara beliau memetik hadith bersama sanadnya dari sumber yang muktabar jarang terdapat dalam karya-karya tafsir ulama di Malaysia.

Selain metode *tafsīr bi al-ma’thūr* beliau juga membei penumpuan terhadap bahasa Arab dari pelbagai aspek. Namun, aspek yang menjadi perhatian beliau ialah aspek huraian terhadap *mufradāt alfāz al-Qur’ān*. Ringkasnya, Syaykh Abd Aziz bin

³⁹² Lihat <http://ms.wikipedia.org/wiki/kilat> di akses pada 7.5.2010.

³⁹³ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 41, j. 2, h. 68.

Abd Salam telah berjaya menyumbang pelbagai metode pentafsiran menerusi karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* kepada pengajian tafsir di Malaysia.

**SUMBANGAN PEMIKIRAN ABD AZIZ BIN ABD SALAM
DALAM AL-BAYAN PADA TA'WIL AYAT-AYAT AL-QUR'AN**

4.0 Pendahuluan

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seorang *mufassir* yang mempunyai idea dan buah fikiran untuk disumbangkan kepada masyarakat. Menerusi kajian ini, bentuk-bentuk sumbangan pemikiran beliau yang terdapat dalam karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* akan diselidiki oleh pengkaji secara ilmiah. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berhubung dengan persoalan-persoalan akidah, fiqh, isu-isu pengajian al-Qur'an, isu-isu pengajian hadith, persoalan kemasyarakatan, dan sebagainya.

4.1 Pemikiran Akidah

Teras utama ajaran Islam berpaksikan kepada akidah. Wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w menjurus kepada pembentukan akidah yang sahih³⁹⁴. Sebagai contoh, ayat-ayat *Makiyyah* hampir keseluruhannya menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keimanan³⁹⁵. Justeru itu, para *mufassir* sangat berhati-hati ketika menjelaskan ayat-ayat yang mempunyai pertalian dengan persoalan akidah. Lebih khusus lagi apabila membincangkan ayat-ayat *mutasyābihāt* seperti *al-*

³⁹⁴ Mohd Razi Othman *et al.* (2003), *Warisan al-Quran Peradaban Manusia*, j. 1, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 78.

³⁹⁵ Mannā' Qaṭṭān (1998), *op.cit.*, h. 63, Ṣubḥī Ṣāleh (2000), *op.cit.*, h. 183, 'Abd Allāh Yūsuf al-Judayī' (2001), *op.cit.*, h. 58, Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, h. 205.

istiwā', *wajh*, *al-yad* dan sebagainya. Selain itu, *mufassir* perlu menjelaskan bentuk-bentuk aliran yang menyeleweng daripada Ahli Sunnah wa Al-Jamaah. Kerana banyak penyelewengan akidah berlaku akibat pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an menurut hawa nafsu³⁹⁶.

Secara asasnya untuk mengetahui sumbangan pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam bidang akidah sudah pasti melalui karya tauhidnya. Namun, pengkaji tidak pernah menjumpai karya tauhid beliau (jika ada) selain tafsir ini. Sehubungan dengan itu, untuk mengetahui secara terperinci sumbangan pemikiran beliau dalam bidang akidah agak sukar. Walaupun begitu, pengkaji akan menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan persoalan tauhid menerusi karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* untuk mengetahui sumbangan pemikiran beliau, antaranya:

4.1.1 Mempertahankan Akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seorang *mufassir* aliran Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Menerusi analisis pengkaji, sikap beliau terhadap aliran tersebut adalah jelas dan konsisten. Oleh itu, beliau akan mempertahankan pandangan aliran ini jika bertembung dengan pandangan golongan Muktazilah dan lain-lain. Ini dapat

³⁹⁶ Sebagai contoh ialah golongan anti hadith yang mentafsirkan ayat 22 daripada surah al-Hajj. Penyelewengan yang berlaku dalam pentafsiran mereka ialah tentang kedudukan Nabi s.a.w hanya sebagai pengikut kepada Nabi Ibrahim a.s bukan seorang utusan Allah. Golongan ini mengatakan bahawa amalan solat, puasa, zakat dan sebagainya adalah daripada ajaran Nabi Ibrahim a.s sedangkan Nabi Muhammad s.a.w menurut sahaja. Hujjah yang dikemukakan oleh mereka sebagai alasan untuk menolak hadith Nabi s.a.w. Sebenarnya ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah s.w.t tidak menjadi agama Islam ini sebagai agama yang sempit dan sukar untuk diamalkan sebagaimana Allah juga meluaskan syariat Nabi Ibrahim a.s. Lihat Mohd Razi Othman *et al.* (2003), *Warisan al-Quran Sosio Budaya*, j. 2, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 76-82.

dibuktikan menerusi isu persoalan melihat Allah s.w.t di akhirat³⁹⁷. Dalam hal ini, Ahli Sunnah wa al-Jamaah³⁹⁸ sangat konsisten mengenai isu melihat Allah s.w.t oleh penghuni Syurga di akhirat.

Pendirian ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh pendokong-pendokong aliran Ahli Sunnah wa al-Jamaah seperti Imam al-Ṭahāwī³⁹⁹, Abū al-Ḥasan al-Asy‘arī⁴⁰⁰, Syaykh Muḥammad ‘Abduh⁴⁰¹ dan lain-lain⁴⁰². Menurut pendapat Ahli Sunnah wa al-Jamaah, ahli Syurga boleh melihat Allah s.w.t di akhirat kelak menerusi dalil-dalil daripada al-Qur’an dan hadith Nabi s.a.w. Antara dalil tersebut

³⁹⁷ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

³⁹⁸ Dinamakan sebagai Ahli Sunnah wa al-Jamaah kerana pegangan pengikut Nabi Muhammad s.a.w yang terdiri daripada sahabat, tabi‘in dan pengikut mereka itu menurut apa yang terkandung di dalam al-Qur’an dan Sunnah Nabi s.a.w dalam semua dasar Islam. Mereka juga menolak sebarang penyelewengan terhadap al-Qur’an dan Sunnah Nabi s.a.w dalam semua keadaan. Lihat Māni‘ bin Ḥammad al-Jahni‘ *et al.* (2003), *op.cit.*, h. 36-45.

³⁹⁹ Beliau ialah Abū Ja‘far Aḥmad bin Muḥammad bin Salamah al-Ṭahāwī dilahirkan pada tahun 239 Hijrah di sebuah kampung yang bernama Ṭaḥa dalam Negeri Mesir. Pada asalnya beliau beraliran fiqh al-Syafi‘i kemudian bertukar kepada fiqh al-Hanafi. Beliau meninggal dunia pada tahun 321 Hijrah dan dikebumikan di Kaherah, Mesir. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1980), *al-A‘lām*, j. 1, c. 5, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 206.

⁴⁰⁰ Nama beliau ‘Alī bin Ismā‘īl bin Ishāq dilahirkan pada tahun 260H di Kota Baṣrah. Merupakan pengasas kepada mazhab al-Asyā‘irah dan imam ahli kalam. Pada asalnya beliau beraliran madhhab mu‘tazilah kemudian dia berpaling terus kepada Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Banyak menghasilkan karya sehingga berjumlah 300 buah buku. Antara karya yang masyhur pernah dihasilkan ialah “*al-Ibanah ‘An Usul al-Dīyanah*”. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1980), *op.cit.*, j. 4, h. 263.

⁴⁰¹ Nama penuh beliau ialah Muḥammad ‘Abduh bin Ḥasan Khayr Allāh al-Tirkamāni dilahirkan pada tahun 1849M di Kampung Mahallat Nasr, daerah Buhairah Mesir. Memulakan pendidikan di Masjid al-Aḥmadī di Tanta kemudian meneruskan pengajian ke Universiti al-Azhar di Kaherah dalam bidang tasawwuf dan falsafah. Pernah dibuang ke Syam kerana penentangannya terhadap kerajaan dan semasa berada di Syam beliau telah musafir ke Perancis lalu bertemu dengan gurunya Syaykh Jamal al-Dīn al-Afghānī. Di Perancis beliau menerbitkan majalah ‘*al-urwah al-wuthqa*’ bagi meniup semangat reformis. Dibenarkan kembali ke Mesir pada tahun 1888M lalu menjawat sebagai hakim dan mufti Mesir pada tahun 1899. Meninggal dunia di Iskandariyah pada tahun 1905M dan dikebumikan di Kaherah. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1980), *op.cit.*, j. 6, h. 252, Zulkifli Mohd Yusoff (2007), *Muhammad Abduh Pengaruhnya Kepada Pembaharuan Politik Islam Di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sd. Bhd., h. 1-17.

⁴⁰² ‘Alī bin ‘Alī bin Muḥammad bin Abī al-‘Iz al-Dimaysqī (1992), *Syarḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, j. 1, c. 3, Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān, h. 163, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Asy‘arī (1992), *al-Ibānah ‘an Usūl al-Dayānah*, c. 1, Kaherah: Dār al-Da‘wah al-Salafiah, h. 68-100, Muḥammad ‘Abduh (t.t.), *Risālah al-Tawḥīd*, Kaherah: Dār al-Rasyād al-Ḥadīthah, h. 155.

ialah firman Allah s.w.t: *إِلَى رَبِّهَا نَاظِرَةٌ* ، *وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاصِرَةٌ* yang bermaksud: “Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; Melihat kepada Tuhannya”⁴⁰³.

Namun begitu, golongan Muktazilah⁴⁰⁴ tetap menolak pendapat Ahli Sunnah wa al-Jamaah tersebut. Mereka menyatakan bahawa manusia sekali-kali tidak akan dapat melihat Allah s.w.t sama ada di dunia atau di akhirat⁴⁰⁵. Menurut al-Zamakhsyari⁴⁰⁶, mustahil melihat Allah s.w.t dengan mata kerana penglihatan melalui mata mempunyai sisi iaitu sama ada ke atas, bawah, kanan, kiri dan sebagainya⁴⁰⁷. Justeru, zat Allah s.w.t tidak mempunyai sisi sebagaimana jasad manusia yang dapat dilihat secara *iḥāṭah*⁴⁰⁸.

⁴⁰³ Sūrah al-Qiyāmah (75): 22,23.

⁴⁰⁴ Muncul kumpulan ini di akhir Kerajaan Umawiyah dan berkembang pesat pada zaman Kerajaan ‘Abasiyah. Terdapat percanggahan pendapat ulama sebab kemunculan kumpulan Muktazilah ini. Pendapat yang masyhur di kalangan ulama ialah hasil daripada percanggahan pandangan antara Wāṣil bin ‘Aṭā’ dan al-Ḥasan al-Baṣrī berkaitan dengan mereka yang melakukan dosa besar. Wāṣil bin ‘Aṭā’ berkata mereka berada di antara Syurga dan Neraka. Ekoran daripada itu al-Ḥasan al-Baṣrī meminta beliau keluar daripada majlis ilmunya. Kumpulan Mu‘tazilah banyak menggunakan akal ketika berhujah berkaitan perkara yang bersangkutan dengan akidah kerana terkesan dengan falsafah Yunan. Lihat Mānī‘ bin Ḥammad al-Jahñī *et al.* (2003), *op.cit.*, h. 64 – 74.

⁴⁰⁵ ‘Alī bin ‘Alī bin Muḥammad bin Abī al-‘Iz al-Dimaysqī (1992), *Syarḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, j. 1, c. 3, Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān, h. 163.

⁴⁰⁶ Nama penuhnya Maḥmūd bin ‘Umar bin Muḥammad bin Aḥmad al-Khawārizmī al-Zamakhsyarī dilahirkan pada tahun 367H di Zamakhsyar. Beliau musafir ke Mekah untuk mendalami ilmu di sini dalam suatu tempoh yang panjang sehingga menyebabkan beliau digelar sebagai Jār Allāh (jiran Allah). Beliau ialah seorang ulama yang mahir dalam bidang agama, tafsir, bahasa dan sastera. Karya beliau yang masyhur ialah tafsir *al-Kasyāf ‘an Ḥaqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Beliau meninggal dunia di kampung al-Jarjaniyyah pada tahun 538H. Lihat Khayr al-Dīn al-Rizikī (1980), *op.cit.*, j. 7, h. 178.

⁴⁰⁷ Jār Allah Abī al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsyarī (1998), *al-Kasyāf ‘an Ḥaqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, j. 2, c. 1, al-Riyāḍ: Maktabah al-‘Ainkān, h. 383,527.

⁴⁰⁸ *Ibid.*

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menolak pendapat al-Zamakhsharī tersebut. Lantaran itu beliau menyatakan bahawa melihat Allah s.w.t bukan dalam bentuk *iḥāṭah* sebagaimana seorang melihat kepada sesuatu benda. Menurutny⁴⁰⁹:

Adapun melihat Allah dengan *iḥāṭah* (meliputi sekalian zatNya) telah dinafikan Allah: tiada boleh di dalam dunia dan tiada di dalam akhirat seperti katanya⁴¹⁰ (ولا يحيطون بعلمه إلا بما شاء) ertinya dan tiada diliputi dengan berilmunya (Allah) melainkan dengan kadar yang dikehendakiNya”.

Menerusi kenyataan di atas jika melihat Allah s.w.t secara *iḥāṭah* sudah pasti manusia tidak mampu melakukannya. Oleh itu, orang beriman dapat melihat Allah s.w.t di dalam Syurga kelak adalah kurniaanNya semata-mata bukan penglihatan secara *iḥāṭah* sebagaimana kefahaman Muktazilah. Justeru, manusia tidak perlu untuk menggambarkan cara dan kaedah melihat Allah s.w.t menerusi akal mereka⁴¹¹. Menurutny lagi, ayat 22 dan 23 daripada surah al-Qiyāmah tersebut dengan jelas menyatakan bahawa Allah s.w.t dapat dilihat oleh orang beriman di dalam Syurga. Ekoran daripada itu, ianya perlu diserahkan kepada Allah s.w.t dan RasulNya s.a.w akan lebih selamat daripada membuat pelbagai andaian menurut logik akal⁴¹².

Selain daripada pendapat Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tersebut terdapat beberapa hujah lain yang mampu menolak pendapat golongan Muktazilah. Antaranya

⁴⁰⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

⁴¹⁰ Surah al-Baqarah (2) : 255. Teks ayat 255 daripada surah al-Baqarah yang disalin oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tidak tepat. Beliau hanya menulis ولا يحيطون بعلمه إلا بما شاء tanpa ada perkataan من بشئ seperti terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 255. Pengkaji membuat penelitian terhadap ayat tersebut dengan mendapati ianya hanya terdapat pada ayat 255 dalam surah al-Baqarah dengan tulisan ولا يحيطون بشئ من علمه إلا بما شاء. Namun, terdapat pada ayat 110 dalam surah Tāhā yang hampir menyamai dengan ayat 255 daripada surah al-Baqarah cuma tiada perkataan بما شاء. Ayat tersebut ialah ولا يحيطون به علما. Justeru, pengkaji menyakini apa yang dikehendaki oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ialah ayat 255 daripada surah al-Baqarah.

⁴¹¹ ‘Alī bin ‘Alī bin Muḥammad bin Abī al-‘Iz al-Dimaysqī (1992), *op.cit.*, j. 1, h. 163.

⁴¹² *Ibid.*

buah fikiran yang bernas daripada Imam Abū Ḥasan al-Asy‘arī. Menurutnya, zat Allah s.w.t adalah zat yang *mawjūd* (ada) bukan zat yang *ma‘dūm* (tiada). Oleh yang demikian, jika sesuatu yang *ma‘dūm* (tiada) sudah pasti mustahil untuk melihatnya, namun zat Allah s.w.t adalah zat yang *mawjūd* (ada), seharusnya suatu yang *mawjūd* adalah dapat dilihat⁴¹³. Justeru, bukan suatu yang mustahil bagi orang beriman melihat Allah s.w.t di akhirat kelak kerana memang zatNya *wājib al-wujūd*.

Perbahasan melihat Allah s.w.t adalah antara perbahasan utama dalam pengajian Uṣūl al-Dīn⁴¹⁴. Perkara ini telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh ulama aliran Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam kitab-kitab mereka bagi menolak dakwaan batil golongan Muktazilah dan mereka yang sealiran dengannya.

Ringkasnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berusaha mempertahankan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam persoalan melihat Allah s.w.t dengan menolak aliran akidah Muktazilah. Selain itu, beliau juga menentang aliran Jahmiyyah ketika mentafsirkan ayat 8 surah al-Baqarah, menolak konsep trinititi ketika mentafsirkan ayat 1 surah Ali ‘Imran, dan lain-lain⁴¹⁵.

⁴¹³ Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Asy‘arī (1992), *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Dayānah*, c. 1, Kaherah: Dār al-Da‘wah al-Salafiah, h. 68-100.

⁴¹⁴ ‘Alī bin ‘Alī bin Muḥammad bin Abī al-‘Iz al-Dimaysqī (1992), *op.cit.*, j. 1, h. 163.

⁴¹⁵ Antara isu akidah yang disentuh oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ialah mengenai syafaat Nabi s.a.w kepada umatnya pada hari akhirat ketika mentafsir ayat 48 surah al-Baqarah, mengenai kewujudan alam barzakh ketika mentafsir ayat 154 surah al-Baqarah, menjelaskan konsep al-Waḥdāniyyah ketika mentafsir ayat 163 surah al-Baqarah, dan menolak fahaman Qadariyyah ketika mentafsirkan ayat 233 surah al-Baqarah. Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 28, 104, *Ibid.*, j. 2, h. 42, h. 61, h. 486, *Ibid.*, j. 3, h. 144.

4.1.2 Cermat Dalam Pentafsiran Ayat *al-Mutasyābihāt*

Ayat-ayat mengenai sifat anggota yang dikaitkan dengan Allah s.w.t seperti mata, wajah, tangan, kaki, duduk, turun atau sifat-sifat perasaan seperti malu, ketawa, berlari, dan lain-lain⁴¹⁶ dikenali sebagai ayat *mutasyābihāt*⁴¹⁷. Selain itu, huruf-huruf *muqatta'ah* juga termasuk di dalam kategori ayat-ayat *mutasyābihāt*. Justeru, terdapat dua pendekatan di kalangan ulama bagi menyelesaikan persoalan tersebut.

Pendekatan pertama adalah pendekatan *tafwīd* iaitu menyerah hakikat sebenarnya kepada Allah s.w.t. Pendekatan ini dipegang oleh kebanyakan aliran *salaf* seperti gambaran daripada ungkapan Imam Malik apabila ditanya kepadanya mengenai makna *istiwā'* yang terdapat pada ayat 45 daripada surah al-A'raf, lalu beliau menjawab: “الاستواء معلوم، والكيف مجهول” ertinya: *istiwā'* itu dapat difahami maknanya, namun kaedahnya tidak diketahui⁴¹⁸.

Manakala pendekatan yang kedua pula lebih cenderung kepada *ta'wīl* bagi menyelamatkan pemahaman umat Islam dari terpesong dan terjerumus dalam perangkap *tasybīh* dan *tajsim*⁴¹⁹. Pendekatan ini dipegang oleh aliran *khalaf* seperti

⁴¹⁶ Mohd Farid Mohd Shahrān (2009), “Asas-Asas Akliyah Dalam Teologi Islam: Analisa Terhadap Beberapa Pemikiran Kalam Fakhr al-Din al-Razi” (Kertas Kerja Seminar Sains Dan Teknologi Dalam Tamadun Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 21 Februari 2009), h. 8.

⁴¹⁷ Di dalam surah Āli 'Imrān ayat 7 Allah s.w.t ada menyatakan bahawa Dia menurunkan al-Kitāb yang terdapat padanya ayat-ayat *Muḥkamāt* iaitu *Umm al-Kitāb* dan ayat-ayat *Mutasyābihāt*. Syaykh Muṣṭafā al-Marāghī membahagikan ayat-ayat mutasyābihāt kepada dua bahagian; pertama suatu lafaz yang digunakan menyalahi akal lalu berlaku kekeliruan untuk menentukan seperti *istiwā'* di atas 'arasy, kedua perkara yang hanya diketahui oleh Allah s.w.t daripada urusan akhirat. Lihat Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (1998), *Tafsīr al-Marāghī*, j. 1, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 455.

⁴¹⁸ Lihat 'Alī bin 'Alī bin Muḥammad bin Abī al-'Iz al-Dimaysqī (1992), *op.cit.*, j. 2, h. 541.

⁴¹⁹ *Ibid.*

pentafsiran Imam al-Nasafi mengenai *istiwā'* yang membawa maksud memerintah atau menguasai⁴²⁰.

Dalam hal ini, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dilihat sangat berhati-hati untuk mentafsirkan ayat *mutasyābihāt*. Sebagai contoh ketika beliau mentafsirkan ayat mengenai *istiwā'* yang terdapat pada ayat 29 surah al-Baqarah. Melalui analisis pengkaji, beliau telah menterjemahkan dengan sedikit huraian makna *istiwā'* kepada tiga makna yang berlainan, iaitu; Allah s.w.t menghadap ke langit, Allah berbuat sesuatu dengan kehendakNya,⁴²¹ dan Allah Maha Tertinggi sebagai pencipta dan pemerintah⁴²². Menerusi terjemahan tersebut, pengkaji berpendapat bahawa beliau mendatangkan tiga makna yang berlainan supaya tidak timbul kekeliruan mengenai perkataan *istiwā'* yang menjadi polimik antara aliran *salaf* dan *khalaf*.

Lantaran itu, pengkaji berpendapat dengan menggunakan makna 'menghadap ke langit' adalah lebih cenderung kepada tafsiran *salaf* sebagaimana pentafsiran yang telah dilakukan oleh A. Hasan⁴²³. Manakala makna yang lain dilihat lebih condong kepada tafsiran *khalaf*. Ini dapat dibuktikan melalui terjemahan daripada *Tafsir Pimpinan al-Rahman, Tafsir al-Qur'an al-Karim* dan lain-lain⁴²⁴. Kedua *mufasssir*

⁴²⁰ 'Abd Allāh bin Ahmad al-Nasafī (t.t), *Tafsīr al-Nasafī*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 48, Sirajuddin Abbas (1980), *Masaalah Agama*, j. 6, c. 1, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 188.

⁴²¹ Huraian Allah berbuat suatu dengan kehendaknya adalah analisis pengkaji mengenai perkataan 'menyengaja'. Menurut Kamus Dewan, sengaja dengan maksud berbuat suatu dengan sengaja. Oleh itu, apa yang dapat difahami daripada perkataan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tersebut bahawa Allah s.w.t melakukan suatu dengan *irādah*Nya iaitu kehendakNya. Lihat Teuku Iskandar *et al.* (2002), *op.cit.*, c. 7, h. 1241.

⁴²² Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 61.

⁴²³ A. Hasan (1999), *Al-Furqān Tafsir Qur'an*, c. 5, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 9.

⁴²⁴ Abdullah Basmieh (t.t), *op.cit.*, h. 16, Mahmud Yunus (t.t), *op.cit.*, h. 7.

tersebut menterjemahkan makna *istiwā'* kepada makna memerintah dan menuju dengan kehendaknya. Justeru, pengkaji merasakan pendekatan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam agak cermat kerana berjaya meraikan pandangan aliran *salaf* dan *khalaf*.

Manakala persoalan berkaitan huruf-huruf *muqatta'ah* pula, pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam cenderung menta'wilkan huruf-huruf tersebut. Ini dapat dibuktikan apabila beliau telah menta'wilkan Alif Lām Mīm yang terdapat pada awal surah al-Baqarah dan surah Ali 'Imran⁴²⁵. Beliau telah memetik pandangan Ibn 'Abbas, Mujahid, Zayd bin Aslam dan sebagainya mengenai pentafsiran huruf-huruf tersebut⁴²⁶. Sedangkan huruf *muqatta'ah* termasuk di dalam kategori ayat-ayat *mutasyābihāt*. Kebanyakan *mufassir* mengambil sikap menyerah makna tersebut kepada Allah s.w.t sebagaimana sikap Saidina Abu Bakar, Saidina 'Umar, Saidina 'Uthman dan lain-lain sahabat r.a⁴²⁷.

Justeru, pengkaji dapat membuat satu kesimpulan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam begitu cermat mentafsirkan ayat-ayat *mutasyābihāt* yang mempunyai hubungan sifat anggota yang dikaitkan dengan Allah s.w.t⁴²⁸. Sebaliknya beliau agak terbuka untuk menta'wilkan huruf-huruf *muqatta'ah* yang tidak dikaitkan dengan sifat anggota walaupun ianya termasuk di dalam kategori ayat-ayat *mutasyābihāt*.

⁴²⁵ Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 61, *Ibid.*, j. 3, h. 139.

⁴²⁶ *Ibid.*, j. 1, h. 11, 12.

⁴²⁷ Muhammad bin 'Alī al-Syawkānī (1998), *op.cit.*, h. 41.

⁴²⁸ Selain itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menjelas makna olok-olok ketika mentafsirkan ayat 15 surah al-Baqarah dengan teliti dan mudah difahami sehingga dapat mengelak daripada kekeliruan. Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 35, 36.

4.2 Pemikiran Fiqh

Terdapat beberapa corak pentafsiran fiqh dalam karya-karya tafsir al-Qur'an. Sebahagian *mufasssir* hanya mentafsir ayat-ayat hukum sahaja bukan keseluruhan al-Qur'an seperti tafsir *Rawā' al-Bayān Tafsiṛ Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Syaykh Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī⁴²⁹. Terdapat juga dalam kalangan *mufasssir* yang mentafsirkan ayat-ayat hukum tetapi menurut urutan surah iaitu bermula surah al-Fātiḥah hingga al-Nās seperti tafsir *Aḥkām al-Qur'ān* karangan Ibn al-'Arabī⁴³⁰. Namun, kebanyakan metodologi *mufasssir* adalah mentafsirkan keseluruhan 30 juzuk al-Qur'an dan mengupas persoalan fiqh pada ayat-ayat tertentu mengenai hukum sahaja⁴³¹. Dalam hal ini, pengkaji melihat Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menggunakan metode pentafsiran corak ini ketika mengupas ayat-ayat hukum dan persoalan fiqh.

⁴²⁹ Beliau merupakan seorang pensyarah di Kuliah Syari'ah dan Pengajian Islam Makkah al-Mukarramah, Arab Saudi. Karya tafsir *Rawā' al-Bayān fī Tafsiṛ Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* merupakan himpunan ayat-ayat hukum yang dikumpul dalam bentuk silibus akademik di Universiti. Karya unggul ini mempuyai dua jilid mengandungi 40 tajuk dalam jilid pertama dan 30 tajuk dalam jilid kedua. Walaupun karya ini lebih focus kepada pentafsiran ayat-ayat ahkam, namun pengarang tidak mengabaikan aspek metodologi pentafsiran ulama silam khususnya aspek bahasa, i'rāb, qirā'at, asbāb al-nuzūl, munāsabāt dan lain-lain. Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī (1997), *op.cit.*, j. 1, h. 11.

⁴³⁰ Corak ini sebagaimana yang dihasilkan oleh Ibn al-'Arabī melalui hasil karyanya *Aḥkām al-Qur'ān*. Menurut Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī corak pentafsiran Ibn al-'Arabī ialah dengan memperkenalkan setiap surah, kemudian beliau akan mentafsirkan sejumlah ayat yang ada hubungkiat dengan hukum. Setiap ayat beliau akan nyatakan beberapa persoalan sama ada lima, tujuh dan sebagainya. Karya tafsir ini dianggap sebagai sumber kepada madhhab al-Malikī kerana kecenderang yang sangat mendalam pengarangnya terhadap madhhab al-Malikī. Sila lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 2, h. 483-492, Muḥammad bin 'Abd Allāh al-'Arabī (t.t), *Aḥkām al-Qur'ān*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3,4.

⁴³¹ Kebanyakkan *mufasssir* menggunakan corak ini iaitu kupasan terhadap persoalan fiqh hanya berlaku pada ayat ahkam sahaja seperti ayat wudu', hukum hudud dan lain-lain lagi. Kupasan tersebut tidak terlalu terperinci kecuali beberapa karya tafsir seperti *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* oleh al-Imām al-Qurṭubī. Menurut Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī karya al-Qurṭubī ini termasuk karya tafsir aliran fiqh. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 2, h. 483-492.

Manakala aspek sumbangan pemikiran beliau mengenai pentafsiran ayat-ayat hukum dan persoalan fiqh pula, pengkaji akan mengemukakan dua bentuk sumbangan. Iaitu mengenai sikap beliau yang sering merujuk kepada beberapa pandangan fuqaha' dan mentarjih pandangan tertentu. Perkara kedua yang dapat pengkaji analisis ialah mengenai bentuk sumbangan pemikiran fiqh al-ayat bersumber hadith ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum. Oleh itu, pengkaji akan memperincikan perkara di atas seperti berikut:

4.2.1 Mengemukakan Pandangan Fuqaha'

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ketika membahaskan persoalan fiqh sentiasa mengemukakan pandangan fuqaha' daripada mazhab Hanafi, mazhab Syafi'i dan lain-lain. Sikap seperti ini menunjukkan beliau tidak hanya mengambil satu pandangan sahaja untuk menjelas mengenai suatu hukum. Namun begitu, terdapat isu-isu tertentu beliau akan mentarjihkan mazhab yang difikir sealiran dengan pandangannya.

Sebagai contoh mengenai persoalan *al-basmalah* yang menjadi polemik antara pandangan fuqaha' yang menyatakan ianya bukan daripada surah al-Fātiḥah dan pandangan fuqaha' yang mengakui bahawa ia daripada surah al-Fātiḥah. Menurut aliran fiqh Syafi'i, *al-basmalah* merupakan satu ayat daripada surah al-Fātiḥah⁴³².

⁴³² Aliran mazhab fiqh Syafi'i menyatakan bahawa *al-basmalah* adalah salah satu daripada ayat dalam surah al-Fatihah. Justeru itu, ianya mesti dibaca di dalam solat sama ada secara sirr atau jahr. Lihat Muḥammad al-Syurbīnī al-Khatīb (t.t), *al-Iqnā' fī Hill Alfāz Abī Sujā'*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 115, Taqīy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī al-Husnī (1998), *Kifāyah al-Akhyār fī Hill Ghāyah al-Ikhtisār*, c. 3, Beirut: Dar al-Khayr, h. 130, 131, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭūbī (1999), *Badāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, c. 1, Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 106, 'Ali Aḥmad al-Qulayṣī (1996), *Fiqh al-'Ibādah*, c. 3, j. 1, San'ā': Maktabah al-Irsyād, h. 146.

Manakala pandangan mazhab Hanafi pula menyatakan bahawa *al-basmalah* bukan satu ayat daripada surah al-Fātiḥah⁴³³.

Dalam hal ini, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam agak cenderung mentarjih aliran mazhab Syafi'i. Ini dapat dibuktikan menerusi pandangannya sebagaimana berikut⁴³⁴:

Tetapi pada mazhab kita Syafi'i, Allah memulakan kitab Qur'annya dengan dua permulaan; Permulaan yang hakiki, ertinya yang sebenar-benar makna permulaan ialah dengan *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*, iaitu dengan nama Allah yang bersifat *الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*. Permulaan yang *idāfī*, ertinya permulaan yang dibandingkan dengan barang yang kemudiannya ialah dengan *الحمد لله رب العالمين*, iaitu dengan memuji nama Allah yang bersifat *الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*. Jadi sifat *الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* yang pertama pada permulaan yang pertama dan *الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* yang kedua pada permulaan yang kedua, maka tiadalah jadi *tikrār*, berulang-ulang yang sia pada maknanya.

Menerusi kenyataan di atas, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menyokong pendapat mazhab Syafi'i dan menolak pandangan mazhab Hanafi⁴³⁵. Ini berpunca daripada mazhab Hanafi yang menolak hujah mazhab Syafi'i mengenai lafaz *الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* yang dikatakan berulang dalam surah yang sama. Menurut Imam Nasafi⁴³⁶,

⁴³³ Lihat Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭūbī (1999), *op.cit.*, h. 106, 'Ali Aḥmad al-Qulayṣī (1996), *op.cit.*, h. 146.

⁴³⁴ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

⁴³⁵ Lihat Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭūbī (1999), *op.cit.*, h. 106, 'Ali Aḥmad al-Qulayṣī (1996), *op.cit.*, h. 146.

⁴³⁶ Beliau ialah Abū al-Barakāt 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Mahmūd al-Nasafī pengarang karya *Tafsīr al-Nasafī* atau juga dikenali sebagai nama *Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl*. Beliau berpegang kepada aliran fiqh Hanafi yang merupakan seorang ulama besar pada zamannya. Keluasan ilmunya dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan termasuk bidang tafsir, hadith, usul al-din, fiqh, usul al-fiqh dan lain-lain. Beliau wafat pada tahun 701 dan dikebumikan di Aizaj, Kurdikistan. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, h. 311, 312.

lafaz الرحمن الرحيم⁴³⁷ akan menjadi berulang jika dibaca bersama *al-basmalah* dan surah al-Fātiḥāh. Menurutnya, menjadi suatu yang sia-sia jika berlaku pengulangan perkara yang sama⁴³⁸.

Namun, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menafikan perkara tersebut. Menurutnya, pada hakikat (bukan pada zahir) tidak berulang lafaz الرحمن الرحيم walaupun dibaca bersama *al-basmalah* dan surah al-Fātiḥāh. Ini disebabkan di dalam al-Qur'an terdapat dua permulaan. Permulaan pertama ialah permulaan hakiki sebagaimana lafaz الرحمن الرحيم yang terdapat dalam *al-basmalah*. Permulaan kedua pula adalah permulaan *īdāfi* (permulaan bukan sebenar) iaitu lafaz الرحمن الرحيم yang terdapat dalam surah al-Fātiḥāh⁴³⁹. Oleh itu, menurut beliau, sememangnya tidak berlaku pengulangan yang sia-sia jika dibaca lafaz الرحمن الرحيم bersama *al-basmalah* dan surah al-Fātiḥāh.

Selain daripada hujah akal yang dikemukakan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam terdapat dalam kalangan ulama mazhab Syafi'i seperti Imam al-Nawawi⁴⁴⁰, Imam Taqīy al-Dīn al-Ḥuṣnī⁴⁴¹, dan lain-lain⁴⁴² mengambil hadith Nabi

⁴³⁷ Lihat 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Mahmūd al-Nasafī (t.t), *Tafsīr al-Nasafī*, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 6.

⁴³⁸ *Ibid.*

⁴³⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

⁴⁴⁰ Nama beliau Maḥy al-Dīn Abū Zakāriyya bin Syaraf al-Nawawī dilahirkan pada 10 Muharram tahun 631H di Nawā sebuah kampung di pinggir Damsyiq. Beliau banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang termasuk hadith dan fiqh. Antara karya fiqh beliau yang masyhur ialah al-Majmū' huraian terhadap al-Muhadhdhab dan menjadi rujukan utama dalam madhhab al-Syāfi'i khususnya di alam Melayu. Al-Imām al-Nawawī meninggal dunia pada 14 Rejab tahun 676H. Lihat Abū Bakr bin Hidāyah Allāh al-Ḥusaynī (1982), *op.cit.*, h. 225-227.

⁴⁴¹ Beliau ialah Taqīy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī al-Husnī al-Dimasyqī al-Syāfi'i dan nasabnya berhubung dengan Saidina 'Alī bin Abī Ṭālib. Dilahirkan pada tahun 752H di sebuah kampung al-Ḥuṣn di negeri Ḥawrān. Beliau bermadhab al-Syafi'i dalam aliran fiqh, namun amat cenderung kepada pemikiran Ibn Taymiyyah khususnya berkaitan dengan penolakan terhadap golongan al-Ṣūfiyyah. Al-

s.a.w sebagai sumber hujah mengenai *al-basmalah* satu ayat daripada surah al-Fātiḥāh. Sebagai contoh hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud bahawa Nabi s.a.w membaca *al-basmalah* pada permulaan surah al-Fātiḥāh⁴⁴³.

Dalam hal ini, pengkaji menganggap kecenderungan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mentarjihkan mazhab Syafi'i dengan mengemukakan hujah akal adalah untuk menolak hujah akal yang diguna oleh Imam al-Nasafi. Keupayaan beliau menggunakan hujah akal menunjukkan daya intelektual beliau tinggi.

Kesimpulan daripada analisis perkara di atas dapat difahami bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam bersikap terbuka dalam persoalan fiqh dengan mengemukakan pandangan fuqaha' untuk menjelaskan suatu hukum⁴⁴⁴. Namun begitu, dalam keadaan tertentu beliau akan mentarjihkan suatu mazhab yang sealiran dengan pemikirannya dalam pelbagai bentuk hujah.

Syaykh Taqīy al-Dīn banyak menghasilkan karya dalam pelbagai disiplin ilmu sama ada tafsir, hadith, fiqh dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada 15 Jamad al-Akhir tahun 829H dan dikuburkan di Damsyiq. Lihat Taqīy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī al-Husnī (1998), *op.cit.*, h. 9, 10.

⁴⁴² Lihat Muḥammad al-Syurbīnī al-Khatīb (t.t), *op.cit.*, h. 115, Taqīy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī al-Husnī (1998), *op.cit.*, h. 130, 131, Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Ramlī al-Anṣārī (1994), *op.cit.*, h. 122.

⁴⁴³ Abū Dawūd Sulaymān bin al-Asy'ath (t.t), *op.cit.*, “*Awwal Kitāb al-Hurūf wa al-Qirā'at*”, no. 4001, j. 2, h. 716, Taqīy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī al-Husnī (1998), *op.cit.*, h. 130.

⁴⁴⁴ Selain perbincangan isu fiqh tersebut, antara isu fiqh lain yang disentuh oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ialah isu wasiat pada ayat 180 surah al-Baqarah, mengenai أياما معدودات pada 184 surah al-Baqarah, mengenai fidyah ayat 184 surah al-Baqarah, mengenai ru'yah al-hilāl ayat 185 surah al-Baqarah, mengenai pesakit yang diharuskan berbuka ayat 185 surh al-Baqarah, mengenai iḥṣār ayat 195 surah al-Baqarah, mengenai ilā' ayat 226 surah al-Baqarah, pengertian qurū' ayat 228 surah al-Baqarah, mengenai talak ayat 228 surah al-Baqarah, mengenai al-riḍā'ah ayat 233 surah al-Baqarah, mengenai iḥdā' kematian suami ayat 234 surah al-Baqarah, mengenai mut'ah ayat 236 surah al-Baqarah, mengenai al-ṣalāh al-wuṣṭā ayat 238 surah al-Baqarah, mengenai saksi jual beli ayat 282 surah al-Baqarah. Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 142, 145, 155, 158, 159, 231, 234, 418, 419, 431 – 439, 439 – 461, 479 – 484, 497 – 502, 510 – 515, 524 – 527, *Ibid.*, j. 3, 119.

4.2.2 Memperkenalkan Fiqh al-Ayat Menerusi Hadith

Terdapat ayat-ayat hukum yang ditafsirkan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menerusi pendekatan fiqh al-ayat menerusi sumber hadith secara langsung. Hal ini disebabkan terdapat ayat-ayat hukum mengenai fiqh dapat diperincikan oleh hadith Nabi s.a.w⁴⁴⁵.

Sebagai contoh mengenai hukum sembahyang yang dijelaskan oleh Nabi s.a.w menerusi sabdanya: *صلوا كما رأيتموني أصلي* ertinya: “Sembahyanglah sebagaimana kamu melihat aku sembahyang”⁴⁴⁶. Hadith ini jelas menggambarkan bahawa perincian mengenai sembahyang mesti dirujuk kepada perbuatan Nabi s.a.w. Begitu juga hal-hal yang berkaitan dengan zakat dan sebagainya. Oleh itu, hadith berperanan sebagai pentafsir al-Qur’an mengenai persoalan fiqh sama ada hadith *qawli* atau hadith *fi’li*.

Ekoran daripada itu, ia mendorong Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memperincikan persoalan fiqh al-ayat menerusi hadith Nabi s.a.w tanpa merujuk kepada pandangan ulama fiqh. Sebagai contoh mengenai pentafsiran ayat zakat yang terdapat pada ayat 177 dalam surah al-Baqarah⁴⁴⁷. Ayat tersebut tidak memperincikan hukum berkaitan dengan zakat. Justeru, ia perlu kepada perincian mengenai jenis-jenis zakat, nisab dan sebagainya.

⁴⁴⁵ Menurut pandangan ulama usul al-fiqh ayat-ayat seperti ini disebut sebagai ayat yang *mujmal* iaitu lafaz yang tidak difahami maksudnya melainkan ia diberi penjelasan atau penerangan. Ayat-ayat seperti ini banyak terdapat di dalam al-Qur’an. Menurut Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān hadith Nabi s.a.w berperanan memperincikan lafaz *mujmal* sehingga ianya bertukar menjadi keterangan yang jelas (*mufassir*). Lihat ‘Abd al-Karīm Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 347, 348.

⁴⁴⁶ Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Bayhaqī (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, “*Kitāb al-Ṣolāh*”, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 345.

⁴⁴⁷ Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 104.

Dalam hal ini, beliau akan terus merujuk kepada hadith Nabi s.a.w secara lansung untuk menjelaskan mengenai zakat emas, perak, binatang ternakan, buah-buahan, bijian-bijian, barang perniagaan, zakat fitrah, harta karun, dan harta galian⁴⁴⁸.

Sebagai contoh mengenai nisab zakat emas dan perak, beliau telah memetik hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd seperti berikut⁴⁴⁹:

سَفَرْتُ يَبِغِ تَلَهْ دَرَوَايْتِكُنْ اَوْلَهْ سَلِيْمَانِ بْنِ اَشْعَثِ اَبُو دَاوُدَ، دَرَفْدُ سَلِيْمَانِ بْنِ دَاوُدَ
اَلْمَهْرِي، دَرَفْدُ اِبْنِ وَهْبٍ، دَرَفْدُ جَرِيْرُ بْنُ حَازِمٍ، دَرَفْدُ اَبِيْ اِسْحَاقَ، دَرَفْدُ عَاصِمِ
بْنِ ضَمْرَةَ دَانَ الْحَارِثِ الْاَعْوَرِ، دَرَفْدُ عَلِيٍّ، نَبِيْ صَلَعَمِ اَيِ بَرَكَاتِ: (فَاِذَا كَانَتْ
لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيْهَا خَمْسَةُ دِرْهَمٍ وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَّعْنِي
فِي الذَّهَبِ حَتَّى يَكُوْنَ لَكَ عِشْرُوْنَ دِيْنَاْرًا فَاِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُوْنَ دِيْنَاْرًا وَحَالَ
عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيْهَا نِصْفُ دِيْنَاْرِ فَمَا زَادَ فَيَحْسَابِ ذَلِكِ)

Ertinya: Maka apabila ada bagi engkau dua ratus dirham dan telah cukup disimpannya satu tahun kesemuanya itu, maka zakatnya yang wajib dikeluarkan ialah lima dirham, dan tiada wajib di atas engkau mengeluarkan zakat emas sehingga adalah bagi engkau dua puluh dinar dan telah cukup disimpan satu tahun kesemuanya wajiblah padanya setengah dinar kemudian berapa yang tambah daripadanya ikutlah hisab (kira-kiranya).

Hadith di atas telah menjelaskan nisab wang emas iaitu 20 dinar dan wang perak sebanyak 200 dirham. Jika cukup setahun, penyimpanan wang emas mesti mengeluarkan zakat sebanyak setengah dinar. Manakala wang perak pula, jika cukup setahun penyimpanan tersebut mesti mengeluarkan 5 dirham. Hadith ini sangat jelas dan terperinci mengenai hukum fiqh berkaitan dengan zakat wang emas dan wang perak. Begitu juga mengenai dengan jenis-jenis zakat yang lain. Dalam hal ini,

⁴⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁴⁹ *Ibid.*, h. 105, Abū Dawūd Sulaymān bin al-Asy'ath (t.t), *op.cit.*, "Kitāb al-Zakāh" no. 1573, j. 2, h. 100.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tidak pernah mengemukakan pandangan fuqaha' bahkan memadai dengan penjelasan hadith Nabi s.a.w⁴⁵⁰.

Hadith-hadith yang dipetik oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam untuk menjelaskan hukum berkaitan dengan zakat adalah bersumber daripada kitab hadith yang muktabar. Pengkaji telah menganalisis status beberapa hadith yang dipetik oleh beliau dan didapati sahih. Bahkan hadith tersebut menepati kaedah ulama usul al-fiqh yang mensyaratkan bahawa permasalahan hukum perlu berdalilkan hadith yang sahih⁴⁵¹.

Dalam hal ini, pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mempunyai kepakaran mengenai fiqh al-ayat menerusi penjelasan secara langsung daripada hadith Nabi s.a.w⁴⁵². Kemampuan beliau menjelas dan menghuraikan ayat-

⁴⁵⁰ Terdapat penjelasan isu fiqh yang lain yang dikemukakan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam karyanya seperti kupasan mengenai air laut halaman 90 juzuk kedua al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an, mengenai bangkai dan darah di halaman 91, mengenai binatang buas di halaman 93, mengenai cara solat di halaman 104, dan kupasan mengenai riba di halaman 86 juzuk ketiga. Lihat Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 90, 91, 93, 104, *Ibid.*, j. 3, h. 86.

⁴⁵¹ Antara hadith yang dipetik oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berkaitan dengan hukum zakat ialah hadith yang pertama diriwayatkan oleh Imam Abū Dāwūd no. hadith 1573, hadith kedua diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī no. hadith 1454, hadith ketiga diriwayatkan oleh Imam al-Tirmīdhī no. hadith 619, hadith keempat diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī no. hadith 1485, hadith kelima diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī no. hadith 1483 dan hadith keenam juga diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī no. hadith 1509. Kesemua hadith tersebut diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari kecuali hadith pertama dan ketiga. Pengkaji hanya merujuk kepada kitab hadith yang menjadi rujukan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai rujukan melintang. Namun, ada hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī diriwayatkan sama oleh Imam Ibn Mājah, Abū Dawūd, Tirmīdhī dan lain-lain. Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memetik hadith Imam al-Bukhārī hanya daripada kitab *Fatḥ al-Bārī* karangan Imam Ibn Ḥajar. Justeru itu, jika tidak terdapat hadith berkaitan tajuk yang ditulis, beliau akan merujuk kepada pandangan ulama fiqh seperti Imam Mālik dan Imam Syāfi'ī yang terdapat dalam kitab tersebut. Lihat Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar (t.t), *op.cit.*, "*Kitāb al-Zakāh*", no. 1454, 1485, 1483, 1509, j. 3, Beirut: Dar al-Fikr, h. 317, 350, 347, 375, Abū Dawūd Sulaymān bin al-Asy'ath (t.t), *op.cit.*, h. 100, Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmīdhī (t.t), *op.cit.*, "*Kitāb al-Zakāh*", no. 619, j. 2, h. 68, Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 104 – 113.

⁴⁵² Aliran fiqh al-ayat bersumber sunnah Nabi s.a.w secara langsung telah mendapat tempat di hati masyarakat dewasa ini. Selain itu, karya-karya fiqh bersumber hadith telah diperkenal oleh ulama kontemporari seperti karya *Fiqh al-Sunnah* yang dikarang oleh Syaykh Sayyid Sābiq. Karya tersebut berorientasikan fiqh bersumberkan hadith Nabi s.a.w secara langsung dengan tidak menjadikan pandangan ulama mazhab sebagai

ayat hukum menerusi hadith berjaya menonjolkan sumbangan beliau sebagai *mufassir* yang mahir mengenai hadith di Malaysia.

4.3 Bersikap Lunak Terhadap Riwayat *Isrā'īliyyāt*

Isrā'īliyyāt membawa erti suatu cerita atau peristiwa yang dikutip daripada sumber-sumber Yahudi⁴⁵³. Status riwayat *isrā'īliyyāt* dibincangkan dengan teliti oleh kebanyakan ulama. Menurut Dr. Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah, riwayat *isrā'īliyyāt* dibahagikan kepada tiga; riwayat yang menepati al-Qur'an dan al-Sunnah, riwayat yang diketahui sebagai dusta, dan riwayat yang tidak diketahui statusnya⁴⁵⁴. Sebahagian *mufassir* telah memasukkan riwayat *isrā'īliyyāt* ke dalam karya mereka dengan menjelaskan statusnya. Namun, terdapat sebahagian *mufassir* tidak menjelaskan status riwayat tersebut⁴⁵⁵. Keadaan ini menjadi tanggungjawab ulama yang kemudian menyaring semula riwayat berkenaan supaya diketahui statusnya.

Riwayat *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam karya tafsir dalam bahasa Arab telah mempengaruhi pentafsiran ulama di Malaysia⁴⁵⁶. Kewujudan riwayat tersebut

dasar utama. Pendekatan ini dipelopori oleh golongan yang beraliran reformis seperti Ibn Taymiyyah, Muḥammad 'Abduh, Rasyīd Riḍā dan lain-lain. Di alam Melayu aliran ini dipelopori oleh gerakan islah atau reformis seperti Syaykh Abu Bakar Asyaari, Ustaz Hashim A. Ghani dan lain-lain. Lihat Abd Rahman Haji Abdullah (2007), *op.cit.*, h. 111 – 127, Abd Rahman Haji Abdullah (1998), *op.cit.*, 297 – 313.

⁴⁵³ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1990), *op.cit.*, h. 13, Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 12.

⁴⁵⁴ Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 106-108.

⁴⁵⁵ Sebagai contoh *Tafsīr al-Khāzin* karya Abū Ḥasan 'Alī bin Muḥammad al-Syāihī al-Baghdādī (678-741H) telah memuat cerita *isrā'īliyyāt* yang banyak tanpa menjelaskan status riwayat cerita tersebut. Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī telah mengkritik riwayat kisah Syaitan yang menyamar sebagai burung emas bertemu dengan Nabi Dāwūd a.s sebagai cerita karut. Kisah tersebut dimuatkan ketika beliau mentafsirkan ayat 21 hingga 24 daripada Sūrah Ṣād. Lihat Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, h. 318, 321.

⁴⁵⁶ Latifah Abdul Majid (2007), *op.cit.*, h. 1.

berkemungkinan *mufassir* di Malaysia telah memetikanya daripada sumber tafsir bahasa Arab⁴⁵⁷. Sikap memberi ruang kepada riwayat tersebut jika diketahui statusnya sangat baik. Kerana secara umumnya Nabi Muhammad s.a.w tidak pernah melarang para sahabat mengambil sumber daripada Bani Isra'il sebagaimana sabdanya⁴⁵⁸: حَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ ertinya: bercerita oleh kamu daripada Bani Isra'il tanpa ada halangan. Namun, jika riwayat tersebut bercanggah dengan dasar Islam dan boleh mengundang kekeliruan maka ia dilarang sama sekali mengambilnya.

Melalui analisis pengkaji, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam di antara *mufassir* di Malaysia yang bersikap lunak terhadap riwayat *isrā'īliyyāt*. Beliau ada memuatkan beberapa riwayat yang berbau *isrā'īliyyāt* di dalam *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Ini termasuk cerita mengenai para Nabi a.s dan umat terdahulu. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat 36 surah al-Baqarah mengenai kisah Nabi Adam a.s yang diperdayakan oleh Iblis⁴⁵⁹. Beliau telah memetik satu riwayat daripada Wahab bin Munabbih⁴⁶⁰. Riwayat tersebut menyatakan bahawa Iblis telah masuk ke dalam Syurga melalui seekor ular. Setelah Iblis berjaya memasuki Syurga lalu ia memperdayakan Nabi Adam dan isterinya Hawa. Apabila Adam dan

⁴⁵⁷ Sebagai contoh karya *Tafsīr Nūr al-Eḥsān* telah memuat beberapa riwayat *isrā'īliyyāt* yang dapat dikesan diantaranya ialah kisah pembunuhan Jaltut dan sebagainya. Lihat *Ibid.*, h. 6-8.

⁴⁵⁸ Abū Dawūd Sulaymān bin al-Asy'ath (t.t), *op.cit.*, "Kitab al-'Ilm", no. hadith 3662, h. 658.

⁴⁵⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

⁴⁶⁰ Wahab bin Munabbih al-Ṣan'ānī al-Dhamarī dilahirkan pada tahun 34 Hijrah di Sana'a Yaman. Beliau berketurunan Parsi namun ibunya daripada keturunan Himyar. Seorang tabi'in yang mahir dengan kitab-kitab terdahulu dan lebih khusus riwayat *isrā'īliyyāt*. Pada zaman khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz beliau dilantik sebagai Kadi di Sana'a. Beliau meninggal dunia pada tahun 114 Hijrah dan dikebumikan di Sana'a. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1980), *op.cit.*, j. 8, h. 125.

Hawa memakan buah larangan tersebut di dalam Syurga, lalu Allah s.w.t keluarkan mereka dari Syurga⁴⁶¹.

Kajian yang dilakukan oleh kebanyakan ulama mendapati riwayat tersebut adalah riwayat *isrā'īliyyāt* yang ditolak. Menurut Dr. Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah, riwayat tersebut merupakan riwayat *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam *Tafsīr al-Ṭabarī* dan *Tafsīr al-Durr al-Manthūr*⁴⁶². Menurutnya lagi, Imam al-Tabari memetik cerita tersebut melalui riwayat daripada Wahāb bin Munabbih, Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd. Manakala Imam al-Suyūṭī pula memetik cerita tersebut melalui riwayat daripada Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd sahaja⁴⁶³.

Riwayat ini adalah riwayat *isrā'īliyyāt* yang panjang jalan ceritanya. Ia ditolak kerana terdapat beberapa perkara yang mengelirukan, iaitu:

- i- Sepatutnya was-was Iblis boleh berlaku terhadap manusia tanpa perlu melalui seekor ular,
- ii- Perawi tidak mampu menjawab apabila ditanya mengenai Malaikat yang telah makan buah di dalam Syurga. Kerana Malaikat tidak makan dan minum.
- iii- Penukaran wajah ular kepada binatang yang mempunyai empat kaki adalah cerita yang tidak masuk akal. Kerana bentuk ular

⁴⁶¹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

⁴⁶² Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 178- 180, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2003), *op.cit.*, j. 1, h. 286,287, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 270.

⁴⁶³ Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 178- 180, Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2003), *op.cit.*, j. 1, h. 265-267.

yang ada pada hari ini adalah sebagaimana kejadian yang diciptakan oleh Allah s.w.t pada masa lalu⁴⁶⁴.

Menerusi faktor-faktor yang disebut di atas, riwayat mengenai hasutan Iblis supaya Nabi Adam a.s memakan buah larangan di dalam Syurga adalah ditolak. Riwayat *isrā'īliyyāt* tersebut di atas adalah antara contoh yang terdapat di dalam tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Selain itu, terdapat juga dalam kisah kera⁴⁶⁵, kisah Hārūt dan Mārūt⁴⁶⁶, kisah Nabi Daud a.s membunuh Ṭālūt⁴⁶⁷, dan sebagainya. Menurut Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah, cerita tersebut banyak dicemari dengan riwayat *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam karya-karya tafsir⁴⁶⁸.

Secara umumnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah memberi ruang terhadap riwayat *isrā'īliyyāt* menerusi karyanya. Namun, beliau tidak menunjuk sebarang reaksi untuk menolak atau membenar riwayat-riwayat tersebut. Menerusi analisis kajian ini, terdapat sebahagian riwayat *isrā'īliyyāt* tersebut ditolak oleh ulama kerana ianya bercanggah dengan asas-asas Islam dan akal. Persoalannya kenapa beliau bersikap lunak terhadap riwayat tersebut?. Pengkaji berpendapat bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai riwayat *isrā'īliyyāt* sebagaimana *mufasssir* yang lain di Malaysia.

⁴⁶⁴ Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 178- 180.

⁴⁶⁵ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 156.

⁴⁶⁶ *Ibid.*, h. 234.

⁴⁶⁷ *Ibid.*, j. 2, h. 561.

⁴⁶⁸ Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 159, 161, 174.

Ini dapat dibuktikan apabila beliau hanya memetik riwayat *isrā' īliyyāt* tersebut daripada *Tafsīr al-Ṭabarī*. Hal ini berlaku kerana anggapan umum menyatakan bahawa *Tafsīr al-Ṭabarī* adalah sebuah kitab tafsir yang sempurna. Sedangkan menerusi kajian Ph.D yang dijalankan oleh Dr. Āmal binti Muḥammad 'Abd al-Raḥmān al-Rabī' mendapati Imam al-Tabari banyak memuatkan riwayat yang berbau *isrā' īliyyāt*. Riwayat tersebut berkisar tentang kejadian alam, kisah para nabi, salasilah mereka, dan cerita umat terdahulu⁴⁶⁹.

Oleh itu, kesilapan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memuatkan riwayat *isrā' īliyyāt* dalam *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* boleh dianggap perkara yang tidak disengajakan oleh beliau ekoran daripada tidak ada pendedahan dan kajian yang khusus waktu itu⁴⁷⁰.

4.4 Mempelopori Terjemahan *Harfiyah*

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menterjemahkan ayat-ayat al-Qur'an ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan metode terjemahan *harfiyah*⁴⁷¹.

⁴⁶⁹ Imam al-Ṭabarī banyak memuatkan riwayat yang berbau *isrā' īliyyāt* sebagaimana yang telah dikaji oleh Dr. Āmal binti Muḥammad 'Abd al-Raḥmān al-Rabī' melalui tesis Ph.D beliau yang berjudul *al-Isrā' īliyyāt fī Tafsīr al-Ṭabarī: Dirāsah fī al-Luhghah wa al-Maṣādir al-'Ibriyah*. Lihat Āmal binti Muḥammad 'Abd al-Raḥmān al-Rabī' (2005), *op.cit.*, h. 378, 379.

⁴⁷⁰ Menerusi penelitian pengkaji, terdapat riwayat yang berbau *isrā' īliyyāt* yang lain dimuat oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Antaranya ialah; pertukaran manusia menjadi kera ketika mentafsirkan ayat 65 surah al-Baqarah, kisah Harut dan Marut ketika mentafsir ayat 102 surah al-Baqarah, kisah mengenai bangunan Kaabah ketika mentafsir ayat 127 surah al-Baqarah, kisah mengenai Tabut ketika mentafsir ayat 248 surah al-Baqarah, dan kisah Talut ketika mentafsir ayat 251 surah al-Baqarah. Menurut Dr. Abū Syahbah, riwayat tersebut adalah riwayat *isrā' īliyyāt* yang ditolak. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1987), *op.cit.*, h. 167, 161, 168, 176, 177, Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 156, 235, 305, *Ibid.*, j. 2, h. 566, 567, 586.

⁴⁷¹ Ayat-ayat al-Qur'an yang terdapat dalam tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* bermula dari surah al-Fatihah sebanyak 7 ayat, surah al-Baqarah sebanyak 286 ayat, dan surah Ali 'Imran sebanyak 92 ayat, kesemuanya diterjemah oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dengan terjemahan *harfiyah*.

Terjemahan *harfiyah* boleh diertikan sebagai terjemahan kata demi kata, disamping memelihara susunan dan urutan kata-kata teks asal sehingga terjemahan itu sama seperti teks asal⁴⁷². Menurut Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, terjemahan *harfiyah* terbahagi kepada dua iaitu; terjemahan *ḥarfīyyah bi al-mithl* dan terjemahan *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl*⁴⁷³.

Terjemahan *ḥarfīyyah bi al-mithl* agak sukar dilakukan kerana terjemahan tersebut bertujuan untuk menjadikan setiap perkataan kelihatan sempurna seperti makna asal serta dapat mendukung makna tersebut dari aspek *balāghah*, hukum syara' dan sebagainya⁴⁷⁴. Manakala terjemahan *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl* pula adalah terjemahan susunan ayat al-Qur'an ke dalam bahasa sasaran seperti asalnya mengikut kemampuan penterjemah dan kemahirannya⁴⁷⁵. Menerusi metode terjemahan *harfiyah* corak yang kedua ini ia mampu dilaksanakan oleh kebanyakan penterjemah.

Oleh kerana untuk memahami bahasa al-Qur'an sangat penting, maka Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam cuba mempelopori kaedah ini menerusi terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Usaha beliau menerusi kaedah ini sekurang-kurangnya dapat membantu mereka yang tidak belajar bahasa Arab memahami asas-asas kalimah al-Qur'an⁴⁷⁶.

⁴⁷² Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 2, h. 121, Ammar Fadhl (2007), *Anatomi al-Qur'an*, c. 1, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 174.

⁴⁷³ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 2, h. 26, Mohd Shukri Hanapi (2003), *op.cit.*, h. 10 – 19.

⁴⁷⁴ *Ibid.*

⁴⁷⁵ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 2, h. 26, Mohd Shukri Hanapi (2003), *op.cit.*, h. 10 – 19.

⁴⁷⁶ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 3, bahagian sepatah kata.

Secara terperinci beliau tidak menyatakan metode terjemahan *ḥarfīyyah bi al-mithl* dan terjemahan *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl* yang digunakan. Namun, menerusi kajian ini, pengkaji mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam lebih cenderung menggunakan pendekatan terjemahan *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl*. Sebagai contoh ketika beliau menterjemahkan ayat 14 daripada surah al-Baqarah adalah seperti berikut⁴⁷⁷:

وإذا Dan apabila لقوا bertemu mereka الذين orang-orang yang آمنوا percaya mereka قالوا mereka berkata آمننا percaya kami وإذا dan apabila bertempat sunyi mereka إلى kepada شياطين segala pemimpin jahat هم mereka قالوا berkata mereka إنا bahawa kami مع beserta كم kamu إنما hanya sesungguhnya نحن kami مستهزون orang mahu mengolok-olokkan kami.

Dalam terjemahan di atas, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menterjemahkan perkataan demi perkataan ke dalam bahasa Melayu kecuali pada perkataan شياطين. Perkataan tersebut beliau menterjemahkan kepada makna penafsiran. Kerana pada asal terjemahan شياطين itu sepatutnya dengan makna syaitan-syaitan. Namun, di sini beliau menterjemahkan kepada makna ketua yang durhaka dan pemimpin jahat⁴⁷⁸.

Dalam hal ini, pengkaji telah meneliti terjemahan yang dibuat oleh Syaykh Mustafa Abd Rahman dan Prof. Dr. H. Mahmud Yunus. Hasil daripada penelitian tersebut pengkaji mendapati keduanya menterjemah شياطين kepada maksud yang sama iaitu ketua yang durhaka dan pemimpin jahat⁴⁷⁹. Justeru itu, terjemahan tersebut

⁴⁷⁷ *Ibid.*, h. 34.

⁴⁷⁸ *Ibid.*

⁴⁷⁹ Lihat Mustafa Abd Rahman (t.t), *op.cit.*, penggal 1, h. 15, Mahmud Yunus (t.t), *Tafsir Quran Karim*, Singapore: Tawakal Trading, h. 5.

boleh dikatakan menyamai pentafsiran Imam al-Tabari, Ibn Kathir dan al-Syawkani⁴⁸⁰. Dalam hal ini, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, Syaykh Mustafa Abd Rahman dan Prof. Dr. H. Mahmud Yunus telah menterjemah makna شياطين menyamai pentafsiran oleh para *mufassir*.

Melalui analisis pengkaji, didapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam banyak menggunakan kaedah terjemahan dalam bentuk ini. Jika terdapat kalimah tertentu yang perlu kepada penjelasan beliau terjemahkan secara tafsiran. Oleh itu, asas metode terjemahan yang digunakan oleh beliau ialah *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl*.

Kebanyakan ulama tidak setuju dengan kaedah terjemahan *harfiyah* sama ada secara *ḥarfīyyah bi al-mithl* atau *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl*. Mereka beralasan bahawa penolakan tersebut berdasarkan kepada bahasa al-Qur'an penuh dengan mukjizat dari sudut *faṣāḥah* dan *balāghah*. Lantaran itu tidak mungkin dapat disamakan dengan bahasa yang lain daripada bahasa Arab⁴⁸¹.

Namun, ada dikalangan ulama yang mengizinkan terjemahan *ḥarfīyyah bi dūn al-mithl*⁴⁸². Tujuan diizinkan adalah untuk membantu mereka yang tidak mempelajari bahasa Arab memahami makna-makna al-Qur'an secara berperingkat⁴⁸³. Ekoran daripada itu, ia menjadi pendorong kepada Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam

⁴⁸⁰ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 149, Abū al-Fidā' al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr al-Dimasyqī (2004), *op.cit.*, j. 1, h. 55, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Syawkānī (1998), *op.cit.*, j. 1, h. 59.

⁴⁸¹ Mannā' Qaṭṭān (1998), *op.cit.*, h. 313,314, Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 2, h. 26, Mohd Shukri Hanapi (2003), *op.cit.*, h. 37.

⁴⁸² *Ibid.*, h. 25.

⁴⁸³ *Ibid.*, h. 35.

mempelopori kaedah terjemahan *harfiyah* ini. Menurut beliau, tujuan utama menterjemahkan ayat-ayat al-Qur'an secara *harfiyah* adalah untuk mendedahkan bahasa Arab kepada mereka yang berminat mendalaminya⁴⁸⁴.

Walaupun begitu, pemikiran beliau ini agak kontra dengan ulama sezaman dengannya. Namun, terdapat beberapa tokoh ulama reformis yang mengguna metode terjemahan *harfiyah* seperti Syaykh Abdullah bin Abbas Nasution⁴⁸⁵, Syaykh Muhammad bin Ma'adah bin Layang⁴⁸⁶, Syaykh Hashim Abdul Ghani⁴⁸⁷ dan lain-

⁴⁸⁴ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman tiga bahagian sepatah kata.

⁴⁸⁵ Syaykh Abdullah bin Abbas Nasution dilahirkan pada 12 Rabiulawal 1330H bersamaan 4 Mac 1912 di Kampung Kaisaran Daerah Sumatera. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Langgar Kedah, kemudian ke Pondok Pulau Pisang dan Pondok Air Hitam Kedah pada tahun 1926. Pada tahun 1928 beliau menyambung pelajaran ke Pondok Tok Kenali yang sangat masyhur di Negeri Kelantan waktu itu. Sebelum pulang berkhidmat di Jitra Kedah beliau sempat belajar di Masjid Muhammadi, Pondok Bunut Payung dan Pondok Pulau Pisang Kota Bharu Kelantan. Kesungguhan dalam menuntut ilmu menjadikan beliau seorang ulama yang mahir dan menjadi tempat rujukan masyarakat setempat. Selain daripada mengajar beliau juga aktif berkarya, antara karya masyhur beliau ialah Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim dan Qur'an Bergantung Makna Jawi – Bagi Bacaan Anak-Anak Sehari-Hari yang diterbitkan pada tahun 1968M dicetak oleh Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawi Pulau Pinang. Beliau meninggal dunia pada hari Sabtu 4 Januari 1987M. Lihat Mazlan Ibrahim (2006), *op.cit.*, h. 84 – 91, Mohd Shukri Hanapi (2003), *op.cit.*, h. 134.

⁴⁸⁶ Syaykh Muhammad Ma'adah bin Layang dilahirkan pada tahun 1895M di Kampung Tengkek Negeri Sembilan. Beliau mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tengkek tahun 1907 dan kemudiannya meneruskan pengajian di Pondok Alor Keladi, Kedah antara tahun 1915 hingga 1919. Beliau pernah belajar di Pondok Kampung Tualang Sekah di bawah asuhan Tuan Guru Haji Muhammad Yunus. Kemudian beliau belayar ke India mengikut ulama tersebut untuk menimba ilmu agama lebih mendalam. Beliau diterima menuntut di Kolej Darul Ulum. Selama Syaykh Muhammad Ma'adah bin Layang berada India antara 8 hingga ke 13 tahun beliau sempat belajar di Aligarh University. Setelah kembali ke Tanah Air beliau menuju ke Alor Gajah, Melaka. Pada tahun 1939 baru beliau kembali ke Kuala Pilah. Di sini beliau mengasas Madrasah Aliyyah Islamiyyah yang lebih dikenali dengan nama High Islamic School (HIS). Madrasah ini dibina di Kampung Pelangai mempunyai dua cawangan iaitu Madrasah Islamiyyah di Sungai Dua dan Madrasah Islamiyyah di Kampung Tengkek. Syaykh Muhammad Ma'adah bin Layang meninggal dunia di rumah emak saudaranya iaitu Puan Bayau pada 4 Syawal 1424 bersamaan 28 November 2003. Beliau disemadikan di tanah perkuburan di Kg Jeram. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *op.cit.*, h.275 – 276, Mohd Shukri Hanapi (2003), *op.cit.*, h. 131, <http://maadah.blogdrive.com/> diakses pada 26 September 2009.

⁴⁸⁷ Syaykh Hashim Abdul Ghani dilahirkan pada 5 Julai 1927 di Kampong Sungai Dua Kecil, Kuala Pilah. Bapanya Imam Abdul Ghani Salam seorang imam masjid dan ibunya bernama Aisyah Abdul Wahid. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuala Pilah tahun 1937 dan kemudiannya menyambung pelajaran di Madrasah Aliah Islamiah, Pelangai. Masa pendudukan Jepun, beliau membantu bapanya berniaga dan mempelajari Bahasa Jepun. Selepas perang tamat, Syaykh Hashim Abdul Ghani melanjutkan pelajaran ke Madrasah al-Akhlāq Islāmiyyah, Bagan Serai, Perak. Seterusnya di Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang di bawah bimbingan Abu Bakar Assyaari. Beliau menamatkan pengajian pada akhir tahun 1953. Syaykh Hashim

lain. Tokoh-tokoh tersebut merupakan penggerak kepada metode terjemahan al-Qur'an secara *harfiyah* di Malaysia. Golongan ini diberi gelaran sebagai ulama 'Kaum Muda' bukan hanya kerana terjemahan *harfiyah* sahaja. Tetapi menyangkut hal-hal hukum fiqh dan sebagainya.

Kesimpulannya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah berjaya mempelopori terjemahan al-Qur'an secara *harfiyah* menerusi karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Metode terjemahan *harfiyyah bi dūn al-mithl* menjadi asas terjemahan beliau. Selain beliau, terdapat tokoh-tokoh 'Kaum Muda' yang lain menggerakkan metode terjemahan *harfiyah* al-Qur'an di Malaysia.

4.5 Penekanan Kepada Kesahihan Dan Kepentingan *Sanad*

Dalam pengajian hadith, *sanad* merupakan isu penting yang dibincangkan secara mendalam oleh ahli hadith⁴⁸⁸. Kepentingan kajian terhadap *sanad* merujuk kepada

Abdul Ghani memulakan kegiatan mengajar di beberapa buah madrasah sekitar Kuala Pilah. Kemudian bersama-sama rakan seperjuangan, beliau mengasaskan Madrasah Ittibā' al-Sunnah (MIS) di Kampung Parit iaitu kira-kira sebatu dari Pekan Kuala Pilah. Teks pelajaran yang diajar seperti pengajian al-Qur'an, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*, kitab *al-Umm* karya Imam Syafie, *al-Muwatā'* karya Imam Malik, *Bulūgh al-Marām*, *Tawḥīd* Ibnu Taymiyyah dan Muhammad Abdul Wahab, *Fiqh al-Sunnah* oleh Sayyid Sābiq dan lain-lain. Beliau juga menubuhkan institusi bernama Kursus Tertulis al-Furqan (KTF) gaya pos dan kaset iaitu pengajian al-Qur'an secara harfiyyah. Beliau juga aktif mengarang, antara buku-buku yang dihasilkan ialah; *Intisari Tauhid*, *Bahaya Turun Dari Menara*, *Haji Qiran*, *Kata Berbalas*, *Wajibkah Muslim Bermazhab (terjemahan)*, *Gayung Bersambut 1 & 2*, *Panduan Haji*, *Aurad Muhamadiyah Menyeleweng*, *Urusan jenazah*, *Kenapa Mesti Menurut As Sunnah* dan banyak lagi kitab-kitab serta menterjemah kitab-kitab luar. Di penghujung usianya, Syaykh Hashim Abdul Ghani sempat menimba ilmu dalam bidang perubatan daripada The Homeopathy Of British tahun 1994 peringkat Diploma dan beberapa sijil kursus perubatan herbarology di Kuala Lumpur. Pada 27 November 2004 selepas menunaikan solat Subuh jam 6.30 pagi, Syaykh Hashim Abdul Ghani telah menghembuskan nafas terakhirnya dengan tenang dalam usia 77 tahun. Lihat Madrasah Ittibā'us Sunnah (MIS), <http://almizaan.wordpress.com/mis/>, <http://kembara2006.blogspot.com>, <http://lobaikampung.blogspot.com/> diakses pada 26 September 2009, Mohd Shukri Hanapi (2003), *op.cit.*, h. 133.

⁴⁸⁸ Muḥammad 'Ujāj al-Khaṭīb (2003), *op.cit.*, h. 22.

persoalan sama ada suatu hadith itu diterima atau ditolak⁴⁸⁹. Maksud *sanad* ialah rantaian perawi yang membawa *matan* hadith dari sumber yang pertama⁴⁹⁰. Ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* adalah antara ilmu yang memfokus terhadap pengajian *sanad*. Perawi hadith atau *rijāl al-ḥadīth* akan dinilai melalui dua aspek iaitu aspek keperibadian, integriti dan kekuatan ingatan⁴⁹¹.

Justeru itu, *sanad* yang bermutu akan dianggap sebagai hadith yang baik dan diterima. Para *muḥaddithīn* (ahli hadith) akan berusaha mencari perawi yang baik semata-mata untuk mendapatkan hadith daripadanya. Nilai-nilai yang baik ini cuba diterapkan oleh ulama di dalam kitab tafsir, buku sejarah dan lain-lain. Oleh itu, cara begini dapat dilihat dalam tafsir karangan Ibn Jarir al-Tabari, Ibn Kathir, dan lain-lain. Antara lain tujuan dimuatkan *sanad* dalam karya tersebut adalah untuk membuktikan bahawa riwayat yang dibawanya adalah sahih.

Lantaran itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ingin menjadikan karyanya sebagaimana tradisi ulama yang terdahulu, lalu beliau terapkan ke dalam karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Selain itu, beliau ingin memperkenalkan begini supaya bentuk pengajian hadith bersanad tidak hanya terdapat di dalam kitab hadith. Malahan terdapat di dalam kitab tafsir seperti yang dikarang oleh beliau. Menurutnya, walaupun jemu membaca tetapi beliau tetap berpuas hati kerana telah

⁴⁸⁹ Berkata 'Abd Allah bin Mubarak: الإسناد من الدين، لو لا الإسناد لقال من شاء ما شاء ertinya: 'Sanad itu sebahagian daripada agama, jika tidak kerana sanad sesiapa pun akan bercakap apa sahaja yang ia mahu. Lihat Mohd Asri Zainul Abidin (2004), *Menangkis Pencemaran Terhadap Agama & Tokoh-Tokohnya*, c. 1, Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd., h. 16.

⁴⁹⁰ Muḥammad 'Ujāj al-Khaṭīb (2003), *op.cit.*, h. 22, Maḥmud Ṭaḥḥān (1991), *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānid*, c. 2, Riyad: Dār al-Ma'ārif, h. 138.

⁴⁹¹ *Ibid.*, h. 140.

berjaya membawa suatu perubahan dalam pengajian tafsir. Selain itu, jika terdapat sebarang keraguan mengenai hadith dalam karyanya mereka boleh merujuk kepada sumber asal⁴⁹².

Bagi mendapat gambaran yang jelas, pengkaji memuatkan satu contoh hadith yang dipetik oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Hadith tersebut mengenai zakat dirham yang beliau petik daripada riwayat Abū Dawūd. Perawi-perawi hadith berkenaan terdiri daripada Sulaymān bin Dāwūd al-Mahri, Ibn Wahāb, Jarīr bin Ḥāzim, Abū Ishāq, ‘Āṣim bin Ḍamrah dan al-Ḥārith al-A‘war dan ‘Alī r.a. hingga kepada Rasulullah s.a.w⁴⁹³.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menyatakan:

سفرت يبع تله دروايتكن اوله سليمان بن أشعث أبو داود، درفد سليمان بن داؤد
المهري، درفد ابن وهب، درفد جرير بن حازم، درفد أبي إسحاق، درفد عاصم
بن ضمرّة دان الحارث الأعور، درفد علي، نبي صلعم اي بركات: (فَإِذَا كَانَتْ
لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمٍ وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْنِي
فِي الذَّهَبِ حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا فَإِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا وَحَالَ
عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ فَمَا زَادَ فَيَحْسَابِ ذَلِكَ)

Melalui penelitian pengkaji, metode penekanan terhadap kepentingan sanad merupakan yang terawal dilakukan oleh *mufasssir* di Malaysia. Metode seperti ini juga Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam kembangkan ke dalam majlis-majlis ilmu di Negeri Perak. Menurut Ustaz Ali Badri bin Abd Majid, Syaykh Abd Aziz bin Abd

⁴⁹² Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 124.

⁴⁹³ Abū Dawūd Sulaymān bin al-Asy‘ath (t.t), *op.cit.*, “*Bab fī Zakāh al-Sā’imah*” no. Hadīth 1573, h. 271, Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 105.

Salam akan membaca *sanad* yang panjang ketika mengajar tafsirnya di Masjid Tanjung Malim, Perak⁴⁹⁴.

Ringkasnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah menyumbang suatu pemikiran mengenai kepentingan *sanad* hadith dalam pengajian tafsir di Malaysia. Pendekatan begini agak jarang dilakukan oleh ulama sezamannya dalam bentuk penulisan karya. Dalam hal ini, beliau dianggap seorang ulama yang perihatin terhadap kesahihan hadith⁴⁹⁵.

4.6 Menyaran Bersikap Toleransi Terhadap Non-Muslim

Pemerintah sebuah Negara Islam tidak boleh memaksa rakyat non-muslim menganut agama Islam. Hak kebebasan beragama diperakui oleh Islam bagi setiap orang⁴⁹⁶. Non-muslim bebas melaksanakan ajaran agama yang mereka anuti. Asas kebebasan ini berdasarkan kepada beberapa ayat al-Qur'an, di antaranya firman Allah s.w.t⁴⁹⁷:

⁴⁹⁴ Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengembangkan pengajian tafsir dan hadith di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negeri Perak hampir berjumlah 50 tempat. Antara tempat tersebut ialah di Masjid Tanjung Malim. Di situ beliau mengajar sebulan sekali iaitu di antara tahun 1966 hingga 1970. Masa yang diperuntukan untuk mengajar selama satu jam selepas Maghrib. Menurut Ustaz Ali Badri bin Abd Hamid, beliau sempat mengajar tafsir *al-Bayān Pada Ta'wīl Ayat-Ayat al-Qur'ān* bermula dari awal surah al-Fātihah hingga kepada ayat 21 daripada surah Āli Imrān. Temubual Ustaz Ali Badri bin Abd Hamid, *op.cit.*, lihat juga Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, halaman bahagian riwayat hidup.

⁴⁹⁵ Selain contoh hadith tersebut, terdapat hadith yang lain ditulis dengan sanad seperti hadith mengenai air laut, mengenai bangkai, mengenai binatang buas, mengenai sembahyang, dan mengenai perincian zakat. Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga menjelaskan martabat hadith dan kaedah penggunaan hadith untuk istibat hukum. Lihat *Ibid.*, j. 2, h. 90, 91, 93, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 111, 112, 113, 160, 161, 217.

⁴⁹⁶ Mat Saad Abd Rahman (1995), *Kedudukan Orang-Orang Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam*, c. 1, Selangor: Penerbit HIZBI, h. 32.

⁴⁹⁷ Sūrah al-Baqarah (2): 256.

لا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ertinya: “Tidak ada paksaan di dalam agama (Islam)

kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan”.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam memperakui bahawa non-muslim tidak boleh dipaksa memeluk Islam apabila mentafsirkan ayat 6 daripada surah al-Baqarah, iaitu firman Allah s.w.t:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: Sesungguhnya orang kafir sama sahaja bagi mereka, kamu beri peringatan atau tidak kamu beri peringatan, mereka tidak akan beriman.

Sūrah al-Baqarah (2): 6

Menurutnya, ayat di atas menjelaskan bahawa terdapat dalam kalangan non-muslim yang sudah tertutup hatinya menerima Islam walaupun kebenaran terbentang di hadapan mereka seperti ahli kitab daripada Yahudi dan Kristian⁴⁹⁸. Walaupun hati mereka sudah tertutup menerima Islam, umat Islam harus menyedari bahawa keadilan Islam itu adalah milik semua penganut agama.

Ekoran daripada itu, pemerintah Islam sama sekali dilarang memerangi non-muslim ahli kitab yang bernaung di dalam negara Islam. Tetapi dengan syarat mereka tunduk dan patuh kepada pemerintah Islam dan sanggup menjelaskan *jizyah*⁴⁹⁹. Jika syarat tersebut dipatuhi dengan baik mereka berhak mendapat

⁴⁹⁸ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 21.

⁴⁹⁹ Selain jizyah pelbagai tanggungjawab lain perlu dipatuhi oleh non-muslim iaitu; membayar cukai kharaj, cukai perniagaan, mematuhi undang-undang Negara, memelihara perasaan orang-orang Islam, menghormati agama Islam dan lain-lain. Sekiranya mereka patuh dan taat dalam melaksana tanggungjawab tersebut mereka berhak menerima pelbagai keistimewaan dan hak-hak. Antaranya ialah; perlindungan terhadap diri, harta benda, kehormatan, tempat tinggal, ketika lemah (sebab tua atau tiada harta), kebebasan beragama, berpindah, berkumpul dan mengeluarkan pendapat, hak bekerja, pendidikan politik dan hak kemudahan awam dan

perlindungan pada diri dan harta benda mereka, tidak boleh dipaksa mereka menganut Islam dan mereka berhak mendapat pertolongan⁵⁰⁰. Jika mereka menolak syarat tersebut, pemerintah Islam berhak melucut kerakyatan dan mereka boleh diperangi⁵⁰¹.

Menerusi analisis pengkaji, status non-muslim daripada golongan Yahudi dan Kristian sahaja yang diakui oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai ahli *dhimmah*⁵⁰². Ini dibuktikan menerusi kenyataannya bahawa lelaki muslim boleh berkahwin dengan wanita ahli kitab dari kalangan Yahudi atau Kristian tanpa perlu mereka memeluk Islam⁵⁰³. Justeru itu, beliau telah menetapkan bahawa ahli *dhimmah* adalah golongan Yahudi dan Kristian. Dalam pemerintahan Islam menetapkan status ahli *dhimmah* sangat penting, kerana mereka sahaja yang dianggap sebagai rakyat kepada negara Islam dari kalangan non-muslim⁵⁰⁴.

Justeru itu, seolah-olah non-muslim dari kalangan mereka yang beragama Hindu dan Buddha tidak diterima oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sebagai ahli *dhimmah*. Pandangan seperti ini agak tidak praktikal untuk dilaksanakan di Malaysia, kerana terdapat masyarakat non-muslim selain daripada Kristian seperti

kehakiman. Lihat Mat Saad Abd Rahman (1995), *op.cit.*, h. 22, 23, Abdul Hadi Awang (2009), *Bagaimana Islam Memerintah Negara*, c. 1, Kuala Lumpur: PTS Isamika Sdn. Bhd., 182 – 187.

⁵⁰⁰ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 22.

⁵⁰¹ *Ibid.*

⁵⁰² *Ibid.*

⁵⁰³ *Ibid.*

⁵⁰⁴ Mat Saad Abd Rahman (1995), *op.cit.*, h. 2.

penganut agama Buddha, Hindu, Sikh dan lain-lain dalam Negara ini⁵⁰⁵. Walaupun Malaysia dari segi perundangannya tidak bersifat Islam kerana perlembagaannya tidak digubal menurut kehendak Islam⁵⁰⁶. Namun, pergaulan seharian dalam kehidupan masyarakat dewasa ini di semua peringkat tidak bercanggah dengan amalan kerajaan Islam lampau bersama non-muslim⁵⁰⁷.

Justeru itu, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam agak cenderung kepada aliran yang menetapkan bahawa ahli *dhimmah* terdiri daripada Yahudi dan Kristian sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh kebanyakan ulama Syafi'i⁵⁰⁸. Mereka berpandangan hanya ahli kitab sahaja yang boleh dikatogori sebagai ahli *dhimmah*. Antara lain mereka tidak boleh dipaksa memeluk agama Islam. Lantaran itu, Kerajaan Islam wajib bertanggungjawab memberi hak-hak kepada mereka sebagai rakyat⁵⁰⁹. Manakala penyembah berhala dari kalangan orang Arab hanya diberi dua pilihan sama ada Islam atau perang⁵¹⁰.

⁵⁰⁵ Menurut Katiman Rostam, peratus agama yang dianuti oleh penduduk Malaysia pada tahun 1980 ialah 53.0% Islam, 17.3% Buddha, 11.6% Confucian/Taoisme, 7.0% Hindu, 6.5% Kristian, 2.0% Agama Suku Kaum, Lain-lain 0.5%, Tiada Agama 2.1%. Penjelasan ini menunjukkan 47.0% adalah masyarakat non-muslim yang berada di Malaysia pada tahun 1980. Sehingga tahun 2009 masyarakat tersebut hidup dalam keadaan bantu membantu antara satu sama lain bagi membangunkan negara ini. Boleh jadi ada sikap prejudis dalam hati, namun zahirnya ada tolak ansur untuk kepentingan bersama. Lihat Katiman Rostam (1984), *Penduduk Malaysia*, Kuala Lumpur: Terbitan Nurin Enterprise, h. 52.

⁵⁰⁶ Mat Saad Abd Rahman (1995), *op.cit.*, h. 32.

⁵⁰⁷ *Ibid.*

⁵⁰⁸ Muḥammad al-Syurbīnī al-Khatīb (t.t), *op.cit.*, h. 262, Taqīy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī al-Husnī (1998), *op.cit.*, h. 608, Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Ramlī al-Anṣārī (1994), *op.cit.*, h. 122, Muḥammad al-Zuhrī al-Ghamāwī (2008), *al-Rirāj al-Wahhāj*, c. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 407, Ibrāhīm al-Bājūrī (1996), *op.cit.*, j. 2, h. 296.

⁵⁰⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 22, *Ibid.*, j. 3, h. 18.

⁵¹⁰ *Ibid.*

Pandangan ini agak kontra dengan beberapa ulama dalam mazhab Hanafi seperti al-Qāḍī Abū Yūsuf⁵¹¹ dan lain-lain. Oleh itu, alangkah baiknya jika Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengambil pendapat al-Qāḍī Abū Yūsuf yang melebarkan pengertian ahli *dhimmah* kepada Yahudi, Kristian, Majusi, *al-Ṣābi'īn*⁵¹², *al-Sāmīrah*⁵¹³ dan penyembah berhala, api dan batu⁵¹⁴. Pandangan tersebut amat sesuai dengan iklim di Malaysia yang terdapat pelbagai penganut agama seperti Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, dan lain-lain. Lantaran itu mereka boleh dikategorikan sebagai ahli *dhimmah* yang berhak mendapat hak-hak sebagai rakyat di sebuah Negara Islam.

Pandangan ini juga menyamai pendapat al-Imām Mālik, al-Awazā'ī dan mazhab Zaydiyyah yang mengharuskan kesemua non-muslim sama ada ahli kitab

⁵¹¹ Beliau ialah Ya'kūb bin Ibrāhīm bin Habīb al-Anṣārī al-Kūfī al-Baghdādī dilahirkan pada tahun 113 Hijrah di Kufah. Beliau merupakan salah seorang anak murid al-Imam Abu Hanifah yang mendapat pengiktirafan daripada Khalifah Harūn al-Rasyīd untuk memegang jawatan Ketua Hakim Negara. Banyak menghasilkan karya yang bermutu antaranya ialah *al-Kharāj*, *al-Athār*, *Musnad Abī Ḥanīfah*, *Adab al-Qāḍī* dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 182 Hijrah dan dikebumikan di Baghdad. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1980), *op.cit.*, j. 8, h. 193.

⁵¹² Terdapat percanggahan pandangan di kalangan *mufasssir* berhubung maksud al-Ṣābi'īn. Berkata al-Suddi mereka ialah satu kaum daripada ahli kitab, menurut Mujāhid mereka ialah satu kaum yang tiada agama dan bukan daripada ahli kitab, berkata Qatādah pula mereka ialah golongan yang menyembah Malaikat. Dalam hal ini Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān menyatakan bahawa pendapat yang tepat ialah al-Ṣābi'īn ini bukan daripada ahli kitab atau status mereka seumpama ahli kitab seperti Majusi kerana tiada datang hadith yang memperkatakan tentang mereka. Lihat 'Abd al-Ḥaq bin bin 'Aṭīyyah (2001), *Al-Muḥarr al-Wajīz fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, j. 1, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 157, 'Abd al-Karīm Zaydān (1998), *Mūjāz al-Adyān fī al-Qur'ān*, c. 1, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 97, 98.

⁵¹³ Menurut Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Syahrastānī golongan tersebut tinggal di gunung Bayt al-Maqdis. Mereka hanya mengaku kenabian Musa a.s, Harun a.s dan Yusya' bin Nun a.s dan tidak mengaku kenabian sesudah tersebut melainkan seorang nabi kerana kitab Taurat menyatakan demikian. Golongan ini berpecah kepada Dustāniyah dan Kustāniyah. Dustaniyah bermaksud golongan dusta yang berpecah dan mereka hanya mengaku dosa dan pahala di atas dunia sahaja. Maksud Kustaniyah pula ialah golongan yang benar dan mereka mengakui hari akhirat dan tentang dosa dan pahala. Kiblat mereka ialah sebuah gunung yang dinamai Kuzayrīm terletak antara Bayt al-Maqdis dan Nablus. Lihat Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Syahrastānī (2001), *Al-Milal wa al-Nihal*, j. 1, c. 8, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 260-262.

⁵¹⁴ Abū Yūsuf Ya'kūb bin Ibrāhīm (t.t), *Kitāb al-Kharāj*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 122, 128.

atau penyembah berhala daripada kalangan Arab dan selainnya menjadi kerakyatan di Negara Islam⁵¹⁵.

Kesimpulannya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menyaran masyarakat dan pemerintah Islam bertoleransi terhadap non-muslim⁵¹⁶. Mereka boleh hidup aman bersama pemerintah dan rakyat yang beragama Islam walaupun mereka tidak menganut Islam. Namun begitu, beliau menyempitkan status ahli *dhimmah* kepada ahli kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Kristian. Lantaran itu, pandangan ini agak kontra dengan pendapat ulama daripada mazhab Hanafi.

4.7 Menentang Keras Ilmu Sihir

Menurut Kamus Dewan sihir bermaksud perbuatan atau kejadian luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib) yang melibatkan makhluk halus⁵¹⁷. Melalui definisi ini dapat difahami bahawa amalan sihir mempunyai kaitan dengan unsur-unsur ghaib yang melibatkan manusia, jin dan syaitan. Pentakrifan ini hampir senada dengan al-Aṣḥihānī yang menyatakan bahawa sihir itu ialah meminta pertolongan syaitan dan berdampingan dengannya⁵¹⁸.

⁵¹⁵ ‘Abd al-Karīm Zaydān (1988), *op.cit.*, h. 24.

⁵¹⁶ Terdapat ayat-ayat yang lain telah ditafsir oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mengenai toleransi terhadap non-muslim seperti ayat 66 dan ayat 256 surah al-Baqarah. Sebenarnya, saranan beliau mengenai toleransi terhadap non-muslim melangkaui kepada urusan perkahwinan. Beliau berpandangan bahawa seorang muslim boleh berkahwin dengan non-muslim ahli kitab berdasarkan nas al-Qur’an dan sunnah Nabi s.a.w. Huraian mengenai perkara tersebut dengan lebih terperinci boleh dilihat ketika beliau mentafsirkan ayat 221 surah al-Baqarah. Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 159, *Ibid.*, j. 2, h. 383, *Ibid.*, j. 3, h. 17, 18.

⁵¹⁷ Teuku Iskandar (2002), *op.cit.*, h. 1277.

⁵¹⁸ Selain daripada makna ini terdapat dua makna lain yang disebut oleh al-Asfihani di dalam kitabnya *Mu’jam Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*. Pertama dengan makna suatu khayalan yang dijelmakan berlainan daripada hakikat sebenar, kedua dengan makna suatu keindahan yang dilihat. Umumnya apabila sihir

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam pula mengumpamakan sihir ini sebagai rupa sesuatu yang bukan hakikatnya seperti melihat kepada rupa kilauan air di atas padang pasir pada waktu terik matahari⁵¹⁹. Ketika mentafsirkan ayat 102 daripada surah al-Baqarah mengenai ilmu sihir yang berluasa selepas zaman kerajaan Nabi Sulayman a.s. Beliau menjelaskan bahawa ilmu tersebut tersebar melalui Syaitan yang suka melihat manusia berpecah belah⁵²⁰.

Menurut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, sihir ini juga pernah berlaku kepada Nabi s.a.w sebagaimana yang dilakukan oleh seorang Yahudi yang bernama Lubayb bin al-A‘şam⁵²¹. Namun begitu, Syaykh Muḥammad ‘Abduh dan Sayyid Muḥammad Rasyīd Ridā menyatakan bahawa tidak mungkin berlaku sihir terhadap Nabi s.a.w berdasarkan firman Allah s.w.t وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ ertinya: “Allah akan melindungimu dari (kejahatan) manusia”⁵²². Kerana pada hakikatnya kesakitan yang dialami oleh Nabi s.a.w bukan berpunca daripada sihir tersebut, tetapi kebetulan berlaku waktu itu⁵²³.

dikaitkan dengan amalan yang jahat ia membawa maksud ilmu hitam untuk mencedera dan merosakkan orang lain yang mempunyai unsur syaitan. Lihat Al-Ḥusyan bin Muḥammad al-Aṣṣihānī (2006), *op.cit.*, h. 170.

⁵¹⁹ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 236.

⁵²⁰ *Ibid.*, h. 232.

⁵²¹ *Ibid.*

⁵²² Sūrah al-Mā'idah (5):67.

⁵²³ *Ibid.*, h. 206.

Ilmu sihir bukan sahaja tersebar luas di Timur Tengah bahkan ia juga tersebar dalam masyarakat di Nusantara dan Malaysia⁵²⁴. Orang Melayu mengenali sihir dalam bentuk santau, ilmu pembenci, ilmu pelalau dan sebagainya⁵²⁵. Sebagai contoh di Negeri Perak sangat terkenal dengan sihir dalam bentuk santau. Melalui pengalaman hidup pengkaji, antara tempat yang ditakuti oleh masyarakat di Negeri Perak suatu ketika dahulu ialah di Grik, Gopeng dan Kuala Kangsar, Perak.

Sihir dalam bentuk santau sangat bahaya jika seseorang terkena melalui minuman atau makanan. Kononnya santau ini diperbuat daripada bahan yang berbisa seperti bulu ulat bulu, bisa ular, bisa kala jengking dan diadun dengan kaca daripada lampu kalimatang yang ditumbuk halus⁵²⁶. Selepas proses tersebut ia dikeringkan sehingga menjadi serbuk untuk diletakkan ke dalam makanan dan minuman⁵²⁷. Mereka yang terkena santau ini boleh membawa mati secara berperingkat.

Lantaran itu, bagi menyekat umat Islam terlibat dengan amalan sihir ini, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam menjelaskan bahawa akibat daripada mempelajari ilmu sihir, ia boleh merosakkan iman seseorang, hubungan kemanusiaan, memporak-peranda masyarakat⁵²⁸. Oleh kerana itu, beliau sangat keras menentang amalan sihir. Pengamal ilmu sihir ini boleh membawa syirik dan Allah s.w.t melaknat tukang

⁵²⁴ Harun Din (2009), *Menjawab Persoalan Makhluq Halus*, c. 1, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, h. 127 – 138.

⁵²⁵ *Ibid.*

⁵²⁶ *Ibid.*, h. 127, 128.

⁵²⁷ *Ibid.*

⁵²⁸ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 237.

sihir yang berusaha menceraikan pasangan suami isteri⁵²⁹. Umumnya, kebanyakan ulama mengeluarkan fatwa bahawa mempelajari ilmu sihir boleh membawa kepada kafir⁵³⁰.

Kesimpulannya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seorang ulama yang tegas menentang amalan sihir supaya tidak berluasa dalam masyarakat Islam. Lantaran itu, beliau berpandangan bahawa pengamal sihir adalah seorang yang kafir dan dilaknat oleh Allah s.w.t.

4.8 Pengaruh *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* Dalam Masyarakat

Semasa hayat Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, karya ini begitu berpengaruh dalam masyarakat tempatan, khususnya di Negeri Perak. Karya ini dibaca oleh beliau di majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh masjid dan surau. Pendapat ini ditegaskan oleh Ustaz Ibrahim bin Mahmud yang merupakan rakan dan bekas pelajar Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam⁵³¹. Menurutnya, pengajian tafsir yang dipimpin oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mendapat sambutan yang mengalakkan daripada masyarakat. Kecenderungan masyarakat untuk mengikuti pengajian tafsir ini disebabkan huraian yang menarik daripada beliau berpandukan karya tafsir tersebut⁵³².

⁵²⁹ *Ibid.*

⁵³⁰ Harun Din (2009), *op.cit.*, h. 106.

⁵³¹ Temubual Ustaz Ibrahim bin Mahmud, *op. cit.*

⁵³² *Ibid.*

Pendapat ini disokong oleh Ustaz Azizan bin Desa yang sentiasa mengikuti majlis pengajian tafsir Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang dianjurkan oleh Masjid Ridwaniah, Kuala Kangsar, Perak sekitar tahun 60-an⁵³³. Menurutnya, ilmu tafsir yang dimiliki oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam sangat mantap. Oleh itu, beliau mampu mengupas ayat-ayat al-Qur'an dengan baik dan mendalam khususnya berkaitan ayat-ayat hukum⁵³⁴. Menurutnya lagi, huraian mengenai hukum fekah sangat meluas dan mencakupi pelbagai pandangan ulama. Sebagai contoh ketika mentafsirkan ayat ... نسائكم حرث لكم beliau telah mendatangkan beberapa pandangan ulama mengenai huraian tersebut⁵³⁵.

Menurut Ustaz Ali Badri bin Abd Majid pula, beliau sempat mengikuti pengajian tafsir yang dibawa oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam di Masjid Jamik Tanjung Malim bermula dari Surah al-Fatihah hingga ayat 21 surah Ali 'Imran⁵³⁶. Walaupun buta, beliau tetap mengikuti pengajian tafsir tersebut dan memiliki naskah karya Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Menurutnya, beliau sangat tertarik dengan kupasan hadith yang dibuat oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam ketika mentafsir ayat-ayat al-Qur'an⁵³⁷.

⁵³³ Temubual penyelidik dengan Ustaz Azizan bin Desa, bekas pelajar dan mantan Pesuruhjaya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Negeri Perak pada 7.6.2011 di kediamannya Kg. Ngor, Sauk, Kuala Kangsar, Perak.

⁵³⁴ *Ibid.*

⁵³⁵ Ustaz Azizan bin Desa mendatangkan contoh ayat tersebut menerusi ingatannya semata-mata tanpa merujuk kepada karya tafsir tersebut. Setelah pengkaji meneliti, ayat tersebut terdapat dalam surah al-Baqarah pada ayat 223. Sememangnya ingatan Ustaz Azizan masih kuat apabila pengkaji merujuk semula mengenai pentafsiran tersebut mendapati Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah mendatangkan pelbagai pandangan daripada sahabat. *Ibid.*, Abd Aziz bin Abd Salam (1969), *op.cit.*, j. 2, h. 398.

⁵³⁶ Temubual Ustaz Ali Badri bin Abd Majid, *op. cit.*

⁵³⁷ *Ibid.*

Dewasa ini karya tersebut tidak lagi dibaca oleh guru-guru takmir atau guru dakwah di masjid dan surau di Negeri Perak. Setakat kajian ini berjalan, pengkaji belum mendapati mana-mana guru takmir yang membaca teks karya tersebut sebagaimana pengakuan Ustaz Muhammad Hanif bin Badrul selaku Pegawai Penyelaras Takmir, Jabatan Agama Islam Negeri Perak⁵³⁸.

Walaupun begitu, karya ini masih lagi menjadi bahan rujukan di perpustakaan. Ini dapat dibuktikan apabila karya ini menjadi bahan rujukan di perpustakaan Jabatan Agama Islam Negeri Perak, perpustakaan Masjid Negeri Perak, perpustakaan Maahad Tahfiz al-Qur'an wal-Qiraat ADDIN, Kampung Tualang Sekah, perpustakaan masjid-masjid di Negeri Perak seperti Masjid Daerah Tapah, Masjid Batu 3 Temoh, dan lain-lain⁵³⁹. Selain itu, terdapat di kalangan individu yang membuat rujukan peribadi di rumah mereka. Hal ini ditemui oleh pengkaji semasa menjalankan kajian mengenai karya tersebut⁵⁴⁰.

⁵³⁸ Penyelidik ingin mendapat kepastian dari Pegawai Penyelaras Takmir, Jabatan Agama Islam Perak iaitu Ustaz Muhammad Hanif bin Badrul dengan menghubungi beliau. Menurutnya, selaku Pegawai Penyelaras Takmir, Jabatan Agama Islam Perak beliau menerima borang-borang kelas pengajian di masjid dan surau daripada guru-guru takmir seluruh daerah di Negeri Perak. Namun, setakat ini belum terdapat guru takmir yang mengajar menggunakan karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Manakala guru bukan takmir tidak dipasti pula sama ada mereka mengajarnya atau tiada kerana sukar untuk mendapat rekod tersebut. Temubual penyelidik dengan Ustaz Muhammad Hanif bin Badrul, Pegawai Penyelaras Takmir, Jabatan Agama Islam Perak melalui telefon (013-5187327) pada 24.5.2011.

⁵³⁹ Tempat-tempat tersebut pengkaji sendiri pernah meninjau beberapa kali sama ada urusan berkaitan dengan karya tersebut atau untuk kajian disertasi ini. Selain itu, pengkaji juga telah pergi meninjau beberapa perpustakaan yang lain untuk mendapat bukti kewujudan karya tersebut dan mendapat maklumat mengenai dakwaan yang mengatakan karya tersebut lengkap 30 juzuk. Tinjauan tersebut bermula dari tahun 2008 hingga 2011.

⁵⁴⁰ Fakta-fakta tersebut pengkaji temui di beberapa lokasi di Perak Tengah dan Selatan Perak. Oleh itu, pengkaji ingin jelaskan bahawa tinjauan ini tidak menyeluruh dan sukar bagi pengkaji untuk menyatakan ia mewakili seluruh daerah Negeri Perak. Pendapat pengkaji, cukup jika beberapa individu masih lagi menjadikan karya tersebut bahan rujukan peribadinya.

Menurut Ustaz Azizan bin Desa, sewaktu ketika dahulu karya ini menjadi bahan rujukan beliau untuk mengetahui hukum-hukum fekah di samping merujuk kepada kitab fiqh jika terdapat masalah hukum⁵⁴¹. Selaku Pesuruhjaya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) beliau perlu mendalami isu-isu fiqh semasa. Menurutnya, karya tersebut sangat sesuai dijadikan bahan rujukan lebih-lebih lagi beliau sendiri berguru secara langsung dengan pengarang karya tersebut. Selain itu, beliau sangat terkesan dengan saranan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang sentiasa berpesan supaya rajin membaca dan membuat rujukan kepada kitab-kitab untuk menambah ilmu⁵⁴².

Menurutnya lagi, sehingga saat ini beliau masih merujuk dan membaca karya tersebut dan satu juzuk darinya telah diberikan kepada anaknya untuk rujukan ketika belajar undang-undang di Universiti Kebangsaan Malaysia⁵⁴³. Manakala tinjauan pengkaji di Jabatan Agama Islam Perak pula, mendapati karya ini hanya menjadi bahan rujukan umum untuk kakitangan di Perpustakaan Jabatan Agama Islam Perak dan bukan diambil oleh bahagian tertentu untuk istinbat hukum dan sebagainya⁵⁴⁴.

⁵⁴¹ Temubual Ustaz Azizan bin Desa, *op.cit.*

⁵⁴² *Ibid.*

⁵⁴³ Menurutnya, anak beliau yang bernama Ahmad Nabil telah mengambil ketika beliau membuat kajian perbandingan undang-undang Islam dan Inggeris di peringkat Sarjana Muda Universiti Kebangsaan Malaysia sekitar awal 90-an. Sekarang anaknya sudah berkerja sebagai peguam di Syarikat Petronas Kuala Lumpur. *Ibid.*

⁵⁴⁴ Pengkaji telah berjumpa dengan Ustaz Mohd Azam bin Hamzah selaku Timbalan Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak pada 7.6.2011 untuk mendapat maklumat tersebut. Menurutnya, beliau tidak ada sebarang maklumat mengenai perkara itu memandangkan beliau baru sahaja dipindahkan ke jawatan tersebut setahun yang lalu. Pengkaji juga menghubungi Ustaz Zambri bin Hashim selaku pegawai istinbat Jabatan Mufti Negeri Perak untuk mendapat maklumat tersebut. Menurutnya, Jabatan Mufti ketika menerbitkan buku *Ulama Perak Dalam Kenangan dan Tokoh Maal Hijrah* ada memuatkan biodata Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dan maklumat tersebut dikutip dari majalah Suara Majlis tidak dari karya *al-Bayan* yang juga memuatkan biodata pengarang. Temubual penyelidik dengan Ustaz Mohd Azam bin Hamzah, Timbalan Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak pada 7.6.2011 di Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Temubual penyelidik dengan Ustaz Zamri bin Hashim, Pegawai Istiabat, Jabatan Mufti Negeri Perak melalui telefon (013-5200914) pada 7.6.2011.

Oleh itu, sukar bagi pengkaji untuk menetapkan bahawa karya ini pernah dijadikan bahan rujukan oleh bahagian penyelidikan atau Jabatan Mufti sewaktu ketika dahulu.

Karya tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* menjadi istimewa apabila ia telah mendapat sokongan moral dari pihak Istana Negeri Perak. Sultan Perak waktu itu telah berkenan untuk memberi kata-kata aluan terhadap penerbitan karya tersebut⁵⁴⁵. Hal tersebut, jarang berlaku terhadap karya-karya yang lain karangan ulama-ulama Negeri Perak⁵⁴⁶. Justeru, untuk meletakkan karya ini mempunyai pengaruh Istana Perak adalah logik.

Ringkasnya, karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* mempunyai pengaruh yang meluas sewaktu ketika dahulu. Dewasa ini, ia sudah terbatas kepada bahan rujukan perpustakaan yang terdapat di Negeri Perak. Karya ini tidak lagi menjadi teks pengajian tafsir di majlis-majlis ilmu di masjid atau di surau seperti dahulu.

4.9 Kesimpulan

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam seorang *mufassir* yang telah banyak memberi sumbangan pemikiran kepada dunia ilmu menerusi karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Sumbangan tersebut merangkumi aspek yang berkaitan akidah, fiqh, pengajian al-Qur'an, pengajian hadith, ilmu kemasyarakatan dan lain-lain.

⁵⁴⁵ Abd Aziz bin Abd Salam (1968), *op.cit.*, halaman bahagian kata-kata aluan.

⁵⁴⁶ Setakat kajian ini berjalan, tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* sahaja yang pernah mendapat kata-kata aluan dari pihak Istana Perak yang merupakan Pengerusi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak.

Menerusi penelitian pengkaji, sumbangan pemikiran yang berjaya ditonjolkan oleh beliau ialah terjemahan *harfiyah*, fiqh al-ayat menerusi huraian hadith, dan kepentingan *sanad*.

Justeru itu, pengaruhnya sangat meluas pada peringkat awal kerana nilai ilmu dan sumbangan pemikiran beliau. Namun sekarang, karya tersebut hanya tersimpan di beberapa perpustakaan di Negeri Perak sebagai bahan rujukan dan tidak menular penggunaannya seperti dahulu.